




BICARA BUDIMAN

Sarkasi Said

SARKASI SAID

Sarkasi bin Said dilahirkan di Singapura pada 27 Mac 1940. Dikenali dengan gelaran Tzee, beliau merupakan seorang tokoh dan pelukis batik Singapura yang tersohor. Beliau gemar menggunakan warna-warna yang garang dan sering melukis tentang alam.

“Saya lihat diri saya sebagai pelajar tentang kehidupan dan setiap lukisan saya merupakan satu pengalaman baharu.”



BICARA BUDIMAN

Sarkasi Said

Wawancara dan Susunan

Mohamed Noh Daipi

Pengarah Pusat Bahasa Melayu Singapura

dan

Rahmat Subadah

Guru Pakar Pusat Bahasa Melayu Singapura

Cetakan September 2020

Hak cipta terpelihara © 2020 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

ISBN: 978-981-14-4880-5

Diterbitkan oleh:

Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura



Dicetak oleh:

Oxford Graphic Printers Pte Ltd
Tel: 6748 3898
www.oxfordgraphic.com.sg

Catatan:

Pendapat dan pandangan yang terkandung dalam buku ini merupakan pendapat peribadi Encik Sarkasi Said dan tidak semestinya mencerminkan pandangan Pusat Bahasa Melayu Singapura.



Kandungan

Sekapur Sirih	4
Budi	6
Batik	58
Budaya	126
Bersama Pemimpin Negara	144
Bicara Budiman Sesi Wawancara	152
Jejak Seni Sarkasi Said	158
Junjungan Budi	165
Rujukan	166



Sekapur Sirih



MOHAMED NOH DAUPI

Pengarah Pusat Bahasa
Melayu Singapura

Akademi Guru Singapura

Kementerian Pendidikan
Singapura





Para pembaca budiman

Encik Sarkasi Said atau lebih akrab dengan panggilan Pak Sarkasi merupakan tokoh seni batik yang tersohor di Singapura. Keunggulan daya cipta dan kehalusan rasa seni beliau amat mengagumkan. Jasa dan sumbangan beliau dalam bidang seni halus dan kebudayaan serta kemasyarakatan tidak ternilai. Kesan dan manfaat sumbangan beliau dalam bidang seni batik khususnya, bukan sahaja diraih oleh masyarakat Singapura, malah di Nusantara dan dunia jagat.

Pak Sarkasi seorang seniman budiman yang mendahului zamannya. Beliau antara insan yang berjaya memupuk minat dan mendidik diri secara sendiri. Alam dan pengalaman kehidupan ialah universiti bagi diri beliau. Sepanjang perjuangan dan pelibatan beliau dalam bidang seni, beliau telah menjalankan pelbagai pameran secara solo dan berkumpulan di serata dunia termasuklah Amerika Syarikat, Belanda, Brunei, China, Filipina, Hongkong, Indonesia, Jerman, Korea, Malaysia, Malta, New Zealand dan Thailand.

Bicara Budiman Sarkasi Said ini merupakan usaha Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS), Kementerian Pendidikan untuk merakam dan mendokumentasi perjuangan dan pengalaman Pak Sarkasi dalam membina dan memperkaya diri dalam seni batik. Buku ini mengandungi transkrip rakaman wawancara video beliau mengenai latar belakang kehidupan, pendidikan, perjuangan, buah fikiran, pandangan, falsafah dan harapan beliau sebagai anak seni dan seniman agung batik. Pengalaman dan rasa rendah hati beliau amat terserlah walaupun beliau sudah pun mengecap pelbagai kejayaan dan anugerah sepanjang pelibatan beliau dalam seni.

Semoga penerbitan yang dihasilkan ini dapat dijadikan sumber rujukan demi merangsang para guru, penggiat seni dan para pelajar untuk menjalankan kajian mengenai perjuangan Pak Sarkasi. Selamat membaca.



Bahagian 1





Budi

“ Saya tidak memilih melepasi terowong untuk mendapatkan cahaya. Semasa dalam terowong itu saya cuba memperoleh cahaya. ”

“Saya dipanggil “Zee” tapi kerana pekatnya lidah orang-orang Jawa itu jadi perbezaan antara “Zal” dan “Zai” itu jadi “Tzee”. Ia jadi lebih kental “Tzee”nya itu daripada “Zee” biasa.”

LATAR BELAKANG

Boleh Pak Sarkasi terangkan sedikit latar belakang dan di manakah Pak Sarkasi dilahirkan?

Saya dilahirkan di Gentle Road nombor lapan di Singapura, di sebuah kampung di pinggir Singapura yang dipanggil Kampung Pasiran.

Saya dilahirkan pada 27 Mac 1940.

Pada waktu kecil apakah nama timang-timangan Pak Sarkasi?

Saya dipanggil “Zee” tapi kerana pekatnya lidah orang-orang Jawa itu jadi perbezaan di antara “Zal” dan “Zai” itu jadi “Tzee”. “Tzee”nya jadi lebih kental daripada “Zee” biasa.

Dan Insya-Allah pada tahun ini Pak Sarkasi akan berumur 79 tahun. Tahniah kami ucapkan kepada Pak Sarkasi.

Terima kasih.

Siapakah nama penuh orang tua Pak Sarkasi?

Nama arwah bapa ialah Said Bin Haji Abdul Razak dan nama ibu ialah Suminah Binte Sarpan.

Dan bagaimana dengan nama datuk dan nenek?

Nama Datuk Haji Mukayat dan nama Nenek Hajjah Suriati.

Adakah Pak Sarkasi tinggal dengan ayah dan ibu, dan dengan datuk dan nenek pada waktu itu?

Pada waktu itu, saya rasa kerana mungkin tidak ada jodoh, orang tua saya berpisah. Saya ikut Datuk dan Nenek. Dan Datuk bekerja sebagai pembina rumah-rumah Melayu di Kampung Melayu di Eunos, Geylang. Jadi Datuk pulang ke rumah hanya mungkin dua minggu ataupun sebulan sekali. Sedangkan Nenek saya pula menjaja kain batik dari pagi hingga ke malam.

Nenek menyusur ke tempat-tempat di mana ramai penghuni berbangsa Melayu dan di situlah dia menjual kain batik. Adakalanya saya ikut Nenek kerana keinginan saya sejak kecil itu senang bertemu orang-orang dan juga ingin tahu apakah sebenarnya perhubungan antara Nenek dengan orang-orang yang membeli kain. Nenek menjalin hubungan yang rapat dengan orang-orang lain termasuk orang-orang yang membeli kain. Itulah saya senang sekali ikut Nenek menjaja kain batik.

Pak Sarkasi mengikut Nenek menjual kain?

Saya mengikut Nenek pergi dari satu daerah ke satu daerah yang lain, dan biasanya naik beca. Kalau dulu itu di Henderson Road ada sebuah perkampungan Melayu. Di perkampungan Melayu di Henderson Road itu sebenarnya ramai orang dari Indonesia yang bekerja di sebuah tempat yang dipanggil gudang gelas pada waktu itu. Jadi ramai orang Jawa yang bermastautin dan bekerja di gudang gelas dan di situlah Nenek menjual kain-kainnya. Selain itu, Nenek juga menjual kain batik di kampung-kampung Melayu yang lain umpamanya seperti di Kampung Cantik dan juga di Jalan Eunus dan merata tempatlah.

“**Saya ikut Nenek saya kerana keinginan saya sejak kecil itu senang bertemu orang-orang dan juga ingin tahu apakah sebenarnya perhubungan antara Nenek dengan orang-orang yang membeli batik.**”

Berapa ramai adik-beradik Pak Sarkasi?

Saya hanya dua beradik, Kakak dan saya. Kakak saya pada waktu itu tinggal bersama Nenek dan dia

mendapat pelajaran di sekolah Melayu iaitu di Sekolah Melayu Scotts Road, dan akhirnya dia menjadi guru bahasa. Kakak saya bernama Hajjah Zariah binte Said. Itulah kalau tadinya saya Sarkasi jadi “Zar” jadi Kakak saya namanya itu dipanggil Jariah.

“**Keluaga saya asalnya dari Jawa, Indonesia. Bapak kelahiran Jawa di Weleri daerah Kendal dan Ibu keturunan Jawa tapi dia dilahirkan di Sumatra.**”

Adakah beliau masih ada?

Dia sudah tidak ada. Dia telah kembali ke rahmatullah sejak hampir lebih daripada 10 tahun lalu.

Datuk bekerja dan kemudian Nenek berniaga kain, dan kalau misalnya tidak mengikut Nenek menjual kain, dengan siapakah Pak Sarkasi tinggal di rumah?

Sebenarnya kalau di rumah itu saya tidak tinggal dengan siapa-siapa. Hanya saya sendirian. Kakak saya pula ke sekolah. Selepas balik sekolah pada waktu itu, saya banyak bermain. Kalau di kampung dulu, ada teman-teman sebaya yang lain dan hubungan kami begitu dekat kerana ramai kanak-kanak. Jadi saya bergaul dengan kanak-kanak ini. Tapi sejak awal-awal lagi, saya sudah dekat

dengan alam. Walaupun saya bermain, biasanya saya bermain di kebun-kebun dan di kawasan paya, termasuk di *reservoir* serta empangan. Jadi saya sering ke tempat-tempat ini. Waktu itu sebenarnya kalau pulang sekolah sampai ke petang saya berlegar-legar di tempat-tempat demikian dan akan ada beberapa anak-anak yang mengikut saya. Saya kenalkan kepada mereka pohon-pohon, bunga-bunga dan ikan-ikan. Jadi dari situ minat saya timbul. Saya cuba membawa anak-anak ini untuk mengenal akan alam.



Sarkasi Said (1960-an)

Adakah Pak Sarkasi masih ingat nama-nama kawan Pak Sarkasi pada waktu itu?

Ada beberapa nama kawan yang saya ingat seperti Fadil dan Sapari. Itu merupakan dua nama yang masih saya dapat ingat.

Keluarga Pak Sarkasi berasal dari mana?

Keluarga saya asalnya dari Jawa,

Indonesia. Bapak kelahiran Jawa di Weleri daerah Kendal dan Ibu juga keturunan Jawa tapi dia dilahirkan di Sumatra. Jadi Nenek dan Datuk memang semuanya dari Jawa.

PASANGAN HIDUP

Bilakah Pak Sarkasi berumah tangga?

Saya berumah tangga pada tahun 1967.

Beritahu kami siapakah nama penuh isteri Pak Sarkasi.

Isteri saya bernama Hajjah Salamah binte Muhammad.

Di manakah Pak Sarkasi bertemu beliau?

Ceritanya agak panjang sedikit. Pada awalnya tidak ada perasaan apa-apa antara isteri dan saya.

Setiap hari saya tidur di warung berdekatan rumah. Jadi setiap pagi isteri saya itu akan ke pasar melalui warung itu dan saya melihat isteri saya ini setiap pagi ke pasar kemungkinan untuk membeli sayur dan apa juga barang yang akan dimasak. Dia ada adik-beradik tapi ibunya juga bekerja, jadi ibunya tidak ada di rumah. Dialah yang masak apa yang dibeli dari pasar. Dan sesudah itu, apabila petang dia bawa adiknya bersiar-siar, berjalan-jalan.

Adiknya berumur lima enam tahun tapi tidak boleh berjalan. Jadi dia dukung

adiknya dan dibawa bersiar-siar di daerah kampung itu. Jadi setiap hari, setiap waktu saya lihat keadaan dia begitu iaitu menjaga keperluan keluarga seperti memasak dan juga menjaga adiknya yang kurang sihat itu.

Dari situ saya mempunyai perasaan, kemungkinan dia adalah salah satu daripada calon isteri untuk saya. Bukan kerana cinta tetapi yang saya fikirkan, dia boleh menjaga saya dan kemungkinannya menjaga keluarga saya dan kami boleh mendirikan rumah tangga. Setelah itu baru ada rasa sayang menyayangi kerana dia telah berusaha untuk menjaga dan memelihara saya dengan begitu baik dan tidak terduga sekali. Oleh sebab itu semakin hari semakin terasa dekatnya hubungan kami berdua.

Inginlah kami mendapatkan anak pertama iaitu Ika Zahri bin Sarkasi dan kami melalui liku-liku kehidupan yang sukar dan tidak selesa apatah lagi saya sebagai seorang lepasan sekolah menengah yang tidak mempunyai pelajaran yang agak tinggi.

Jadi saya tidak mempunyai pekerjaan dan sehari-hari hanya mengharapkan belas kasihan daripada orang yang minat terhadap hasil kerja saya iaitu sketsa-sketsa yang saya buat dan juga belas kasihan daripada tetangga-tetangga yang melihat kehidupan saya dan isteri saya yang serba kekurangan. Saya kurang bertenaga dalam menjalankan kehidupan. Kakak juga turut membantu

biarpun tidak tinggal bersama. Biasanya dia akan datang ke rumah saya sebulan sekali untuk membawa beras ataupun makanan lain supaya saya dapat meneruskan hidup bersama anak dan isteri saya.

“... saya fikirkan boleh menjaga saya dan kemungkinan menjaga keluarga saya dan kita mendirikan rumah tangga setelah itu baru ada rasa sayang menyayangi ... semakin hari semakin terasa dekatnya hubungan kita.”

Pak Sarkasi berumah tangga pada umur 27 tahun. Dan pada waktu itu, usia Mak Salamah berapa?

Isteri saya berumur 17 tahun. Perbezaan umur ada dalam 10 tahun antara Salamah dengan saya.

Siapakah nama anak-anak Pak Sarkasi yang lain?

Anak saya yang lain ialah Ilya Zahri, Indra Zahri dan Imelda Zahri.

Berapa umur mereka sekarang?

Ika Zahri berumur 50 tahun. Ilya Zahri pula berumur 48 tahun. Indra Zahri berumur 46 tahun dan Imelda Zahri berumur 41 tahun.



Sarkasi Said bersama Isteri (1970an)

HIDUP DEKAT DENGAN ALAM

Mengapakah Pak Sarkasi tidur di warung semasa muda dahulu?

Sebenarnya keselesaan tidur di warung itu banyak. Selain daripada keselesaan hal itu juga merupakan dekatnya hidup saya dengan alam. Jadi di warung ini saya bebas melihat bintang-bintang, melihat pohon-pohon, melihat unggas-unggas dan melihat ternakan-ternakan yang hidup bebas. Dan dari situ saya sudah mula mendekatkan diri kepada satu kehidupan yang bebas, betapa besarnya usaha alam ini untuk hidup. Kalau yang tinggi semakin tinggi, kalau yang menjalar di bawah semakin menjalar dan juga unggas-unggas yang berterbangan.

Jadi dari situ saya merasakan hidup saya ini lebih dekat dan saya menjadi

lebih cinta akan *nature*. Saya membawa kehidupan saya berprinsipkan kepada alam. Sejak dari kecil lagi entah kenapa saya sudah fikirkan tentang prinsip kehidupan saya. Jadi dengan sedemikian, saya akan membawa anak-anak tadi ke kebun-kebun bunga.

Di situlah saya mendekatkan diri kepada *nature*. Saya sudah mula menilai keanggunan bunga-bunga dan tumbuhan-tumbuhan. Jadi dari situ saya sudah memikirkan akan kehidupan saya waktu itu bagaimana kerana saya melihat bunga ada kuning, ada merah, ada ungu dan segala macam. Tapi bila saya lihat di bawah pohonnya, tidak ada warna merah, kuning atau biru. Jadi di situ saya sudah terfikir bahawa ada anatomi yang tersendiri yang diberikan atau dijadikan oleh yang Maha Esa bahawa ia boleh menjadi warna.



Sarkasi Said bersama Isteri, Puan Hajjah Salamah di rumah (2019)

Dari segi keindahan, kita tidak hanya melihat akan warnanya sahaja tapi dari segi infrastrukturnya dan bagaimana bunga-bunga itu mendapat warna.

Jadi itu adalah satu keunggulan, satu keistimewaan bahawa kita telah disajikan dengan keindahan melalui anatomi yang telah dikurniakan oleh Tuhan kepada kita manusia. Jadi penilaian kita terhadap bunga akan menjadi lebih mendalam dari sekadar apa yang biasa kita lihat pada bunga. Saya masih teringat umpamanya saya membawa sekuntum bunga dan saya berikan bunga itu kepada Cikgu saya. Saya masih ingat waktu itu dan nama guru tersebut ialah Cikgu Tuti. Jadi saya bawa bunga untuk diberikan kepada Cikgu saya.

Cikgu Tuti guru saya di Sekolah Rendah

Tanglin Tinggi. Saya selalu memberikan sekuntum bunga dan beliau begitu gembira menerima bunga pemberian saya.

“Jadi itu adalah satu keunggulan, satu keistimewaan bahawa kita telah disajikan dengan keindahan melalui anatomi yang telah dikurniakan oleh Tuhan kepada kita manusia.”

Dari di situ saya dapat merasakan bahawa keindahan yang diciptakan oleh Tuhan itu akan dapat menceriakan dan

membahagiakan seseorang. Jadi saya berasa segala ciptaan Allah Subhanahu Wataala itu sebenarnya adalah satu keindahan. Sama ada bunga itu bunga yang kurang cantik seperti bunga yang biasa kita lihat tapi bunga adalah satu keindahan dan satu keistimewaan yang telah disajikan untuk kita.

Pak Sarkasi mula berumah tangga pada umur 27 tahun. Bagaimanakah Pak Sarkasi menyara hidup keluarga pada waktu itu?

Sama seperti cara saya melihat alam, saya juga melihat alternatif dalam kehidupan. Apakah yang boleh saya lakukan untuk meneruskan kehidupan?

Kehidupan saya pada waktu itu serba kekurangan. Jadi waktu itu saya sudah mula melakar dan melukis dan saya membuat sketsa kerana saya senang akan alam, bunga dan

pohon-pohon. Saya akan ke Kebun Bunga melakarkan tadi lukisan-lukisan daripada arang ataupun pensel. Dan kadang-kadang di Kebun Bunga waktu itu ramai pengunjung yang datang dari luar negara. Mereka datang dari Jepun, dari Amerika, dari Australia. Jadi di situ bila saya *sketch*, ada pula beberapa pengunjung yang berminat biarpun tidak seperti sekarang. Tapi pada waktu itu, itulah minat mereka. Mereka berminat dan memberikan saya sedikit wang, sekadar satu dua dolar untuk harga lukisan yang saya buat. Itupun sudah mencukupi untuk saya bawa pulang bagi meneruskan hidup.

Sejak bila Pak Sarkasi mula menghasilkan lukisan yang menggunakan pensel dan juga arang?

Saya mula melukis sejak dari kecil lagi. Sejak dari sekolah rendah saya sudah mula melukis kerana saya memang



Gambar keluarga Sarkasi Said (2019)

suka melukis. Tapi itulah dengan tidak secara langsung bila saya membuat lukisan di Kebun Bunga, pengunjung di situ berminat dan mereka mendapatkan lukisan itu dengan bayaran satu dua dolar.

Dan itu dilakukan sejak Pak Sarkasi berhenti sekolah? Dari umur berapa tahun?

Saya rasa semasa saya berumur 17... 18 tahun. Dan saya tidak meneruskan pengajian saya di sekolah *secondary* tapi saya terus berhenti sekolah dan terus ke bidang seni.

Bagaimanakah kesannya kepada kehidupan Pak Sarkasi sendiri dan keluarga?

Kalau dari keluarga saya sendiri, isteri dan anak, memang berbeza kesannya dengan keluarga saya yang lain. Ada yang tidak senang apabila saya aktif dalam seni lukis. Ini kerana, pada waktu itu, orang yang dekat atau melakukan kerja-kerja seni itu dianggap orang yang kurang siuman. Jadi masa depan orang yang terlibat dalam bidang seni pada anggapan mereka itu tidak cerah. Tapi oleh sebab saya sudah kenal akan alam, jadi saya rasa yang menentukan kejayaan dalam hidup bukanlah apa yang kita usahakan tapi yang menentukannya adalah kesungguhan kita dalam menjalankan satu-satu pekerjaan.

Kalau saya lihat Datuk saya itu, dia bekerja sebulan hanya mendapat \$50 atau \$60 tapi Datuk dapat membiayai

hidup ibu bapa termasuk saya serta kakak saya. Kalau dibandingkan dengan masa sekarang memang pada waktu itu wang yang diterima terlalu rendah tetapi cukup. Dan wang itu cukup untuk membiayai mereka hingga naik haji. Pengajarannya ialah kesungguhan dalam menjalankan apa saja kerja itu adalah perkara yang utama dalam kita menguruskan kehidupan.

Selain melukis, Pak Sarkasi ada melakukan kerja yang lain?

Sebenarnya, sesudah umur meningkat oleh sebab minat saya yang mendalam dalam melukis, saya pernah bekerja secara sambilan sebagai guru. Saya bekerja sambilan mengajar di *kindergarten*. Nama *kindergarten* tempat saya bekerja itu ialah *Sunnyway Kindergarten*.

Di manakah letaknya kindergarten tersebut?

Kindergarten tersebut terletak di *Balmoral Road* dan *principal*nya ialah Mrs. Miziah. Satu lagi kerja sambilan yang pernah saya lakukan adalah apabila saya sudah agak mengenali seni batik, saya bekerja sambilan sebagai *designer* di sebuah perusahaan batik yang dipanggil *Shahab Weaving* di *Kallang Pudding*. Di situlah saya bekerja. Tapi pada waktu itu untuk membuat batik atau belajar tentang batik amat susah. Untuk mendapatkan nasihat tentang batik pun susah. Tidak ada yang mahu membantu. Kalau sekarang saya faham bahawa hal itu merupakan periuk nasi untuk mereka.

Jadi mereka tidak mahu berkongsi atau memberikan pengetahuan mereka. Jadi secara sendiri saya telah mendapatkan idea-idea dalam menghasilkan dan mengenal bahan untuk membuat batik dan prosesnya juga begitu susah. Tapi *Alhamdulillah* kerana hingga sekarang saya tidak pernah berasa kesal dan menyesal.

Dalam waktu saya mencari-cari selama berapa bulan di *Shahab Weaving*, saya berjumpa dengan seorang *stage designer*. Namanya saya lupa tapi *stage designer* ini telah memanggil saya untuk datang ke studio. Jadi saya ke studio dia dan dia telah menunjukkan koleksi warna pemberian orang iaitu koleksi warna *textile dye*.

“**Saya bekerja sambil sebagai *designer* di perusahaan batik yang dipanggil *Shahab Weaving* di Kallang Pudding.**”

Jadi di situ saya, dengan segala besar hati menerima pemberian itu dan dia berikan koleksi warna tersebut kepada saya. Dan saya cuba secara perlahan-lahan untuk menghasilkan campuran warna-warna daripada koleksi warna yang diberikan. Dan kerana koleksi warna itu satu peti dan banyak, selama dua atau tiga tahun saya sering membuat kajian campuran warna menggunakan koleksi warna *textile*

dye tersebut. Dan pada satu waktu itu saya telah menghasilkan lukisan yang diterima oleh *stage designer* tersebut.

Siapakah *stage designer* tersebut?

Dia pelukis juga, dia itu orang Jerman iaitu Peter Adler dan Eva Maria Weidling.

Pada umur berapa Pak Sarkasi bekerja dengan *Shahab Weaving*? Adakah *Shahab Weaving* ini syarikat India?

Tidak. Sebenarnya *Shahab Weaving* ini sebuah syarikat Arab. Syarikat ini dari Indonesia tapi ke sini untuk melihat kesempatan berniaga. Saya sebenarnya tidak begitu lama bekerja di situ, hanya empat atau lima bulan dan sesudah itu saya keluar dan mencari pekerjaan lain sehingga saya bertemu tadi dengan teman *stage designer* itu, pelukis Eva Maria Wiedling dan Peter Adler.

“**Pengajarannya ialah kesungguhan dalam menjalankan apa saja kerja itu adalah perkara yang utama dalam kita menguruskan kehidupan.**”

Mereka mengadakan pameran dan bila mereka mengadakan pameran, mereka menjemput saya untuk mempamerkan hasil karya saya dengan mereka, jadi pameran bersama. Itu adalah kali pertama saya mempamerkan hasil lukisan saya.

Pameran ini berlangsung saya rasa pada awal tahun 1970-an.

LATAR PENDIDIKAN

Pak Sarkasi, mohon kongsi pengalaman Pak Sarkasi semasa belajar di sekolah rendah.

Saya mula bersekolah di Sekolah Melayu Tanglin Tinggi dan saya begitu ghairah kerana saya dapat ke sekolah dengan tanpa adanya dorongan daripada orang tua juga daripada Datuk dan Nenek. Pada waktu itu saya ke sekolah tanpa memakai sepatu atau hanya berkaki ayam. Jadi saya ghairah semasa di sekolah kerana pelajaran seni disampaikan secara menonjol. Kami ada kelas muzik iaitu violin. Kami juga ada kelas lukisan yang diajar oleh Arwah Cikgu Sulaiman Suhaimi. Dan di situlah saya terus dekat dalam pelajaran di sekolah dan saya sudah mula melukis. Jadi dengan sketsa-sketsa atau lakaran-lakaran yang saya lakukan di kelas itu, saya sudah mula melukis sejak di sekolah rendah.

Saya mengenali alam itu begitu menakjubkan. Dan arwah Cikgu Sulaiman Suhaimi menunjukkan hal ini kepada saya kerana pada waktu itu saya hanya melukis gambaran lukisan tentang pohon-pohon. Jadi pohon itu ada yang rendang dan kenapa pohon itu rendang? Ada pula pohon yang menjurus tinggi ke langit. Kenapa? Jadi saya lebih dekat kepada struktur atau nadi satu kehidupan itu. Jadi kita harus mencari jalan. Umpamanya ada

pohon yang tinggi kerana memerlukan matahari dan udara yang sihat dan sebab itulah dia menjurus tinggi. Jadi di situ saya merasakan saya harus mencari jalan sendiri. Itu di sekolah dan saya juga tidak ketinggalan dalam mata pelajaran yang lain di sekolah kerana minat. Dan entah bagaimana kemungkinan kerana Nenek saya itu dipengaruhi unsur-unsur dari luar, dia telah memberhentikan saya daripada belajar di Sekolah Melayu Tanglin Tinggi. Saya tidak meneruskan pelajaran di sana.

Hal ini berlaku kemungkinan pada waktu itu Nenek inginkan saya mengikuti pelajaran keagamaan. Jadi saya dipindahkan ke Madrasah Aljunied di *Victoria Street*. Saya belajar di sana tidak lama. Setahun dua. Kemudiannya saya dipindahkan ke sekolah rendah Inggeris, *Duchess Primary School* iaitu di *Duchess Road* dan tempat itu dulu dipanggil dengan nama Kampung Tempe. Dan di situlah saya meneruskan pelajaran saya sehingga saya diterima di sekolah menengah. Setelah itu saya belajar di *Beatty Secondary School*.

Kalau dahulunya semasa sekolah rendah, untuk ke sekolah menengah Pak Sarkasi perlu ambil peperiksaan apa?

Ya, saya perlu ambil peperiksaan di sekolah rendah dan saya dipilih untuk ke sekolah menengah di *Beatty Secondary School*.

Semasa Pak Sarkasi di Sekolah

Rendah Melayu Tanglin Tinggi berjalan kaki dari kampung Pasiran ke sekolah. Beberapa lama?

Itu agaknya mungkin dalam tiga tahun ke sekolah rendah berjalan kaki dan tidak hanya di situ. Waktu saya belajar di Madrasah Aljunied juga saya berjalan kaki. Termasuk waktu bersekolah di Sekolah Rendah *Duchess* dari Kampung Pasiran, dari *Gentle Road* itu saya ke *Duchess Road* berjalan kaki.

Jadi dari rumah ke Sekolah Rendah Melayu Tanglin Tinggi beberapa lama perjalanan?

Oh perjalanan itu tidak begitu lama. Saya rasa sekitar setengah jam atau 30 minit itu paling lama kerana waktu itu banyak pohon buah-buahan di pinggir jalan. Jadi sebelum ke sekolah saya mencari-cari pohon buah-buahan umpamanya pohon mangga di pinggir-pinggir jalan itu.

Tanglin Tinggi terletak di mana?

Di daerah Newton. Tidak jauh. Hanya mengambil masa setengah jam kerana saya banyak berlegar-legar mencari buah-buah yang gugur dari pohon. Waktu itu kita tidaklah sebagaimana



“Saya mula bersekolah di Sekolah Melayu Tanglin Tinggi dan saya begitu ghairah kerana saya dapat ke sekolah tanpa adanya dorongan daripada orang tua juga daripada Datuk dan Nenek. Pada waktu itu saya ke sekolah tanpa memakai sepatu atau hanya berkaki ayam ke sekolah.”

kita hidup sekarang. Kalau sekarang, kita boleh dapatkan buah-buahan di kedai-kedai buah. Waktu itu hendak mencari kedai buah pun agak susah. Melainkan tadi jika ada belas kasihan daripada askar-askar yang tinggal di daerah itu. Mereka akan melihat kita sebagai kanak-kanak dan mereka akan memberikan sepotong buah epal atau sepotong buah yang lain kepada kami.

“Hal ini berlaku kemungkinan pada waktu itu Nenek inginkan saya mengikuti pelajaran keagamaan. Jadi saya dipindahkan ke Madrasah Aljunied di *Victoria Street*. Saya belajar di sana tidak lama. Setahun dua. Kemudiannya saya dipindahkan ke sekolah rendah Inggeris, *Duchess Primary School* iaitu di *Duchess Road*.”

Berapa lamakah berjalan kaki dari rumah ke Madrasah Aljunied?

Oh, berjalan kaki dari rumah ke Madrasah Aljunied mengambil waktu dalam satu jam dan entah kenapa minat

saya terhadap keadaan persekitaran itu begitu dekat dan minat saya kepada alam begitu mendalam.

Semasa dalam perjalanan ke sekolah, saya melewati *Sungai Road*. Di situ ada banyak tongkang dan juga ada pasar-pasar bekas dan barang bekas yang dijual seperti sepatu, baju dan seluar bekas. Dari situ barulah berjalan ke Madrasah Aljunied.

“Entah kenapa minat saya terhadap keadaan sekitaran itu begitu dekat juga kepada alam begitu dekat.”

Jadi di Aljunied ini, sebelum kita masuk ke sekolah, ada sebuah kawasan perkuburan. Di kawasan perkuburan ini banyak pohon kenanga. Jadi bila pagi saya jalan dari rumah untuk ke Aljunied, sebelum saya masuk ke sekolah atau ke bilik darjah, saya akan memanjat pohon kenanga ini untuk mendapatkan bunga-bunga itu. Jadi dengan bunga-bunga yang saya ambil itu saya akan berjalan ke Alsagoff.

Madrasah Alsagoff itu merupakan madrasah untuk anak-anak perempuan. Jadi di situ saya akan memberikan bunga-bunga ini kepada anak-anak perempuan yang ada di situ. Jadi itulah kerja saya. Boleh dikatakan empat atau lima hari seminggu saya akan memanjat pohon-pohon bunga dan memberikan

bunga-bunga itu kepada anak-anak di Madrasah Alsagoff.

Mengapa belajar di madrasah hanya hampir dua tahun sahaja Pak Sarkasi?

Itulah tadi kerana keadaan kehidupan keluarga saya tidak menentu. Jadi dengan tidak menentunya kehidupan, mereka [Datuk dan Nenek] sendiri tidak pasti ke manakah yang sepatutnya saya harus meneruskan pelajaran, sama ada di sekolah Melayu, di Madrasah Aljunied atau di Sekolah Rendah *Duchess* hinggalah saya belajar sampai ke *secondary*.

Tapi sesudah di *secondary* tadi saya mengambil keputusan sendiri. Saya fikirkan bahawa tidak ada kesudahan mengenai persekolahan saya itu. Saya tidak tahu ke mana lagi sama ada diberhentikan sekolah atau tidak. Jadi saya mengambil keputusan untuk menjadi pelukis. Ini semuanya kehendak Allah dan kebesaran-Nya. Semasa di Sekolah Menengah *Beatty* itu saya ditemukan dengan seorang guru darjah saya iaitu Peter Sydrel yang minat dengan lukisan saya walaupun saya tidak mampu membeli berus. Jadi dengan adanya *water colour*, cat air itu saya gunakan cat air langsung daripada *tube* kepada kertas. Saya buat lukisan dan waktu itu masih lukisan bunga. Jadi Peter Sydrel ini berminat. Dia katakan dia akan kenalkan saya kepada seorang *gallery owner* dan *gallery owner* itu adalah pengetua dalam *Sea Cadet*. Dia ada *gallery* yang dipanggil *Donald Moore Gallery* dan

di *Donald Moore Gallery* inilah lukisan saya biarpun merupakan lukisan berukuran kecil, tapi mereka telah cuba mengenengahkan hasil karya saya. Jualan di situ kemungkinan waktu itu saya dapat \$10 untuk satu lukisan.

Objeknya bunga apa yang selalu menjadi minat Pak Sarkasi?

Sebenarnya kalau dari segi bunga, pada waktu itu saya lebih dekat dengan bunga anggerik dan juga bunga-bunga lain. Waktu malam mungkin saya tidur di *Botanical Gardens* kerana ingin melihat bunga-bunga ini dengan lebih dekat lagi. Saya akan melihat bunga dari malam hingga ke pagi hari. Saya ke *Botanical Gardens* hanya untuk melihat bunga kerana baunya juga harum.

Pada waktu itu saya ingin tahu bagaimanakah tadinya anatomi warna itu naik ke bunga hingga kepada kuntum yang belum berkembang. Saya kadang-kadang sampai bertanya kepada bunga apakah warna yang akan keluar daripada kuntuman ini. Jadi saya ingin sekali melihatnya. Dan bila dia berkembang, kuntum itu berkembang menjadi bunga. Dia menjadi satu warna yang luar biasa. Kita biasanya melihat bunga sesudah kembang di luar tetapi ini saya dapat melihat bunga dari mula bunga itu berkembang dan bagaimana warnanya terus berkembang. Mula-mula warnanya tidak begitu cerah tapi ketika bunga itu berkembang dalam waktu yang sama, bunga juga mengeluarkan warna yang lebih cerah dan lebih terang.

Pada umur berapakah Pak Sarkasi meninggalkan Sekolah Menengah Beatty?

Saya meninggalkan Sekolah Menengah Beatty ketika umur saya sekitar 17 atau 18 tahun.

“Oh, mereka sangat terkejut dan terperanjat kerana saya ambil jalan untuk berhenti sekolah kerana dalam pelajaran tidaklah seabodoh mana... Tapi ada yang hingga menangis . Peter Sydreel menangis.”

Adakah Pak Sarkasi menduduki peperiksaan Cambridge?

Tidak. Saya tidak menduduki peperiksaan *Cambridge*. Sebenarnya hanya satu tahun lagi untuk saya mendudukinya tapi saya telah mengambil keputusan untuk menjadi seorang pelukis. Tidak semestinya saya harus menjadi profesional. Dengan pilihan saya itu, saya boleh menjalankan kehidupan seperti biasa dan membuat kerja-kerja yang saya rasa senang dan saya suka.

Apakah nasihat Peter Sydreel pada waktu itu?

Oh, mereka sangat terkejut dan terperanjat kerana saya ambil jalan itu kerana dalam pelajaran, saya tidaklah seabodoh mana. Ya, saya boleh melanjutkan pelajaran saya. Tapi ada

yang hingga menangis. Peter Sydreel menangis. Dan satu lagi *Science teacher* saya Mrs. Oehler. Dia juga menangis. Kenapa Sarkasi mahu berhenti? Saya memberitahu jalan keluar untuk saya menjalankan kehidupan adalah dengan keluar daripada sekolah dan meneruskan perjalanan hidup dalam seni lukis.

Atau adakah masalah kewangan keluarga?

Tidak... tidak. Saya tidak memandang kewangan itu menjadi satu masalah kerana dalam kehidupan saya itu, saya tidak memerlukan wang langsung. Saya ada bas untuk ke sekolah tapi saya tak memerlukan wang untuk naik bas. Saya memilih untuk berjalan kaki. Jadi inilah satu antara perkembangan yang saya dapat daripada dekatnya saya pada alam.

Hubungan Pak Sarkasi dan juga pandangan serta pemahaman Pak Sarkasi terhadap kehidupan itu bermula pada umur yang amat muda. Menghargai alam dan kemudian itu mahu untuk mempunyai kehidupan yang mudah...

Saya berterima kasih dengan apa yang ada dan kehidupan itu buat saya lebih aman. Dalam kehidupan saya, saya pilih aman. Saya tidak memilih melepasi terowong untuk mendapatkan cahaya. Semasa dalam terowong itu saya cuba memperoleh cahaya.

Dan saya percaya cahaya itu tidak hanya daripada penglihatan. Tapi

cahaya itu daripada hati kita, daripada roh kita, daripada dalaman kita.

Kalau kita lihat akan batu arang tanpa adanya orang-orang atau saintis-saintis, yang mencari jalan alternatif itu, batu arang tidak akan mampu menggerakkan gerabak-gerabak besi sehinggalah ia menjadi satu tenaga untuk menjalankan atau menggerakkan kereta-kereta. Jadi di situ saya telah nampak. Sejak dari kecil lagi sudah berperasaan sedemikian. Saya lebih cenderung untuk membuat atau melakukan sesuatu dengan apa yang kita ada. Saya tidak mencari bahan untuk membuat sesuatu tetapi membuat sesuatu dengan bahan yang ada.

BERGURU PADA ALAM

Guru yang paling memberi kesan kepada diri dan kehidupan Pak Sarkasi siapa?

Sebenarnya saya bergurukan kepada alam. Tapi biarpun saya berguru kepada alam, saya juga menerima petunjuk-petunjuk daripada guru-guru lain yang mengajar saya untuk terus berjalan. Kerana dalam kehidupan, nadi dalam kehidupan tidak ada perhentian. Jadi kehidupan itu akan terus berjalan biarpun hingga nanti saya sudah tidak ada lagi. Perjalanan itu akan tetap berjalan kerana nadinya itu akan sentiasa ada. Dan dia berterusan. Kalau manusia, pada akhir hayat kita akan meninggal dunia. Tapi kalau kehidupan dia akan terus berjalan.

Seribu tahun dulu sudah ada kehidupan, dan sekarang juga ada kehidupan. Cuma yang berbeza bagaimana berlakunya perkembangan kehidupan itu sendiri hingga ke hari ini. Daripada zaman kita bersujud di tanah mungkin menggunakan tangan, menggunakan jari-jari hingga kepada sekarang kita menggunakan IT dengan adanya robot-robot dan sebagainya. Perkembangan kehidupan itulah yang menjadi satu ciri nadi kehidupannya yang tersendiri.

Siapakah orang yang memberikan kesan dan panduan kepada Pak Sarkasi?

Ramai sebenarnya orang-orang sebegini yang saya panggil sebagai *Silent Inspiration*. Orang-orang ini kalau saya sebutkan namanya satu persatu memang ramai. Umpamanya kalau yang terbaharu ialah Encik Masagos Zulkifli dan Encik Amrin Amin. Kalau sebelum itu, Encik Hawazi Daipi, Encik Zainul Abidin dan Encik Abdullah Tarmugi. Mereka ini adalah antara orang-orang yang telah memberikan saya suatu semangat, suatu tenaga untuk meneruskan perjuangan seni saya.

Siapakah orang pertama yang memberikan Pak Sarkasi canting?

Saya rasa tidak ada orang yang memberikan canting kepada saya. Tapi kerana minat saya itu, saya menemukan sebuah canting di sebuah kampung di Indonesia. Di kampung itu ada seorang yang membuat batik. Jadi dengan secara tidak sengaja saya terjumpa satu

“Dalam kehidupan, saya memilih aman. Saya tidak memilih melepasi terowong untuk mendapatkan cahaya. Semasa dalam terowong itu saya akan memperoleh cahaya... Dan saya percaya cahaya itu tidak hanya daripada penglihatan. Tapi cahaya itu daripada hati kita, daripada roh kita, daripada dalaman kita.”

canting di situ. Dan ketika itu saya tidak tahu bagaimana hendak menggunakan canting tersebut. Adakah saya perlu menggunakan air atau bagaimana? Tapi lama-kelamaan saya mendapat tahu bahawa kita boleh mencairkan lilin untuk menggunakan canting dan sesudah itu saya pula mendapat pengetahuan bahawa membuat batik itu tidak semestinya menggunakan lilin sahaja tetapi boleh menggunakan pelekat-pelekat lain. Umpamanya kanji, getah daripada pohon-pohon ataupun tanah liat boleh dijadikan sebagai pemisah. Jadi batik asalnya ialah cara memisahkan warna daripada tempat yang kita tidak inginkan warna dan menutup warna yang kita inginkan dan menaruh warna di atasnya. Jadi itu sesudah agak berpengalaman dalam seni batik barulah saya mengetahui ada banyak bahan yang boleh dijadikan bahan pemisah.

Pada umur berapakah Pak Sarkasi pertama kali memegang canting?

Saya mula menggunakan dan memegang canting semasa berumur 25 atau 26 tahun.

Pak Sarkasi mula melukis pada usia 16 ... 17 tahun. Kemudian sepuluh tahun kemudian beralih kepada canting. Bagaimanakah hal itu berlaku Pak Sarkasi?

Untuk mendapatkan pengalaman dan untuk mengenal bahan serta teknik membatik yang diperlukan itu memakan masa yang begitu lama. Sementara itu saya juga cuba mengenal batik-batik klasik dari negara Indonesia. Pola-pola di dalam batik itu sendiri memainkan peranan di dalam penghasilan batik itu tadi.

Di manakah canting pertama Pak Sarkasi dapatkan?

Itulah canting pertama yang saya dapatkan dari sebuah kampung di Indonesia. Saya gunakan canting itu. Dan saya biasanya lebih cenderung kepadanya satu perkara dalam segala bidang apa pun. Umpamanya perkara yang berkaitan dengan makanan. Saya biasanya makan di sebuah kedai dan saya tidak akan makan di tempat yang lain melainkan kalau kedai itu ditutup. Saya tetap datang ke tempat itu untuk makan. Jadi sama juga dengan canting. Satu canting itu saya boleh

“Sebenarnya saya bergurukan kepada alam. Tapi biarpun alam tapi ada petunjuk-petunjuk dari guru lain yang mengajar saya untuk terus berjalan. Kerana kehidupan ... nadi dalam kehidupan tidak ada perhentian. Jadi dianya akan terus berjalan biarpun hingga nanti saya sudah tidak ada, perjalanan itu akan tetap berjalan kerana nadinya itu akan sentiasa ada.”

gunakan hingga lima enam tahun. Saya menjaganya seperti menatang minyak yang penuh. Saya tidak selalu menukar cacing yang saya gunakan untuk melukis batik.

Anak-anak Pak Sarkasi Ika, mengikut jejak langkah Pak Sakarsi, yang lain bagaimana?

Sebenarnya semuanya boleh melukis. Anak-anak saya dan anak menantu serta ibunya boleh mencanting dan juga melukis batik. Satu sebab kenapa mereka juga boleh melukis ialah waktu zaman permulaan saya sebagai pelukis, hidup saya tidaklah mewah dan saya tidak mempunyai sumber kewangan untuk pergi ber*holiday*. Jadi apabila saya ada demonstrasi atau kelas-kelas batik dan *workshop*, mereka semuanya akan mengikut saya. Dan dengan mengikut tanpa saya suruh, mereka akan melihat apa yang saya buat.

Jadi dari situ masing-masing mencuba melukis dan membatik. Apabila ada waktu lapang dan ada tempat yang kosong mereka mencuba sendiri untuk

mencanting, mewarna dan melukis. Termasuklah isteri saya juga. Jadi tidak secara langsung, dari masa ke semasa, mereka telah menunjukkan minat mereka untuk membuat karya-karya yang menggunakan teknik-teknik batik itu sendiri. Bila sampai di rumah mereka cuba membuat lukisan batik sendiri. Semua bahan membatik ada di rumah. Waktu itu kami masih lagi hidup di kampung. Jadi mereka membuat batik di kampung di Bukit Tunggul.

“Sebenarnya semuanya boleh melukis. Anak-anak saya juga menantu juga ibunya boleh mencanting juga melukis.”

Bukit Tunggul di kawasan mana?

Di kawasan Pasiran. Ada tiga kawasan di situ, Bukit Tunggul, Pasiran dan satu lagi dipanggil Kampung Hujung. Jadi isteri saya itu dari Bukit Tunggul. Jadi kalau dia ke pasar akan lewat di tempat

saya. Dia bawa adiknya lewat di situ juga.



Ada tidak sekarang ini institut untuk mempelajari batik untuk menjadi pelukis batik?

Di sini belum ada institut batik. Kalau di Indonesia ada dan begitu juga di Malaysia ada.

Jika di Indonesia ada Institut Batik Jogja dan kalau di Malaysia tempatnya ialah di MARA. Di Malaysia ada Institut Batik MARA. Tempat itu terletak di perkampungan seni Kuala Lumpur. Di situ ada juga mereka yang mengajar tentang batik.

Adakah Pak Sarkasi menghantar anak-anak Pak Sarkasi untuk mengikuti kursus formal tentang batik di institusi ataupun di tempat-tempat untuk mempelajari batik?

Tidak pernah dan saya tidak inginkan. Sedangkan dalam melukis saya tidak akan menunjukkan cara bagaimana melukis. Saya inginkan mereka itu mencari jalan sendiri bagaimana mewarnakan batik. Jadi itu semua

termasuk juga dalam kehidupan kerana saya tahu saya tidak dapat memberi pelajaran secukupnya untuk mereka. Jadi saya inginkan mereka supaya cari jalan mereka sendiri bagaimana untuk hidup dan bagaimana untuk menyara hidup, dengan adanya kemahuan dalam diri mereka.

Pengetahuan itu perlu didapatkan sebagaimana saya telah dibesarkan. Itu saya mahukan berlaku pada anak-anak dan mereka perlu mencari jalan mereka sendiri. Anak saya Ika mengajar batik. Anak saya yang bungsu perempuan, Imelda. Dia juga mengajar batik.

Mengajar batik sepenuh masa?

Tidak. Dia tidak mengajar batik sepenuh masa tapi maksudnya sebagai satu pekerjaan. Dia tidak hanya sekadar bekerja sambilan tetapi fokus tentang batik. Anak saya yang kedua, Ilya, biarpun boleh membatik, tapi dia lebih cenderung dalam bidang komputer dan dia bekerja di lapangan terbang di *Changi Airport*. Anak saya yang ketiga pula ada kalanya dia dipanggil untuk mengajar batik juga tapi dia lebih kepada perkhidmatan penghantaran. Anak perempuan saya mengajar batik.

Pak Sarkasi mempunyai pandangan bahawa alam ialah universiti untuk Pak Sarkasi. Adakah Pak Sarkasi juga mengharapkan anak-anak Pak Sarkasi mempunyai pandangan yang sama tentang alam?

Saya benar-benar mengharapkan mereka supaya mengenal tentang batik

“Tapi lama-kelamaan saya mendapat tahu bahawa kita boleh mencairkan lilin untuk menggunakan canting dan sesudah itu saya pula mendapat pengetahuan bahawa membatik itu tidak semesti menggunakan lilin sahaja tetapi boleh menggunakan pelekat-pelekat lain. Umpamanya kanji, getah daripada pohon-pohon ataupun tanah liat boleh dijadikan sebagai bahan pemisah.”

biarpun sekarang ini pengetahuan mereka tentang batik belum cukup. Masih banyak lagi yang harus mereka pelajari. Alam semula jadi yang kita lihat ini bukannya semula jadi. Jadi, ia satu pemberian daripada Tuhan. Dan dengan pemberian itu kita harus berterima kasih. Biarpun ucapan terima kasih kita kepada Allah S.W.T sekecil mana sekalipun kalau dibandingkan dengan ucapan terima kasih yang disampaikan oleh beribu atau berjuta orang, di manakah letaknya ucapan terima kasih kita itu di sisi yang Maha Esa? Tapi apa yang seharusnya diucapkan ialah ucapan *Alhamdulillah* terhadap pemberian-Nya dan itulah yang lebih utama untuk dilakukan. Jadi anak-anak kenal akan pemberian-Nya.

Dalam segala bidang, kita sebut nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Tapi kita kurang ber-*Alhamdulillah*. Saya berharap mereka pada satu waktu akan berterima kasih secara mendalam akan pemberian-Nya. Kalau kita bandingkan dengan situasi

sekarang, apabila kita ada sesuatu pekerjaan yang tidak dapat kita lakukan, kita selalu memandang kepada diri kita sendiri. Kita tidak memandang kepada Tuhan yang di sana. Bahawasanya itu adalah pemberian daripada Dia. Jadi kita patut ber-*Alhamdulillah* dengan apa juga pemberian-Nya.

Pak Sarkasi terkenal sebagai pelukis batik tersohor di Singapura. Pak Sarkasi dapat juga menurunkan minat melukis batik kepada anak-anak. Adakah Pak Sarkasi pernah bercita-cita untuk menjadi mentor untuk lukisan batik di Singapura dan kalau ada siapakah pelatih-pelatih yang Pak Sarkasi pernah membantu untuk membina keupayaan mereka?

Kalau di lihat dari apa yang telah saya buat sebenarnya saya telah mengajar di banyak tempat dari *kindergarten* hingga ke universiti dan juga hingga ke institusi seni.

Saya mengajar di peringkat *primary*, *secondary*, *college* dan universiti di

Singapura. Selain daripada itu juga saya mengajar di luar negara, di muzium luar negara. Jadi saya ingin dan berharap sebuah institusi batik dapat ditubuhkan. Tapi saya mengharap agar institusi ini akan benar-benar mempunyai idealogi yang sesuai dalam memperjuangkan seni batik. Dan institusi ini tidak hanya tangkap muat. Kita berharap apabila kita menyarankan satu nama, orang itu akan benar-benar kenal dan faham tentang batik baik secara keseluruhan atau pun secara ilmiah. Tidak seperti saya ini. Saya mungkin boleh dianggap mahir dari segi praktikalnya sahaja. Orang yang kita sarankan namanya haruslah pandai dari segi ilmiah dan harus berupaya mencari sumber-sumber batik kerana batik itu bukan hanya terdapat di tempat kita tetapi batik ada di negara-negara lain juga.

Jadi oleh sebab itu kita harus mencari sumber-sumber batik dari tempat-tempat lain. Apabila kita sudah siap mengumpulkan semua artifak dan maklumat tentang batik, barulah mungkin kita boleh mencadangkan untuk menubuhkan satu institusi batik. Hal ini boleh dilakukan kerana pemerintah kita memberikan sokongan padat kepada penggiat seni dan memberikan segala macam bantuan seperti bantuan kewangan bagi pembangunan institusi tersebut. Dari sini peluang dan kesempatan bagi orang ramai atau pencinta seni untuk mengenali seni batik akan dapat diteruskan. Cuma satu perkara utama sekarang ialah bagaimana kita hendak

menanamkan rasa cinta mereka terhadap seni batik. Apakah yang perlu kita lakukan untuk menanam rasa cinta pada seni batik?

“**Sedangkan dalam melukis saya tidak akan menunjukkan cara melukis kepada anak-anak. Saya inginkan mereka itu mencari jalan sendiri bagaimana mewarnakan batik... Jadi saya inginkan mereka supaya cari jalan sendiri bagaimana untuk hidup dan bagaimana untuk menyara hidup. Dengan adanya tadi kemahuan.**”

Kalau misalnya ada beberapa pelajar Pak Sarkasi yang dapat membina keupayaan mereka sebagai pelukis batik yang baik, siapakah orang-orang itu Pak Sarkasi?

Saya rasa orang pertama yang saya pilih ialah Tumadi Patri. Selain daripada Tumadi Patri, kalau dulu ialah Sujak Rahman yang juga mempunyai potensi yang baik. Tapi dia tidak terus-menerus memperjuangkan seni

batik. Dia lebih mementingkan kepada *commercial value*. Jadi beliau melukis tidak hanya khusus pada batik tetapi melukis dengan cara lain dan untuk mendapatkan pendapatan. Kalau dari segi melukis, saya rasa Tumadi Patri ialah satu di antaranya yang tetap melukis batik dan mempunyai ciri-ciri utama dalam seni batik itu sendiri. Dia sudah mula mengisi batik dengan pola-pola berkaitan dengan awan larat batik yang asli. Dari di situ saya dapat lihat perkembangan dia berkaitan dengan seni batik telah menjadi lebih sihat.

Pak Sarkasi masih berhubungan dengan Encik Tumadi?

Berhubungan ada tapi tidaklah rapat. Saya inginkan seseorang itu meneruskan perjuangan tentang batik dengan caranya yang tersendiri. Jadi Tumadi meneruskan dengan cara dia yang tersendiri. Jadi dia cuba melibatkan umpamanya ciri-ciri wayang kulit di dalam batiknya. Dan di dalam batik itu ada awan larat yang melambangkan keanggunan batik itu. Jadi dia dengan caranya sendiri dan pada satu waktu kita berjumpa dan inilah yang membuat saya dengan dia agak rapat walaupun tidak berhubungan dengan dia setiap waktu.

Bagaimanakah kehidupan Pak Sarkasi semasa kanak-kanak? Pak Sarkasi mengikut Nenek menjual kain dan adakah itu mulanya Pak Sarkasi memahami tentang batik?

Sebenarnya bila saya mengikut Nenek saya menjual batik, saya mendapatkan

pelajaran tentang batik. Saya belajar tentang batik-batik yang dipilih dan batik-batik yang diingini sebagai koleksi orang kita dulu. Dari situ saya cuba bertanya-tanya dan melihat kalau budaya itu dibudayakan. Umpamanya batik “slobok” itu banyak dibeli oleh keluarga Melayu. Dalam setiap keluarga Melayu kita dulu, mereka memiliki koleksi batik mereka sendiri. Dan ada kalanya apabila mereka tidak memiliki koleksi batik tertentu, mereka akan meminjam batik daripada keluarga yang lain. Hal ini berlaku kerana kain-kain batik ini digunakan pada waktu-waktu yang tertentu. Umpamanya pada waktu kematian, batik yang manakah yang akan digunakan?

Batik tidak hanya digunakan untuk pakaian tapi juga digunakan untuk menyelubungi mayat dan membawa mayat ke tanah perkuburan. Jadi ada batik-batik tertentu yang digunakan bagi upacara tertentu. Nenek saya itu memang asli berasal dari Jawa. Jadi dia tahu tentang kegunaan batik-batik ini.

Nenek berasal dari Jawa di kawasan mana, Pak Sarkasi?

Nenek saya berasal dari Jawa tengahlah di daerah Jogja. Jadi Nenek tahu batik yang mana yang diperlukan oleh orang-orang Jawa kerana kehidupan mereka masih dekat dengan kehidupan di kepulauan Jawa pada waktu itu. Jadi orang-orang ini masih mengutamakan batik-batik dan kenal akan keunggulan batik itu.



Sarkasi Said di Kebun Bunga Singapura (2019)

Mana yang lebih popular, batik sarung atau pun batik lepas?

Batik lepas lebih popular. Perbezaan antara batik lepas dan batik sarung ialah batik sarung digunakan untuk aktiviti kebiasaan dan batik lepas ialah batik yang digunakan untuk aktiviti yang bererti. Dan bila ada upacara-upacara, batik juga digunakan untuk mengenali seseorang. Kalau seseorang itu daripada keluarga diraja dia akan menggunakan batik yang ada pola dan coraknya yang tersendiri yang menunjukkan dia berasal daripada keturunan keluarga diraja.

MOTIF DALAM BATIK

Apakah contoh-contohnya?

Contoh motif dalam batik seperti parang atau “*sido mukti*”. Motif ini hanya boleh digunakan khas dengan kelulusan daripada keluarga diraja. Umpamanya bila ada majlis perkahwinan, biarpun batik itu dipanggil batik larangan, tapi dalam upacara perkahwinan, batik tersebut boleh digunakan. Itulah sebabnya majlis perkahwinan dipanggil sebagai majlis raja sehari.

Jadi dalam sehari itu pasangan pengantin boleh menggunakan batik-batik yang

“Sebenarnya bila saya mengikut Nenek saya menjual batik, saya mendapatkan pelajaran. Batik-batik yang dipilih, batik-batik yang diingini sebagai koleksi orang kita dulu. Dari situ saya cuba bertanya-tanya dan melihat kalau budaya itu dibudayakan.”

mengandungi motif diraja. Contoh yang lain umpamanya ialah cakar ayam. Motif cakar ayam melambangkan orang yang rajin berkerja. Ayam mencakar melambangkan simbol mencari makan atau rezeki. Jadi, jika orang itu memakai kain batik bermotifkan cakar ayam, ia menandakan orang itu orang yang rajin bekerja untuk mencari rezeki. Sebenarnya banyak istilah dan simbol yang digunakan di dalam lukisan batik.

Perkara ini sudah menjadi kebiasaan dalam kalangan orang-orang kita. Kita banyak menggunakan kiasan dalam menyampaikan pandangan. Kita tidak mengatakan sesuatu perkara secara langsung tapi dengan cara yang lembut dan berkiasan.

Jadi istilah dan motif-motif sebeginilah yang membuatkan batik itu menjadi lebih anggun dan unik. Jadi dengan sedemikian rupa, si pemakai batik diiktiraf atau dikenali. Kalau dulu, orang yang belum ada pasangan, masih bujang atau anak dara, dia tidak memakai batik sebagai kain basahan atau digunakan setiap hari. Dia boleh memakai batik hanya pada waktu-waktu upacara. Jadi orang dapat mengenal siapa pemakainya. Melalui

motif dan *design* batik yang dipakai, kita boleh kenal si pemakainya. Begitulah menariknya perjalanan seni batik ini.

Batik itu sungguh menarik. Batik itu satu harapan, satu doa. Sebagai contoh, upacara lenggang perut. Biar pun sekarang umpamanya upacara lenggang perut sudah tidak diamalkan lagi, tapi dalam setiap upacara lenggang perut itu ada tujuh lapis kain batik yang satu persatu dibuai kepada bakal ibu pertama dalam waktu tujuh bulan.

“Batik itu satu harapan, satu doa.”

Pada pendapat saya, cara itu ada logiknya. Perempuan yang menjadi ibu buat pertama kali biasanya kurang peka atau kurang mengerti. Jadi bagi para ibu sebegini, mereka mungkin akan mengalami stres atau panik. Perkara ini boleh menjadikan kedudukan bayi dalam perut menjadi tidak betul. Jadi dengan mengadakan upacara lenggang perut, bayi itu dibuai hingga ke tempatnya yang benar. Tapi upacara lenggang perut tidak lagi diadakan di Singapura dan dianggap tidak selari dengan amalan agama.

“Contohnya motif parang atau “*sido mukti*”. Motif ini hanya untuk keluarga diraja. Motif ini boleh digunakan dengan kelulusan daripada keluarga diraja.”

Upacara ini Pak Sarkasi pelajari daripada Nenek juga?

Sebenarnya saya pelajari sendiri bukan daripada orang yang melakukan amalan ini. Daripada rasa ingin tahu saya itu, saya pelajari hal tersebut.

Apakah nilai yang dipelajari daripada Nenek Pak Sarkasi?

Nilai pertamanya yang saya pelajari daripada Nenek ialah pendekatan Nenek kepada batik itu sendiri dan nilai-nilai yang terkandung dalam batik sehinggakan Nenek begitu cintakan batik. Itulah yang saya pelajari. Mencintai apa yang kita suka dan mengambil berat tentang perkara yang kita cintai. Itulah yang saya pelajari daripada Nenek.



Berapakah harga sehelai kain batik sarung dan juga batik lepas semasa menemani Nenek menjual batik dari rumah ke rumah orang?

Kalau zaman itu harganya \$60 atau \$70 dolar sehelai. Itulah gaji sebulan

sama dengan harga kain batik lepas. Batik sarung pula harganya sekitar \$7 hingga \$15 dolar. Batik-batik itu juga ada nilai-nilai tertentu. Umpamanya harga batik cap yang dipercepatkan dari segi proses penghasilannya akan lebih murah harganya.

Adakah kain-kain batik ini diimport secara langsung dari Indonesia atau diambil oleh orang-orang tengah di Singapura?

Sebahagiannya diimport oleh orang di Singapura dan sebahagian lagi dikirimkan oleh orang luar ke sini.

Tidak semestinya orang yang berniaga itu ada batik-batik tertentu. Jadi ada batik-batik yang tertentu itu akan diimport dari luar.

MENILAI HARGA SEBUAH BATIK

Adakah Pak Sarkasi mempelajari tentang cara meletakkan harga pada hasil seni Pak Sarkasi dengan mengikut Nenek menjual kain batik?

Saya tidak ada cara-cara tertentu untuk menilai sesebuah karya batik. Oleh sebab saya dekat dengan batik jadi saya tahu nilai sesebuah karya batik selain daripada *skill* untuk membuat batik dan juga pewarna yang digunakan dalam menghasilkan batik serta erti atau makna batik itu kepada masyarakat.

Jadi saya selalu menilai harga sesebuah karya batik dengan penilaian yang saya sebutkan tadi.

Pak Sarkasi masih ingat nama-nama, bunga dan pola batik yang dijual oleh Nenek?

Secara rambang saya masih ingat tetapi pada waktu itu saya tidak memikirkan tentang nama-nama tersebut. Sejak kebelakangan ini saya dapat kenal nama-nama tersebut. Jadi, *design* atau corak yang digunakan dan ertinya dapat juga saya kenallah sedikit-sedikit.

HOBİ SEMASA KECİL

Selain daripada menghargai bunga dan juga elemen-elemen alam yang lain, apakah permainan yang selalu Pak Sarkasi main semasa di peringkat umur yang amat muda?

Pada waktu itu saya mempunyai keinginan untuk mengumpul potongan-potongan gambar daripada majalah-majalah. Saya juga mengumpul banyak gambar kereta waktu itu. Saya akan potong gambar tentang kereta dan akan tampal di dalam buku dan kemudiannya disimpan termasuklah gambar para penggusti waktu itu. Saya

boleh dianggap sebagai fanatik dalam satu bidang. Kalau berkaitan dengan gusti, saya sehinggakan sampai panjat pokok cemara untuk menonton perlawanan gusti disebabkan saya tidak ada wang untuk masuk dan menyaksikan perlawanan gusti tersebut. Dahulu, ada sebuah pokok cemara di *Great World* berdekatan dengan *Straits Times Publishing*. Saya akan panjat pokok cemara itu dan tengok perlawanan gusti dari luar bangunan.

The Straits Times? Di situ?

Bangunan The Straits Times terletak di pinggir jalan. Beberapa tahun yang lalu saya lalu di kawasan itu dan mendapati pokok yang saya panjat masih ada di situ. Berkaitan dengan hal ini, saya masih ingat lagi tentang koleksi gambar yang saya kumpulkan. Koleksi gambar penggusti serta kereta-kereta yang saya simpan dalam buku itu telah diambil oleh anak-anak lain dan telah ditanam dalam tanah. Jadi saya sudah tidak ada lagi simpanan tentang koleksi gambar tersebut.

Siapa yang tanam?

Teman-teman saya. Oleh sebab badan saya kecil waktu itu, teman-teman yang

“Batik itu begitu menarik. Batik ini boleh dianggap sebagai satu harapan, satu doa. Biarpun sekarang umpamanya upacara lenggang perut tidak diguna lagi, tapi setiap upacara lenggang perut itu ada tujuh lapis kain batik yang satu persatu dibuai kepada bakal ibu pertama. Dalam waktu tujuh bulan itu dibuai.”

“Nilai pertama yang saya pelajari daripada Nenek ialah pendekatan Nenek kepada batik itu sendiri dan nilai-nilai yang terkandung dalam batik sehinggakan Nenek begitu cintakan batik. Itulah yang saya pelajari. Mencintai apa yang kita suka dan mengambil berat tentang perkara yang kita cintai.”

berbadan besar dan lebih tua tidak begitu senang dengan saya. Saya lebih senang dengan alam dan bersendirian tetapi mereka tidak begitu senang. Mereka kurang senang dengan koleksi gambar yang saya kumpulkan.

Kalau saya ada bola, bola ini juga akan dicuri dan ditimbus dalam tanah. Tapi hal itu tidak mendukacitakan sebaliknya saya pula terasa gembira kalau mereka mempunyai kecenderungan untuk memusnahkan barang yang saya ada. Saya anggap barang saya itu mempunyai erti dan nilai pada mereka sebab itulah mereka mahu buat sesuatu kepada barang kepunyaan saya.

Kami mendapat sumber menyatakan bahawa Pak Sarkasi suka bermain dengan permainan kapal terbang. Boleh Pak Sarkasi ceritakan?

Koleksi gambar-gambar kereta itu termasuklah gambar kapal-kapal terbang. Tapi koleksi gambar ini bermula daripada Datuk. Pekerjaan Datuk saya membina rumah. Jadi kemungkinan semasa waktu lapang, Datuk membuat kapal terbang tanpa menggunakan paku. Dan pada satu waktu itu, Datuk balik dan dia memberikan hadiah

ini kepada saya. Tidak dapat saya bayangkan kegembiraan saya pada waktu itu. Kami jarang berkomunikasi antara satu sama lain. Setiap dua minggu sebulan baru Datuk pulang jadi tidak ada komunikasi antara kami. Apabila Datuk memberikan hadiah itu kepada saya, saya begitu bahagia sekali.

Pada umur beberapakah Pak Sarkasi mendapat hadiah tersebut?

Pada waktu itu saya mungkin berumur lapan atau sembilan tahun. Perkara itu sebenarnya mendorong saya untuk menghasilkan sesuatu menggunakan tangan sendiri dan dihasilkan dengan hati yang jujur dan ikhlas.

Datuk membuat sesuatu untuk cucunya bererti Datuk ikhlas dalam membuat karya tersebut dan itu bagi saya mengandungi nilai yang tinggi. Sayangnya banyak koleksi saya tenggelam dan hilang. Waktu tinggal di Kampung Pasiran, waktu musim hujan deras selalu berlaku banjir. Jadi koleksi-koleksi saya semua ikut tenggelam. Jadi hilanglah gambar-gambar koleksi saya dan saya cuba pula menghasilkan karya saya sendiri untuk dijadikan

koleksi. Malangnya koleksi- koleksi saya juga hilang. Semasa di kampung dulu, rumah sentiasa terbuka kepada sesiapa sahaja. Pada waktu itu ada seseorang yang bekerja dan dipanggil karung guni iaitu penjual barang. Jadi apabila mereka melihat sesuatu barang, mereka ambil tanpa pengetahuan saya. Jadi hilanglah semua koleksi saya. Sebenarnya koleksi itulah yang kadang kala menyebabkan saya teringat peristiwa silam. Alangkah indahnya kalau saya masih lagi ada koleksi-koleksi tersebut.

KISAH TINGGAL DI WARUNG

Pak Sarkasi terus tinggal di Kampung Pasiran sejak kecil lagi hingga ke takat umur berapa Pak Sarkasi?

Saya tinggal di situ setakat umur mungkin belasan tahun. Biarpun tinggal di Kampung Pasiran, saya tidak tinggal di rumah. Saya tinggal di warung.

Warung siapakah itu Pak Sarkasi?

Zaman dulu, di mana-mana ceruk ada

bangunan dan warung. Warung-warung ini menjadi tempat di mana kita boleh tidur dan baring.

Dengan izin tuan punya warung?

Tidak. Warung itu dipanggil warung bebas. Perkara yang bagus mengenai tinggal di warung ialah tempat itu terletak berhadapan dengan masjid. Jadi di situ saya boleh ke masjid. Saya boleh mandi dan bersihkan diri di tandas dan buat segala macam di situ. Jadi saya tidak pulang ke rumah. Saya tidur dan lakukan semuanya di situ. Kalau makan, bergantung pada belas kasihan daripada anak-anak yang lain dan daripada orang-orang yang tinggal di situ. Nanti ada orang yang tanya sudah makan? Kalau belum makan, mereka akan bawa makanan dan berikan makanan tersebut kepada kami.

Tidur di warung sendirian ataupun dengan kawan-kawan?

Sendirian. Adakalanya ada anak-anak lain yang ikut. Biasanya, saya sendirian.

“Kalau berkaitan dengan gusti, saya sehinggakan sampai panjat pokok cemara untuk menonton perlawanan gusti disebabkan saya tidak ada wang untuk masuk dan menyaksikan perlawanan gusti tersebut. Dahulu, ada sebuah pokok cemara di *Great World* berdekatan dengan *Straits Times Publishing*. Saya akan panjat pokok cemara itu dan tengok perlawanan gusti dari luar bangunan.”

Dan perkara ini berlaku dari umur Pak Sarkasi berapa tahun?

Sebenarnya hal ini berlaku sejak saya berumur 13 hingga 16 tahun.

Pada waktu itu Pak Sarkasi boleh dianggap sebagai remaja. Pak Sarkasi banyak meluangkan masa di warung dan di masjid. Tapi masa itu Pak Sarkasi masih belajar di Sekolah Menengah Beatty bukan?

Tapi saya sudah mula menjelajah di Kebun Bunga. Saya hanya ke warung untuk tidur sahaja.

“Kalau saya ada bola, bola ini juga akan dicuri dan ditimbus dalam tanah. Tapi hal itu tidak mendukacitakan sebaliknya saya pulak terasa gembira kalau mereka mempunyai kecenderungan untuk memusnahkan barang yang saya ada. Saya anggap barang saya itu mempunyai erti dan nilai kepada mereka sebab itulah mereka mahu buat sesuatu kepada barang kepunyaan saya.”

Kenapa tidak tidur di rumah Pak Sarkasi?

Saya lebih selesa tidur di luar daripada tidur di rumah. Kemungkinan juga di rumah saya itu tidak ada orang. Itulah antara satu sebab saya tidur di warung.

Waktu itu kalau Datuk bekerja balik dua minggu sekali kemudian Nenek menjual batik dari pagi hingga ke malam, kakak Pak Sarkasi tinggal dengan siapa?

Kakak saya tinggal di rumah Nenek.

Beberapa kerapkah Pak Sarkasi berjumpa dengan Ibu dan juga Ayah?

Boleh dikatakan jarang-jarang sekali. Kalau setahun kemungkinan saya berjumpa sekali atau dua kali itu sahaja.

Sewaktu Hari Raya?

Kadang tidak Hari Raya tapi hari-hari lain.

Mereka mempunyai keluarga sendiri? Pak Sarkasi tak pernah berhubungan dengan mereka selepas berkahwin, ada anak dan sebagainya?

Tidak. Bapa saya mendirikan rumah tangga yang baharu dan mempunyai anak. Ibu saya tidak mempunyai anak. Saya tidak kenal anak bapa saya sehinggalah mereka sudah besar. Sejak 10 tahun kebelakangan ini baru saya mula kenal mereka dan kami baru mula rapat.

“Pekerjaan Datuk saya membina rumah. Jadi kemungkinan semasa waktu lapang, Datuk membuat kapal terbang tanpa menggunakan paku. Dan pada satu wau itu, Datuk balik dan dia memberikan hadiah itu kepada saya. Tidak dapat saya bayangkan kegembiraan saya pada waktu itu. Kami jarang berkomunikasi di antara satu sama lain. Setiap dua minggu sebulan baru Datuk pulang jadi tidak ada komunikasi antara kami. Apabila Datuk memberikan hadiah ini kepada saya, saya begitu bahagia sekali.”

KISAH MULA MENJUAL LUKISAN

Pak Sarkasi, mohon cerita sedikit bagaimana Pak Sarkasi mula menjual hasil lukisan Pak Sarkasi di Bartley dan Gilstead Road.

Saya mula menjual lukisan sejak digalakkan oleh guru untuk menghantar lukisan saya ke *Donald Moore Gallery*. Dan di situlah mulanya saya menjual hasil lukisan saya. Kalau di Gilstead Road itu sebenarnya bersebelahan dengan kampung dan di situ banyak askar dari luar negara.

Kawasan Perumahan Commonwealth dekat dengan tempat itu. Adakalanya saya sudah mempunyai wang untuk membeli pastel. Jadi saya akan menaruh sekeping papan di tepi longkang dan saya melukis di atas papan itu. Saya tidak tahu kalau lukisan itu membuat mereka lebih tertarik dan mungkin lebih kasihan melihat saya lalu membeli hasil lukisan saya.

Waktu itu, mereka membeli lukisan saya dengan harga \$7 hingga \$10 begitu. Penjualan saya itu agak lumayan. Walaupun bukan setiap hari lukisan saya terjual, jika dalam seminggu ada dua lukisan dijual pun sudah memadai. Dapatlah saya menyambung nafas untuk hidup.

Wang yang didapat itu digunakan sendiri ataupun diberikan kepada Nenek?

Oh tidak. Sebenarnya wang yang saya dapat itu saya gunakan sendiri. Saya gunakan untuk adik-adik atau anak-anak yang ada di situ. Saya berikan mereka wang. Ada kalanya mereka datang jumpa saya dan saya berikan wang untuk beli buku atau apa-apa.

Mereka tidak minta wang daripada saya tapi mereka kata mereka kena beli buku. Jadi saya berikanlah mereka wang dan pergilah beli buku. Itulah yang saya buat. Begitu juga dengan makanan.

Oleh sebab mereka bantu saya belikan makanan, saya pun belikan makanan untuk mereka sekali.

Kalau Pak Sarkasi dapat \$14 seminggu, dengan makan dan kemudian membeli pastel, bolehkah menampung hidup?

Waktu itu boleh. Sebabnya kadang tak makan pun tidak menjadi masalah buat saya. Dan anak-anak juga sudah mula biasa kalau tak makan pun tak jadi masalah. Tapi pada waktu itu di kampung ada banyak kebun yang tidak terjaga. Dalam kebun itu ada pohon pisang, nangka dan sebagainya. Kami akan pergi ke kebun tersebut melihat pisang yang sudah tua. Kita potong dan kita tinggalkan di bawah situ. Agak-agak kalau pisang itu sudah masak, kita akan ke sana untuk mengambil pisang itu sebagai makanan kita. Pisang itu jadi makanan kami waktu sarapan, tengah hari dan waktu malam. Kerana minat kita kepada alam itu begitu kuat, hal tersebut merupakan satu kebahagiaan.

Jika sekarang, kita tidak akan dapat merasakan kebahagiaan itu. Tapi waktu itu, hal tersebut merupakan satu kebahagiaan dapat makan bersama dengan pisang yang kita potong atau pun buah-buahan lain. Hal itu begitu indah sekali.

Selain daripada mengumpulkan gambar-gambar ahli gusti, apakah kebiasaan lain Pak Sarkasi?

Saya tidak menonton wayang. Saya baru mula menonton wayang bila sampai ke zaman-zaman P. Ramlee. Tapi saya tidak begitu minat menonton wayang.

Pernah Pak Sarkasi melawat Donald Moore Gallery itu sendiri? Berapa banyak lukisan Pak Sarkasi yang dipamerkan atau dijual di situ?

Tak banyak. Cuma dua atau tiga lukisan sahaja.

“Perkara yang bagus mengenai tinggal di warung ialah tempat itu terletak berhadapan dengan masjid. Jadi di situ saya boleh ke masjid. Saya boleh mandi dan bersihkan diri di tandas dan buat segala macam di situ. Jadi saya tidak pulang ke rumah. Saya tidur dan apa semuanya di situ. Kalau makan, bergantung pada belas kasihan daripada anak-anak yang lain dan daripada orang-orang yang tinggal di situ. Nanti ada orang yang tanya sudah makan? Kalau belum makan, mereka akan bawa makanan dan berikan makanan tersebut kepada kami.”

Berapakah harga yang Pak Sarkasi letakkan untuk hasil lukisan?

Pada waktu itu lukisan saya berharga paling mahal \$30- \$40 begitulah.

Itu pada tahun 1980an. Pada waktu itu \$30 itu agak banyak. Apakah yang Pak Sarkasi lakukan dengan hasil jualan lukisan?

Bila ada penjualan atau pembelian daripada hasil penjualan lukisan saya itu, saya akan mencari anak-anak ini tadi. Kita akan makan bersama-sama. Kalau mereka memerlukan apa-apa barang termasuk pensel, saya akan belikan sementara saya beli *crayon* atau *watercolour*.

“**Sebenarnya wang yang saya dapat itu saya gunakan sendiri. Saya gunakan untuk adik-adik atau anak-anak yang ada di situ. Saya berikan mereka wang. Ada kalanya mereka datang jumpa saya dan saya berikan wang untuk beli buku atau apa-apa.**”

Apakah pekerjaan lain yang Pak Sarkasi pernah lakukan?

Pekerjaan yang lain yang pernah saya lakukan adalah mengajar di *kindergarten*. Tapi sesudah itu kerjaan apa ya? Oh saya teringat waktu itu saya melakukan kerja sambil memotong

rumput. Saya bekerja sambil memotong rumput di rumah orang dan kerja saya memotong rumput di halaman rumah.

Rumah siapa?

Saya tidak kenal namanya tapi dia seorang *journalist*.

Orang Melayu?

Orang India.

Di kawasan mana?

Di kawasan Pasir Panjang.

Dari Pasiran ke Pasir Panjang untuk memotong rumput? Berapakah upah yang didapati?

Upah yang saya terima waktu itu hanya empat dolar satu hari. Saya tidak bekerja memotong rumput sepanjang hari tapi hanya di sebelah pagi sahaja.

Berapa lamakah pekerjaan itu dilakukan dan adakah Pak Sarkasi melakukan kerja itu sendirian?

Ya, biasanya saya lakukan kerja itu sendirian. Saya lakukan kerja itu selama empat atau lima bulan. Di Pasir Panjang itu ada *Haw Par Villa*. Selesai memotong rumput, saya jalan hendak balik tetapi tiada tujuan untuk ke tempat-tempat tertentu. Saya lihat banyak orang. Ada orang Jepun dan ada orang Cina di situ. Saya lihat ada orang yang sedang jual *souvenir*. Dari situ saya membuat sketsa-sketsa tentang Singapura dan menjual sketsa-sketsa saya di situ. Saya jual dengan harga satu dua dolar. Sambil saya memotong rumput, saya

menjual sketsa-sketsa lukisan saya. Jadi begitulah saya teruskan.

“Kita akan makan bersama-sama. Kalau mereka memerlukan apa-apa barang termasuk pensel, saya akan belikan sementara saya beli *crayon* atau *watercolour*.”

Adakah Pak Sarkasi mempunyai rakan-rakan yang rapat semasa di Sekolah Menengah Beatty?

Saya tidak mempunyai kawan rapat pada waktu itu. Tapi kawan-kawan ini saya gelar mereka sebagai *silent inspiration*. Saya ada seorang kawan berbangsa Cina. Dia mempunyaisebuah basikal yang berjenama pada waktu itu. Dia telah meminjamkan basikal itu kepada saya. Jadi, dengan basikal itu, saya sudah mula naik basikal dari satu tempat ke satu tempat.

Pak Sarkasi ingat jenama basikal itu?

Sun. Waktu itu bukan *Raleigh* walaupun jenama itu sudah ada. *Raleigh* merupakan basikal untuk perlumbaan. Jadi pelumba basikal dan *Raleigh* ada. Waktu itu dipanggil *Raleigh RRA*. Saya masih ingat lagi dan saya sampai masuk perlumbaan basikal. Pada waktu itulah saya berbasikal ke sana sini. Saya tidur bila mengantuk dan setelah itu saya mengayuh basikal lagi.

Siapakah nama rakan Pak Sarkasi?

Dia anak kepada seorang pengusaha pengilang Kim Sol, kilang nenas.

Apakah bahasa yang Pak Sarkasi gunakan apabila berbual dengan beliau itu?

Saya gunakan bahasa Inggeris.

Pak Sarkasi terdidik di sekolah Melayu kemudian itu di madrasah kemudian ke sekolah Inggeris. Jadi penguasaan bahasa Inggeris pada waktu itu baik?

Ya, maksud saya bahasa Inggeris saya itu boleh difahami.

“Saya mula menjual lukisan sejak digalakkan oleh guru untuk menghantar lukisan saya di *Donald Moore Gallery*. Dan di situlah mulanya saya menjual hasil lukisan saya. Kalau di Gilstead Road itu sebenarnya bersebelahan dengan kampung dan di situ banyak askar dari luar.”

Adakah Pak Sarkasi berbual dalam bahasa Melayu dengan wartawan yang tinggal di sebuah rumah di Pasir Panjang?

Dia berbual dalam bahasa Inggeris kerana *journalist* ini bukan *journalist* dari Singapura. Dia seorang *journalist* dari luar negara dan kemungkinannya dia dari London. Tapi *journalist* itu berbangsa India. Saya menggunakan bahasa Inggeris yang mungkin dapat difahami oleh dia.

“Saya tidak mempunyai kawan rapat sewaktu itu. Tapi kawan-kawan ini saya gelar mereka sebagai *silent inspiration*.”

Pak Sarkasi juga mengembara ke luar negara. Pada umur berapakah Pak Sarkasi mula mengembara?

Saya mula mengembara pada awal tahun tujuh puluhan. Pada awal tujuh puluhan, saya mula keluar negara seperti ke Malaysia, Indonesia dan sesudah itu baru melangkah agak jauh sedikit. Kebetulan saya berkenalan dengan seorang guru lukis yang mengajar di Sekolah Amerika, Singapura. Saya berjumpa beliau apabila saya membuat pameran lukisan. Itulah pameran lukisan yang saya jalankan di *Malay Art Gallery*.

Malay Art Gallery?

Betul. *Malay Art Gallery* yang terletak di North Bridge Road. Galeri ini dimiliki

oleh keluarga Aljunied dan dipanggil *Miniature*.

Miniature Art Gallery?

Nama galeri itu ialah *Malay Art Gallery*, tetapi pameran saya dipanggil *Miniature Art Exhibition* pada tahun 1973. Jadi semua lukisan yang dipamerkan di situ kecil-kecil. Ini ialah lukisan yang saya hasilkan daripada cat yang saya dapat daripada seorang teman, bukan temanlah ya, tapi kenalan yang buat *stage decor*.

“Awal tujuh puluhan, saya mula keluar iaitu ke Malaysia, ke Indonesia dan sesudah itu baru melangkah agak jauh sedikit.”

Adakah itu cat air atau cat minyak?

Bukan cat air tapi *textile*. Namanya *textile dye*. Apabila menggunakan *textile dye* ini, saya seterika, tidak cuci ataupun tidak seterika. Jadi saya buat begitulah. Kalau lukisan yang kecil-kecil ini diseterika, tidak mengapa. Adakah lukisan batik itu mesti dicuci? Dahulu saya berpendapat bahawa semua lukisan batik yang dihasilkan harus dicuci. Sebenarnya, hanya kain batik yang hendak dijadikan pakaian sahaja yang perlu dicuci.

Jadi pada pendapat saya, kalau kain batik itu sebagai sebuah lukisan, ia tidak perlu dicuci. Contohnya, cuba fikirkan

“Di Pasir Panjang itu ada *Haw Par Villa*. Selesai memotong rumput, saya jalan hendak balik tetapi tiada tujuan untuk ke tempat-tempat tertentu. Saya lihat banyak orang. Ada orang Jepun dan ada orang Cina di situ. Saya lihat ada orang yang sedang jual *souvenir*. Dari situ saya membuat sketsa-sketsa tentang Singapura dan menjual sketsa-sketsa saya di situ. Saya jual dengan harga satu dua dolar.”

kalau seseorang itu menggunakan cat air semasa membuat lukisan batik, kalau dicuci tentulah tidak akan menjadi. Sama juga hal ini dengan lukisan menggunakan *textile dye*. Jadi lukisan itu tidak perlu dicuci sebagai sebuah lukisan biarpun ada lukisan-lukisan yang saya cuci.

Lukisan mana yang hebat, dicuci ataupun tidak dicuci?

Sebenarnya hal ini ada dua pendekatan. Satu pendekatan tentang kebersihan. Bila dicuci, lukisan itu nampak jelas sekali bersihnya kerana tidak ada sisa-sisa lilin. Tetapi kalau dari segi *texture*, ada kalanya kita perlukan lilin itu untuk ditinggalkan, sama ada besar atau kecil. Itulah *texture* yang ingin diserlahkan.

Tetapi kalau tidak dicuci, kemudian itu diseterika, lilin itu tinggal di atas kain?

Kalau diseterika ia akan cair tapi ia ada tanda. Untuk lukisan-lukisan yang saya hasilkan, saya kira mungkin sepuluh tahun itu saya tidak cuci langsung dan tidak seterika. Saya biarkan dan lilin itu kelihatan ada di atas.

Dari segi pendapatan, dalam sebulan, berapakah agaknya yang Pak Sarkasi dapat dengan melukis dan menjual lukisan?

Sebenarnya, saya tidak ada pendapatan yang tetap atau penentuan berapa banyak yang saya dapat. Kalau dari galeri ini, saya mendapat sekitar mungkin seratus atau dua ratus dolar sebulan. Tetapi ada waktunya sebulan pun tidak ada penjualan yang berlaku. Jadi hidup saya ini boleh dipanggil sebagai *opportunist* kerana ketika saya berada di galeri ini, nanti ada orang yang datang dan bertanya, “Sarkasi, awak sudah makan?” Mereka datang dan belikan makanan yang ada di Kampung Jawa untuk saya.

Siapakah yang menggalakkan Pak Sarkasi untuk mengadakan pameran yang pertama?

Ini atas kemahuan saya sendiri tetapi saya juga menerima bimbingan daripada tuan punya galeri, Encik Husain Aljunied dan arwah pelukis Pak Abdul Ghani Hamid.

Adakah Pak Sarkasi perlu membayar sewa galeri?

Saya tidak perlu membayar sewa galeri. Malah tuan punya galeri itu menyediakan makanan untuk saya.

Sebelum Pak Sarkasi menjalankan pameran ini, ada pelukis lain yang telah menjalankan pameran?

Tidak ada. Saya merupakan pelukis pertama yang mengadakan pameran pertama di galeri ini. Selepas itu baru ada pelukis-pelukis lain yang mengadakan pameran di sini.

Kalau dilihat, lebih daripada seratus hasil karya Pak Sarkasi yang dipamerkan.

Lukisan yang kecil-kecilnya seratus. Tetapi ada juga lukisan yang besar. Tumpuan pameran adalah pada lukisan-lukisan yang kecil. Jumlahnya seratus.

Adakah modalnya besar, Pak Sarkasi?

Modal yang digunakan hanyalah kertas dan kertas itu saya dapat, tidak dibeli.

Masa itu belum lagi menggunakan kain?

Belum, belum, lagi.

Tahun berapakah karya Pak Sarkasi dibeli oleh pihak Muzium Nasional Singapura?

Karya saya mula dibeli oleh Muzium Nasional Singapura pada awal tahun tujuh puluhan. Encik Christopher Ooi, seorang *curator* dari Muzium Nasional Singapura merupakan orang pertama

yang telah membeli hasil karya lukisan saya bagi pihak Muzium Singapura.

Dengan harga?

Harga lukisan saya yang dibeli pada waktu itu ialah dua ratus atau tiga ratus dolar. Harga lukisan itu sudah boleh dianggap besar pada waktu itu.

Pak Abdul Ghani Hamid merupakan orang yang bertanggungjawab dalam pertubuhan Angkatan Pelukis Aneka Daya (APAD). Bagaimanakah hubungan Pak Sarkasi dengan Pak Abdul Ghani Hamid pada waktu itu? Adakah Pak Sarkasi menjadi ahli atau anggota APAD?

Satu waktu saya pernah menjadi ahli APAD. Tetapi setelah saya sudah banyak kali keluar negara, saya menarik diri daripada menjadi anggota APAD. Biarpun begitu, hubungan saya dengan Pak Abdul Ghani Hamid rapat. Sewaktu saya menjadi anggota APAD, hubungan saya dengan arwah Pak Abdul Ghani paling rapat sekali.

Arwah Pak Abdul Ghani Hamid bukan sahaja menulis tetapi juga melukis kartun.

Pak Abdul Ghani melukis kartun dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Pada waktu itu, beliau bertugas di mana Pak Sarkasi?

Pak Abdul Ghani bekerja di PUB (*Public Utilities Board*) di *Electric Department*.

Bilakah Pak Sarkasi mengenali Pak Ghani Hamid?

Saya mengenali Pak Abdul Ghani mungkin setahun sebelum saya mengadakan pameran lukisan ini.

Berapa lama Pak Sarkasi mengambil masa untuk menyiapkan begitu banyak sekali hasil lukisan sebelum mengadakan atau menjalankan pameran?

Saya menghasilkan lukisan-lukisan ini tidak begitu lama. Mungkin dalam masa seminggu. Tetapi, seperti yang pernah saya katakan sebelum ini, saya sebenarnya fanatik. Setiap kali ada pameran, saya tidur di situ. Saya buat gambar di situ. Semuanya saya buat di situ. Saya tidak balik ke rumah. Saya terus melukis siang dan malam. Kadang-kadang saya melukis sampai 18 jam atau 16 jam sehari. Saya terus melukis pada waktu itu mungkin kerana saya masih muda. Kemahuan saya yang berkobar-kobar membuatkan saya aktif melukis.

MENGEMBARA KE MALAYSIA

Pak Sarkasi merantau ke bahagian mana di Malaysia?

Pertama, saya merantau ke Kuala Lumpur. Pada waktu itu saya tidak pasti sama ada Kelantan atau Terengganu merupakan tempat untuk membuat batik. Jadi saya merantau ke Kuala Lumpur.

Waktu itu berapa umur Pak Sarkasi?

Waktu itu, saya sudah berumur dua puluhan tahun.

Belum kahwin atau sudah?

Saya sudah berkahwin. Oleh sebab saya suka berkenalan dan mengenali orang lain, saya mempunyai beberapa orang kenalan yang berkaitan dengan seni yang berada di Kuala Lumpur. Saya berkenalan dengan mereka semasa mereka berada di Singapura. Antara orang yang saya kenal ialah Latiff Mohidin dan Khoo Swee Ho. Semasa saya pergi ke Kuala Lumpur, saya tinggal di rumah Latiff Mohidin. Waktu itu Latiff Mohidin belum berkahwin. Latiff Mohidin waktu itu tinggal di rumah seni di Persiaran Tun. Di situ ada tiga buah rumah. Satu rumah muzik, satu rumah seni lukis dan satu lagi rumah tarian. Waktu itu, penyanyi Hail Amir dan penyanyi Uji Rashid ada di situ. Mereka semua merupakan pelajar-pelajar seni tari. Kalau di tempat saya tinggal itu, ada ramai pelukis seperti Zainon. Latiff Mohidin tinggal di rumah seni lukis. Rumah itu rumah gedung dan saya juga turut tinggal di situ.

Berapa lamakah Pak Sarkasi tinggal di situ?

Saya tinggal di situ sebenarnya tidak lama. Tetapi saya sering ke Kuala Lumpur. Saya sering ulang-alik ke Kuala Lumpur. Setiap kali saya ke sana, saya tidur di situ. Saya bercampur dengan pelukis-pelukis lain di Kuala Lumpur sehinggalah saya membuat persembahan seni di Pasar Seni. Apabila tiba waktu malam, saya pergi ke Pasar Seni. Di situ ada bermacam-macam aktiviti. Ada yang mengadakan persembahan hadrah. Latiff Mohidin pun

ada di situ. Dia juga seorang penyajak dan dia mengarang puisi. Di situ ada segala macam orang bercampur gaul. Lama-kelamaan setelah saya melihat seni batik itu sudah mula berkembang, saya mengambil kesempatan untuk pergi ke sebelah timur.

Maknanya Pak Sarkasi perti ke Kelantan dan Terengganu?

Pertama saya pergi ke Kelantan. Di negeri Kelantan, saya berjumpa dengan Encik Dolah Yusof. Dolah Yusof merupakan seorang pelukis batik yang unggul di Kelantan. Semasa di sana, saya tidur di rumahnya. Saya ingin tahu dan belajar tentang batik tetapi tidak ditunjukkan. Studionya juga tidak ditunjukkan kepada saya. Jadi saya merayau-rayaulah pergi ke kedai orang menjual batik di sana. Semasa

di Kelantan, mereka tidak mahu menunjukkan kepada saya tentang proses membuat batik. Di Terengganu pun sama susah untuk mempelajari tentang batik. Di Terengganu, batik dimonopoli oleh Nur Arfah.

Sejak bilakah Nur Arfah menubuhkan galerinya?

Kalau dari segi penubuhan galerinya tidak begitu lama. Tetapi kalau dari segi pengendalian *workshop*nya, sudah lama. Sudah puluhan tahun juga Nur Arfah menjalankan bengkel batiknya.

Apakah pelajaran utama yang Pak Sarkasi dapat setelah mengembara ke Kuala Lumpur, Kelantan dan Terengganu?

Pelajaran yang utama saya dapat ialah kita harus berkongsi pengetahuan.



Sarkasi Said dengan lukisan-lukisan kecil beliau

Pada waktu itu, tidak ramai orang yang mahu berkongsi ilmu. Sedangkan apa juga ilmu yang diperoleh semuanya ialah pemberian-Nya. Apa juga yang diberikan kepada kita itu adalah daripada kuasa-Nya. Jadi tidak ada masalah kalau kita berkongsi.

“Pada waktu itu, tidak ramai orang yang mahu berkongsi ilmu. Sedangkan apa juga ilmu yang diperoleh semuanya ialah pemberian-Nya. Apa juga yang diberikan kepada kita itu adalah dari kuasa-Nya. Jadi tidak ada masalah kalau kita berkongsi.”

Berkaitan dengan hal berkongsi ini, semasa di Singapura saya juga dikatakan orang sebagai seorang yang bodoh. Saya suka berkongsi pengalaman dan pengetahuan dengan mengajar tanpa mendapatkan bayaran. Keluarga saya sendiri tidak suka dengan cara saya. Pakcik-pakcik saya mengatakan, “Kenapa kamu begitu bodoh, mengajar tanpa bayaran?”

Pandangan mereka itu berbeza daripada pemikiran saya. Jadi bagaimanakah saya boleh dapat bersama mereka? Pastilah nanti di tengah jalan akan berlaku

percanggahan kerana pandangan mereka berbeza dengan pandangan saya.

Saya ada satu pengalaman mengenai hal berkongsi. Lukisan saya diminati oleh seorang Amerika dari Hong Kong. Dia merupakan seorang peniaga intan berlian dan karpet. Dia beritahu saya, “Bagaimana kalau awak berikan saya sepuluh lukisan dan saya akan berikan awak sepuluh karpet dan segenggam intan?”

Kalau intan ini, saya tidak bawa balik ke rumah. Satu biji intan pun saya tidak berikan kepada isteri saya. Malah, intan-intan itu saya bahagi-bahagikan termasuklah saya berikan kepada arwah Encik Abdul Ghani. Arwah Encik Ghani buat cincin untuk isterinya dan terus dia beritahu saya, “Intan ini saya buat cincin untuk isteri saya.” Begitulah ceritanya tentang pengalaman saya berkongsi dengan orang-orang yang saya kenal.

Mengapakah Pak Sarkasi tidak berkongsi dengan keluarga?

Saya tidak berkongsi dengan keluarga saya pada waktu itu. Saya tidak mahu mereka merasa atau mendapat sesuatu dengan cara ini. Saya mahukan mereka merasakan bahawa setiap apa yang mereka dapat itu harus diusahakan sendiri. Sebagai contoh, isteri saya sendiri. Ketika saya tidak mempunyai pendapatan yang tetap, isteri saya menjual kuih untuk membantu menampung kehidupan keluarga.

“Kehidupan saya dahulu amat sederhana. Kadang-kadang saya berikan satu atau dua dolar kepada isteri. Waktu tidak berpendapatan, saya balik ke rumah jalan kaki. Duit dalam kocek hanya ada dua puluh sen. Oleh sebab itu isteri saya berusaha dengan menjual kuih.”

Kehidupan saya dahulu amat sederhana. Kadang-kadang saya berikan satu atau dua dolar kepada isteri. Waktu tidak berpendapatan, saya balik ke rumah jalan kaki. Duit dalam kocek hanya ada dua puluh sen. Oleh sebab itu isteri saya berusaha dengan menjual kuih. Anak-anak lelaki saya iaitu Ika, Ilya dan Indra menjual epok-epok, pisang goreng dan nasi lemak. Selepas pulang dari sekolah, mereka akan membawa bakul. Ibunya sudah menyediakan bakul yang mengandungi kuih untuk mereka jual. Alhamdulillah, mereka menjual kuih tidak begitu lama. Dalam pukul tiga petang begitu, mereka sudah balik ke rumah. “Ibu, sudah habis. Bu, kuih sudah habis dijual.”

Tetapi tentang hubungan dan ikatan saya dengan isteri itu, dia dapat

memikat saya dengan apa yang dia buat. Itu sahaja sudah cukup. Dengan adanya penjualan kuih-muih itu dia dapat beli peti sejuk, *fridge*. Ya, isteri saya dapat membayar bil elektrik. Jadi, itulah yang saya buat dan dia tetap jaga anak-anak dengan betul. Pakaian dia dan semuanya adalah hasil daripada penjualan kuih yang dia lakukan sendiri. Jadi, apa yang saya lihat tentang isteri saya semasa dia muda itu benar-benar berlaku. Walaupun saya tidak mempunyai sumber pendapatan, dia tetap bersama saya. Dia tetap membuat sesuatu agar kita sekeluarga dapat meneruskan kehidupan.

Pak Sarkasi ada pendapatan daripada hasil seni Pak Sarkasi termasuk misalnya sepuluh karpit dari negara Iran?

Dia tidak, saya tidak jual. Saya berikan karpit itu kepada orang lain.

Pak Sarkasi orang yang amat murah hati. Apabila mendapat intan, Pak Sarkasi berkongsi dengan rakan-rakan.

Sama ada saya murah hati atau tidak itu saya tidak tahu. Adakah saya masih banyak berkongsi atau tidak itu pun saya tidak pasti. Tetapi perkongsian saya kepada orang lain itu masih tetap ada.

Umpamanya berkaitan dengan pekerja pembantu saya. Sampai sekarang bila pekerja pembantu saya *sms* mengatakan anaknya mahu sekolah, isteri saya dan saya kirim bantuan.

Ada waktunya saya dan isteri pergi ke sana untuk memberikan bantuan. Sampai hari ini pun, bila ada apa-apa berlaku, kami akan ke sana. Isteri saya, anak perempuan saya akan terus ke sana bila ada sedikit kesusahan atau kemalangan. Kami ke sana dan kami memberikan bantuan setakat apa yang ada hinggalah sekarang.

Sikap berkongsi ini telah pun Pak Sarkasi lakukan sejak dulu contohnya ketika dapat hasil jualan lukisan, satu dolar, dua dolar dan kemudian, diberikan, dikongsi dengan anak-anak kampung.

Saya lakukan perkara itu sejak saya kecil lagi.

Hasil daripada titik peluh usaha Pak Sarkasi melalui seni batik ini, apa yang Pak Sarkasi berikan kepada diri Pak Sarkasi sendiri?

Saya rasa apa yang saya berikan untuk diri saya sendiri ialah pengetahuan dan pelajaran. Dengan semua usaha yang saya lakukan, ke sana dan ke sini, keluar negara dan segalanya itu adalah satu pelajaran buat saya. Semuanya menjadi pengalaman dan pelajaran kepada saya. Itulah cara saya belajar. Saya rasa pemberian itu telah dikembalikan semula kepada saya dan pemberian itu sebenarnya lebih banyak daripada apa yang saya sendiri berikan.

Selama ini, saya ke luar negara tidak menggunakan wang sendiri sepenuhnya. Saya bertemu dengan orang dan orang *sponsor* saya untuk

ke China, ke Europah, ke Amerika, dan Hawaii. Semuanya atas *sponsor* dan selain daripada itu, pemerintah juga ada *sponsor* saya untuk keluar negara seperti ke New York dan ke banyak tempat. Kalau di ASEAN, semua negara ASEAN telah saya lawati. Negara China pun saya telah kunjungi. Jadi itu adalah satu pemberian yang luar biasa. Nilainya tidak sama dengan apa yang saya berikan. Boleh jadi seseorang itu mempunyai wang yang banyak dan mampu untuk pergi ke mana-mana tempat sekalipun. Tetapi sama ada dia boleh pergi ke tempat-tempat tersebut atau tidak, belum tentu lagi. Jadi, itu adalah satu pemberian yang saya terima. Hingga sekarang saya masih percaya hal itu akan berlaku.

“Saya amat berterima kasih. Tidak ada apa yang boleh dibandingkan dengan pemberian-Nya.”

MENSYUKURI PEMBERIAN TUHAN

Mak Salamah tidak minta apa-apa daripada Pak Sarkasi?

Ah, dia tidak minta apa-apa daripada saya. Tetapi kalau sekarang ini, segala persiapan rumah isteri saya yang jaga. Apa yang saya ada, saya berikan kepada isteri saya dan dia yang menjaganya. Tambang saya, makan saya, duit beli kopi saya itu semua dia yang uruskan. Jadi, dengan sikap

berkongsi itu luar biasa yang dia berikan kepada saya. Kebanyakan orang tidak terfikir kalau dia boleh ke *Wisconsin*lah umpamanya. Boleh ke Seville di Spain. Boleh ke Malta. Orang tidak terfikir untuk pergi ke sana biarpun dia ada duit. Tetapi kalau pemberian itu daripada Tuhan, saya boleh dipanggil untuk mengadakan pameran dan mendapat *sponsor* daripada orang Malta dan dapat *sponsor* daripada syarikat penerbangan. Dapat pulak *first class*. Jadi, *Allahuakbar*. Saya amat berterima kasih. Tidak ada apa yang boleh dibandingkan dengan pemberian-Nya.

Mak Salamah tidak pernah ikut bersama?

Mak Salamah pernah ikut. Ada waktu dia ikut tetapi ada kalanya dia tidak ikut. Memang dia sendiri tidak mahu ikut. Padahal ada kalanya kita diberikan peruntukan dua tiket penerbangan untuk isteri dan saya dan juga dari segi penginapan dan segala macam. Ada kalanya Mak Salamah tidak ikut. Apatah lagi sekarang.

SALING BERKONGSI

Adakah Pak Sarkasi masih berhubungan dengan rakan-rakan dari Malaysia? Adakah itu berlanjutan selepas merdeka?

Ya, saya sebenarnya saya mula mengembara ke Malaysia waktu itu. Sebenarnya waktu Singapura dengan Indonesia ada konfrontasi, saya berada di Indonesia dan saya balik semula ke Singapura kerana hubungan Singapura dengan Indonesia waktu itu kurang baik. Tetapi kalau di Malaysia, saya masih terus berhubungan dengan Latiff Mohidin. Kadang-kadang Latiff Mohidin datang ke tempat saya.

Maksud Pak Sarkasi?

Maksud saya, Latiff Mohidin datang ke Singapura, ke rumah saya dan pernah juga dia tidur di rumah saya. Waktu itu saya tinggal di rumah HDB. Rumah itu dipanggil rumah “L”. Rumah “L” tidak mempunyai bilik. Ada teman-teman berbangsa Cina, penjual jam pun tidur di rumah saya yang dipanggil rumah “L” itu.

“Sampai sekarang bila pekerja pembantu saya sms mengatakan anaknya mahu sekolah, isteri saya dan saya kirim bantuan. Ada waktunya saya dan isteri pergi ke sana untuk memberikan bantuan. Sampai hari ini pun, bila ada apa-apa berlaku, kami akan ke sana.”

Di manakah tempatnya?

Di Kim Keat Avenue. Di rumah “L” itu saya, bapa mertua saya, adik dia, anak-anak dan isteri saya semuanya tinggal di rumah “L”. Jadi pada malam hari, kita semua tidur sebumbung, ikut mana yang boleh. Itu semua kerana adanya sikap ingin dan mahu berkongsi. Itulah yang saya ajar kepada anak-anak. Kalau tentang makan, apa yang isteri saya masak, itulah yang dimakan. Makan apa adanya.

Siapakah nama pelukis yang amat terkenal di Malaysia? Adakah Pak Sarkasi kenal baik dengan beliau?

Saya tidak begitu kenal dengan pelukis tersebut. Mungkin namanya Ibrahim Husain. Jika Ibrahim Husain, saya kenal tetapi tidak begitu rapat dengan dia. Saya lebih rapat dengan Latiff Mohidin. Latiff Mohidin merupakan seorang pelukis yang terkenal dan dia memang rapat dengan saya. Sebenarnya saya yang rapat dengan dia, bukan dia rapat dengan saya.

Ada orang kata Pak Sarkasi ini terlalu baik dan banyak berkongsi dengan rakan-rakan dari Malaysia. Apakah yang membezakan lukisan Pak Sarkasi, batik Pak Sarkasi dengan lukisan batik yang dihasilkan oleh pelukis Malaysia?

Saya anggap lukisan sebagai nadi kehidupan. Lukisan saya banyak mencerminkan tentang satu kehidupan. Sama ada lukisan itu tentang pohon, paya atau apa juga sekali pun, ia adalah mengenai satu kehidupan.

Lukisan saya memaparkan bagaimana saya melihat tentang kehidupan itu sendiri. Sebagai contoh, lukisan tentang paya. Mulanya kita lihat paya itu ialah tempat yang mengandungi macam-macam khazanah. Macam-macam benda ada di paya. Di sebalik paya itu, terputik bunga yang menjadi lambang keistimewaan contohnya dari segi keagamaan. Bunga teratai merupakan satu lambang kesucian bagi sesetengah agama. Daripada lukisan yang dihasilkan itu, saya rasa ada ciri-ciri yang tertentu yang boleh dinilai bila mana seseorang itu melihat dan mengenal dan mengetahui tentang adanya unsur simbolik kesucian di tempat itu.

“Saya anggap lukisan sebagai nadi satu kehidupan. Jadi dalam lukisan saya, saya banyak mencerminkan akan satu kehidupan.”

Saya berpendapat bahawa perkara yang saya sebutkan tadi seharusnya dilihat dan diteliti oleh orang yang melihat lukisan yang dihasilkan. Apabila meneliti dan melihat dengan lebih mendalam, diharapkan minat tersebut akan berkembang dan bukan melihat dengan minda yang tertutup. Serupa dengan bagaimana kita belajar. Jika kita berfikir bahawa belajar hanya setakat peringkat menengah sudah cukup,

minda kita tidak akan berkembang. Fikiran dan minda kita tentang pengajian mengenai sesuatu harus terus berjalan agar dia tetap hidup. Jadi itulah dia yang saya katakan tadi sebagai nadi kehidupan.

MENGEMBARA KE INDONESIA

Kemudian itu Pak Sarkasi mengembara ke Indonesia. Pak Sarkasi pergi ke bahagian mana Indonesia?

Saya pergi ke Indonesia di bahagian atau daerah kepulauan Jawa.

Secara spesifiknya di mana?

Tidak ada tempat yang spesifik. Saya pergi dari timur ke barat. Saya mula bergerak dari Tanjung Periuk, Jakarta kerana tidak punya wang. Saya hanya punya wang sekadar cukup buat tambang ke Tanjung Periuk.

Dari Singapura, Pak Sarkasi naik apa?

Saya naik kapal. Waktu itu perjalanan memakan masa selama tiga atau empat hari.

Berapakah tambang kapal?

Tambang kapal itu ialah 30 dolar. Ketika itu saya tidak ada duit untuk makan dan tidak ada duit untuk belajar. Walaupun begitu, saya teruskan perjalanan ke sana. Sampai di Indonesia, saya duduk di Tanjung Periuk. Semasa saya berada di Tanjung Periuk itu, semuanya seperti telah diatur. Inilah yang dinamakan satu kelebihan. Pada waktu itu saya tidak terfikir bahawa di sana itu ada banyak

kenderaan atau tidak. Saya perlu melintas wilayah. Jadi saya duduk di Tanjung Periuk dan saya lihat ada lori-lori yang membawa balak dan segala macam muatan lalu di kawasan itu. Saya mendapat idea untuk bertanya kepada pemandu lori di situ jika saya boleh menumpang lori mereka. Sebenarnya, saya sendiri tidak tahu lori itu akan pergi ke mana.

Hitchhike?

Ya, *hitchhike*. Saya berada di Tanjung Periuk waktu. Tempat saya berada ketika itu merupakan sebuah pangkalan kapal. Oleh sebab itu ada banyak lori di situ. Saya tidak tahu nak pergi ke mana. Saya pun tanya kepada seorang kelindan lori di situ. “Pak, mahu ke mana, Pak?” “Saya mahu ke Bali.” “Oh, kalau begitu saya tumpanglah Pak.” Jadi, kelindan lori itu menumpangkan saya hingga ke Bali tanpa perlu memberikan apa-apa bayaran. Setelah dibenarkan menumpang lori tersebut, saya pun naik. Saya tidak memikirkan tentang makanan dan seperti biasa saya tidak memikirkan tentang kehidupan saya. Perkara yang paling penting pada saya waktu itu ialah saya dapat meneruskan perjalanan saya. Saya pun naik di atas lori balak itu dengan tuala yang diberi oleh kelindan lori agar saya dapat menutup tubuh saya. Saya tutup tubuh saya dengan tuala yang diberi walaupun berketap-ketap gigi saya kerana kesejukan. Bila tiba waktu makan di pertengahan perjalanan, saya pun turun daripada lori. Mereka pun belanja saya makan.

Mereka membayarkan harga makanan yang saya makan. Di tempat yang lain mereka juga berhenti untuk minum kopi dan mereka juga membayarkan harga kopi yang saya minum hinggalah sampai ke Gilimanuk. Gilimanuk itu satu pelabuhan di daerah...

“Seperti yang saya katakan waktu itu saya boleh berbahasa Inggeris sedikit. Di Indonesia pada waktu itu jika ada seseorang yang boleh berbahasa Inggeris, orang itu sudah dianggap sebagai orang luar biasa. Disebabkan hal itu, saya telah diambil sebagai anak angkat oleh pengarah tersebut.”

Manuk itu burung?

Ya. Makna manuk itu ialah burung. Namun begitu, tempat yang saya maksudkan tadi sebenarnya sebuah pelabuhan. Saya tiba di sebuah pelabuhan dan lori yang saya naiki perlu menyeberang ke seberang sebelum sampai ke Denpasar. Saya menyeberang dengan menaiki lori tanpa perlu membayar wang.

Naik Feri?

Lori yang saya tumpangi menyeberang menaiki feri hingga sampailah ke Denpasar. Di Denpasar ada banyak juga lori yang mengangkut barang-barang untuk di bawa ke daerah-daerah yang lain. Jadi saya pun bertanya lagi kepada seorang kelindan lori, “Pergi mana Pak? Boleh saya ikut?”. “Boleh, ini mahu ke mana?” “Saya enggak tahu mahu pergi ke mana.” “Okay saya mahu pergi ke Kuta.” “Baiklah, saya ikut pergi ke Kuta, boleh?”

Pergi ke Kuta?

Ya. Saya pergi ke Kuta. Saya pun naiklah atas lori untuk pergi ke Kuta. Lori yang saya tumpangi meneruskan perjalanannya pada waktu malam. Waktu itu hanya satu sahaja masjid di Bali. Jadi saya ikutlah sampai ke Bali. Apabila sampai di Bali, saya pun turun. Kelindan lori memberikan saya sedikit wang. Semua yang berlaku adalah ketentuan dan pemberian-Nya. Pemberian yang diberikan kepada saya amat banyak dan tidak tersangka. Saya mengucapkan syukur Alhamdulillah. Kalau boleh saya buat Alhamdulillah sebesar flat akan saya buat. Tetapi itulah yang sebenarnya berlaku.

Jadi di Bali, ke mana?

Bila sampai di Bali, saya turun. Agaknya jika seorang pelukis itu akan pergi ke mana? Tentunya sebagai seorang pelukis saya akan ke muzium. Saya pergi ke *National Museum* di Bali. Sampai di muzium tersebut, saya berjumpa dengan pengarah atau

director museum tersebut. Pengarah muzium tersebut mempunyai anak lelaki dan anak perempuan.

Anak-anaknya masih kecil. Seperti yang saya katakan waktu itu saya boleh berbahasa Inggeris sedikit. Di Indonesia pada waktu itu jika ada seseorang yang boleh berbahasa Inggeris, orang itu sudah dianggap sebagai orang luar biasa. Disebabkan hal itu, saya telah diambil sebagai anak angkat oleh pengarah tersebut. Pengarah itu telah mengadakan satu upacara di Bali untuk mengangkat saya sebagai anak angkat. Saya diberikan pakaian dan sebagainya dan rasmilah saya menjadi anak angkatnya. Setelah itu, kedudukan saya di sana sudah terjamin. Ke mana-mana saya pergi ada *transport* yang disediakan. Makan dan minum saya semuanya terjaga.

Kebanyakan orang Bali bukannya beragama Islam. Bapa angkat saya menjelaskan semua perkara mengenai kehidupan di Bali. Ada perkara yang saya boleh buat, ada makanan yang saya boleh makan dan ada perkara yang saya tidak boleh lakukan. Saya tidak risau kerana di Bali itu ada banyak sayur-sayuran yang boleh saya makan. Setelah tinggal di Bali sekitar 6 bulan, saya pulang ke Singapura.

Pak Sarkasi menghasilkan karya semasa di Bali?

Ya. Saya sudah mula menghasilkan karya semasa di Bali.

“Apabila pulang ke Singapura, saya membawa cerita lama. Saya jadi pelukis di pinggir jalan semula. Semasa melukis di pinggir jalan inilah saya ditemukan dengan seorang lelaki berbangsa Cina.”

Adakah Pak Sarkasi pergi ke Ubud juga?

Saya pergi ke Ubud juga tetapi saya tidak tinggal di sana. Saya tinggal di Kuta kerana di Kuta itu banyak *tourist*. Kalau di Ubud, terdapat golongan *tourist* atau pelancong yang kelasnya agak berbeza sedikit. Jika di Ubud, hasil lukisan yang sesuai dijual di sana mungkin berharga tujuh atau lapan ratus. Kalau di Kuta, harga lukisannya hanya sekitar 30 dolar waktu itu. Setelah berada di Kuta selama lima enam bulan, saya pulang ke Singapura. Apabila pulang ke Singapura, saya membawa cerita lama. Saya jadi pelukis di pinggir jalan semula. Semasa melukis di pinggir jalan inilah saya ditemukan dengan seorang lelaki berbangsa Cina.

Siapakah nama beliau?

Saya memanggil beliau dengan panggilan Mr Yeo. Hubungan saya dengan Mr Yeo lebih berkaitan dengan kewangan. Dia pula mengangkat saya sebagai anak angkatnya.

Masa itu sudah berumahtangga atau belum?

Semasa itu, saya sudah berumah tangga. Mr Yeo menjadi bapa angkat saya. Sebagai anak angkat Mr Yeo, saya bekerja di tempat dia. Saya kenalkan Mr Yeo kepada peniaga patung-patung kayu dari Bali menerusi hubungan saya dengan bapa angkat saya yang berada di Bali. Bapa angkat saya di Bali bekerja di muzium jadi dia kenal peniaga yang menjual patung-patung. Pernah satu ketika, Mr Yeo memberitahu saya bahawa dia ada sebuah kereta. Sebenarnya, Mr Yeo mempunyai beberapa kereta. Mr Yeo memberitahu saya bahawa dia mempunyai sebuah kereta *Chevrolet Impala*. Dia memberitahu yang dia mahu memberikan saya kereta *Impala* tersebut. “Ambillah kalau kamu mahu.” Saya beritahu bahawa saya nak buat apa dengan kereta *Impala* itu. Jadi, setelah itu, saya pergi ke Bali dan saya beritahu bapa angkat saya tentang kereta *Impala* tersebut. “Pak, saya ada mobil *Impala*. Kadarnya bagus. Masih kelihatan baharu lagi.” Bapa angkat saya di Bali mahukan kereta tersebut. Jadi saya beritahu pada Mr Yeo supaya mengiriskan kereta *Impala* itu kepada bapa angkat saya yang berada di Bali itu. Jadi kereta itu pun diberikan kepada bapa angkat saya di Bali.

Bapa angkat Pak Sarkasi beli atau diberikan percuma?

Kereta itu diberikan kepada bapa angkat saya secara percuma. Pengangkutan semua diuruskan oleh Mr Yeo dan

Mr Yeo yang bayar. Semua. Segala urusan surat-menyurat diuruskan oleh Mr Yeo. Dia berikan kereta tersebut percuma. Jadi itulah tadinya. Kalau kita nak bandingkan memang tak ada bandingan pemberian itu. Tetapi sesudah itu, saya sudah mula inilah, pada tahun 1967, saya kahwin. Selepas saya berkahwin, pada permulaan itu Mr Yeo tahu tentang hidup saya di jalanan. Jadi pendapatan yang saya dapat hanyalah pendapatan menjual lukisan di jalanan. Namun begitu, Mr Yeo tetap memberikan *allowance* kepada saya.

Pak Sarkasi bekerja sebagai apa dengan Mr Yeo?

Mr Yeo tidak berikan saya apa-apa pekerjaan. Dia hanya memberikan saya *allowance*. Dia berikan saya *allowance* buat sementara untuk kegunaan saya dan isteri saya.

Selepas berkahwin, Pak Sarkasi tinggal di mana?

Saya tinggal di rumah pangsa HDB jenis “L”. Selepas beberapa bulan berkahwin, saya telah *apply* segala macam dan dapatlah rumah pangsa jenis “L”. Saya berkongsi rumah tersebut dengan bapa angkat saya yang berikan saya kereta *Impala* tadi.

Jadi dengan Mr Yeo ini, apa hubungan dengan seni lukis batik?

Mr Yeo sebenarnya menolong saya menjualkan lukisan-lukisan saya kepada teman-temannya walaupun tidak begitu banyak. Walaupun begitu, Mr Yeo memberikan saya *allowance* setiap bulan.

Dia sampai pergi ke rumah saya dan memberikan isteri saya barang-barang yang diperlukan.

Apakah nama pengarah muzium di Bali yang menolong Pak Sarkasi dan juga bapa angkat Pak Sarkasi?

Nama bapa angkat saya di Bali ialah Bapak Agung Rai.

Apakah hal yang paling terkesan pada diri Pak Sarkasi sendiri apabila bertemu dengan orang-orang yang menjadi rakan, menjadi penyokong Pak Sarkasi setelah berjumpa dengan mereka?

Satu perkara yang amat terkesan ialah rasa kesyukuran yang amat sangat bahawasanya saya telah diketemukan dengan orang-orang yang ingin atau yang sanggup membantu saya mendapatkan ketenangan dalam hidup.

Dengan pemberian yang saya terima itu, semoga Allah memberikan mereka semua sebaik-baik ganjaran.

BERMULANYA “TZEE”

Pak Sarkasi, bagaimanakah mulanya mendapat nama “TZEE”?

Mulanya nama “TZEE” ini diberikan

oleh keluarga terutama sekali daripada Nenek. Perkataan “Z” sebenarnya merupakan sebutan akhir pada nama saya Sarkasi. Disebabkan tebalnya lidah orang Jawa, termasuk Nenek saya, daripada bunyi “si” itu bertukar menjadi “Zi”. Jadi ejaan “TZEE” itu sebenarnya ejaan Indonesia ataupun berasal dari Eropah. Sebutan “TZEE” membezakan antara sebutan bunyi “Zai” dengan “Zal”. Sebutan “Tzee” menjadi lebih tebal berbanding dengan sebutan dan ejaan “Zi”.

Sejak bilakah nama singkatan itu digunakan?

Sebenarnya saya menggunakan nama itu sejak kecil lagi. Umpamanya kalau teman-teman semasa kanak-kanak dulu hingga sekarang kalau berjumpa masih memanggil saya dengan panggilan “Tzee”. Sebutan atau bunyi “Tzee” dengan “Chi” hampir sama. Jadi ejaan itu yang membezakan bunyi perkataan itu.

Tetapi kalau rakan-rakan selalunya menyebut nama singkatan itu apa. “Tzee”? Bukan “Chi”?

Mereka selalu memanggil nama saya dengan panggilan singkat “Tzee” dan bukan “Chi”.

“Mr Yeo tidak berikan saya apa-apa pekerjaan. Dia hanya memberikan saya *allowance*. Dia berikan saya *allowance* buat sementara untuk kegunaan saya dan isteri saya.”

“Tetapi sebenarnya kalau di Eropah, umpamanya Jakarta sendiri kalau sekarang J. Kalau dulu ejaan Jakarta DJ, bukan. Jadi kalau ejaan Belanda, jadi mengikut ejaan Belanda itu mungkin ada persamaan itu ya. Tetapi kalau dari suara, “Tzee” itu lebih kepada Tionghoa.”

Nama itu seperti juga ejaan nama dalam bahasa Cina.

Ah, itulah dia. Memang ada yang menganggap nama itu berasal dari bahasa Cina. Tetapi sebenarnya kalau di Eropah, umpamanya ejaan bagi kota Jakarta dulu dieja dengan ejaan “Djakarta” bukan “Jakarta” seperti sekarang. Jadi kalau mengikut sistem ejaan Belanda, begitulah ejaannya. Kalau dari segi sebutan, “Tzee” itu lebih kepada sebutan Tionghoa.

Dan *commercial valuenya* ada?

Ya.

Apakah nilai signifikannya nama Tzee ini pada Pak Sarkasi sendiri?

Bagi saya, nama panggilan “Tzee” itu

merupakan satu nama panggilan dari hati. Panggilan “Tzee” bukanlah satu nama panggilan yang dibuat-buat atau sengaja diberikan. Nama itu adalah nama sejati saya.

Panggilan itu lebih intim ya Pak Sarkasi?

Ya, benar.

Pak Sarkasi pernah menggunakan nama-nama lain selain daripada “Tzee”?

Saya pernah menggunakan nama saya sendiri, Sarkasi. Saya menggunakan nama “Yang Tzee” bagi lukisan-lukisan saya yang awal. Saya awalkan dengan “Yang” bagi lukisan-lukisan tersebut.

Macam nama sungai.

Itu adalah bersempena nama sebuah sungai Yang Tze Kiang. Saya pernah gunakan nama itu dahulu. Namun, nama itu saya tidak digunakan secara meluas. Mungkin ada 10 buah lukisan yang saya hasilkan menggunakan nama tersebut.





Bahagian 2





Batik

“Warna yang saya ambil...
adalah dari hati.”

BENIH BATIK

Bagaimanakah Pak Sarkasi mula berkecimpung dalam seni batik?

Saya mula berkecimpung dalam batik pada akhir tahun tujuh puluhan. Saya mengambil berat untuk belajar dan menghasilkan karya menggunakan teknik batik kerana pada akhir tujuh puluhan itu saya telah pergi ke satu pameran lukisan di Singapura.

Pameran itu diadakan di *Raffles Hotel* oleh seorang pelukis dari negara Itali. Pelukis itu ada *Positano* di Itali tapi dia menggunakan teknik batik dalam menghasilkan karya-karya lukisan dia. Hal itu berlaku pada tahun tujuh puluhan. Pada waktu itu saya menganggap batik ialah seni budaya kita. Apabila saya pergi ke pameran itu saya berfikir dan bertanya mengapa orang Itali pula yang mengadakan pameran lukisan menggunakan teknik batik. Pada waktu

itu saya berpendapat bahawa orang yang seharusnya menghasilkan batik bukan orang Itali tetapi saya kerana saya adalah “orang sini”. Dari situlah saya cuba mendalami dan mengikuti teknik-teknik yang boleh dilakukan untuk menghasilkan pelbagai hasil karya batik menggunakan teknik-teknik batik yang betul.

Pak Sarkasi boleh *sketch* dan Pak Sarkasi boleh melukis dengan menggunakan arang, cat air dan cat minyak tetapi memilih batik setelah bertemu dan melihat pameran orang Itali?

Saya akui keanggunan batik. Teknik batik berbeza dengan teknik-teknik melukis yang lain. Begitu juga dengan kemahiran atau *skill* yang harus kita kuasai untuk menghasilkan sesebuah hasil karya batik. Kemahiran atau *Skill* tentang batik sebenarnya ada beberapa perkara. Contohnya kemahiran mengenal bahan

“**Saya mula berkecimpung dalam batik pada akhir tahun tujuh puluhan. Sebab mengapa saya mengambil berat untuk belajar dan menghasilkan karya menggunakan teknik batik adalah kerana pada akhir tujuh puluhan itu saya telah pergi ke satu pameran lukisan di Singapura. Pameran itu diadakan di *Raffles Hotel* oleh seorang pelukis dari negara Itali. Pelukis itu ada *Positano* di Itali tapi dia menggunakan teknik batik dalam menghasilkan karya-karya lukisan dia. Hal itu berlaku pada tahun tujuh puluhan. Pada waktu itu saya menganggap batik ialah seni budaya kita.**”

kain atau jenis kain yang hendak digunakan. Kemahiran memegang dan menggunakan canting dan melakar canting menggunakan cecair lilin yang panas.

“**Saya akui keanggunan batik. Teknik batik berbeza dengan teknik-teknik melukis yang lain. Begitu juga dengan kemahiran atau *skill* yang harus kita kuasai untuk menghasilkan sesebuah hasil karya batik.**”

Kemahiran menggunakan canting amat penting di mana pelukis batik mengawal cecair lilin yang keluar daripada corong canting dan menulis atau melakarnya di atas kain. Semua itu memerlukan *skill* yang tersendiri dan istimewa. Ada canting yang mempunyai banyak corong. Ada canting yang sampai mempunyai lima corong. Jadi sekali jalan ada lima lakaran. Soal besar, tebal dan halusnya lakaran canting bergantung kepada kemahiran menggunakan canting tersebut. Di situlah letaknya keistimewaan untuk menghasilkan karya batik yang bagus. Karya batik yang menggunakan canting sebenarnya tidak ada bandingannya dengan batik-batik lain. Begitulah

halusnya *classical* batik yang telah dihasilkan.

“**Contohnya kemahiran mengenal bahan kain atau jenis kain yang hendak digunakan. Kedua kemahiran memegang dan menggunakan canting dan melakar canting menggunakan cecair lilin yang panas.**”

Siapakah yang mendorong Pak Sarkasi untuk berkecimpung dalam seni batik ini?

Tiada sesiapa yang mendorong saya untuk berkecimpung dalam seni batik. Saya sendiri yang mahu agar batik terus dikenali hingga ke zaman ini. Kita harus mempelajari dan mendalami seni batik. Saya berhasrat untuk memperkenalkan seni batik kepada persada dunia dan saya harus melakukan perkara itu. Keinginan itu tidak saya lepaskan. Oleh sebab itu saya harus terus-menerus mempelajari, membuat dan meneruskan usaha untuk menghasilkan karya batik.

Pada lewat atau awal 60-an hingga awal 70-an, siapakah pelopor atau aktivis batik yang seangkatan dengan Pak Sarkasi di Singapura dan juga di rantau ini?

Pelopor batik yang ada di Singapura



Alat-alat membantik Sarkasi Said (2019)

pada waktu itu ialah arwah Cikgu Sulaiman Suhaimi. Dia merupakan satu-satunya pelopor yang ada di Singapura dan di Malaysia. Selain daripada beliau, teman-teman pelukis Cina seperti Seah Kim Joo, Lim Tau Tay dan Tay Chee Toh juga boleh dianggap pelopor. Mereka merupakan sekumpulan yang terdiri daripada lima atau enam orang pelukis. Arwah Cikgu Sulaiman memelopori lukisan batik dengan mengadakan kunjungan ke Malaysia dan ke Indonesia.

Jadi mereka merupakan kumpulan pertama yang melukis batik di Singapura.

Adakah mereka bergerak lebih awal ataupun lebih lewat daripada Pak Sarkasi?

Sebenarnya pelibatan mereka itu hampir

sama tahunnya dengan pelibatan saya. Namun hasil karya mereka lebih awal dipamerkan daripada hasil karya saya. Mereka merupakan rakan-rakan seperjuangan dengan saya. Sebenarnya saya sudah nampak ada kekurangan sedikit dalam hasil karya mereka kerana mereka tidak lagi menggunakan batik sebagai teknik melukis mereka. Oleh sebab-sebab atau keadaan yang tertentu, mereka sudah tidak lagi menghasilkan batik mereka sendiri.

MENGENALI HASIL KARYA SARKASI SAID

Apakah ciri-ciri utama yang terserlah, yang signifikan daripada batik hasil tangan Pak Sarkasi Said sebagai raja batik?

Dalam menghasilkan karya sama ada batik atau pun yang lain, yang paling

utama adalah untuk mengenal apa itu batik. Dalam lukisan saya, saya menonjolkan erti batik yang sebenarnya. Sebelum ini saya menyebutkan tentang penggunaan canting. Jadi, seorang pelukis batik sebenarnya merupakan seorang yang ahli dalam menggunakan canting.



Adakah Pak Sarkasi membuat catatan cara-cara mencampurkan warna?

Saya tidak membuat catatan. Apa yang saya lakukan semuanya daripada rasa hati saya sendiri. Melalui warna-warna yang saya ambil dan campur, ia memberikan kepuasan kepada saya kerana hal itu datangnya daripada hati. Pada pandangan saya, jika sesuatu itu kita lakukan datangnya daripada hati, bererti hal tersebut tidak ada kesalahannya. Saya sendiri menganggap bahawa dalam kehidupan sebenarnya tidak ada kesalahan. Kalaupun ada saya tidak anggap itu sebagai satu kesalahan. Saya

anggap itu sebagai satu pengalaman baharu yang tidak sesuai. Oleh sebab itu, kita perlu buat penyesuaian dan melalui penyesuaian yang dilakukan, pengetahuan kita akan bertambah.

Berapa lamakah Pak Sarkasi bereksperimen bagi memantapkan pekerjaan seni Pak Sarkasi?

Saya bereksperimen bertahun-tahun dan saya mengambil masa lebih daripada tiga puluh tahun untuk memantapkan teknik atau menggunakan bahan lain yang berbeza dengan batik. Berkenaan dengan batik, sebenarnya ada beberapa tahap pembentukan. Umpamanya berkaitan kain yang digunakan bagi lukisan batik. Adakah kita perlu cuci atau perlu kita tumbuk-tumbuk dulu sebelum kita gunakan sebagai bahan untuk lukisan batik? Bagaimana pula dengan cara mencuci kain agar pewarnanya meresap di atas kain? Berapa peratuskah warnanya boleh meresap pada kain?

Begitu juga dengan kain sutera. Kain sutera mempunyai kualiti dan nilainya yang tersendiri. Penggunaan pewarna tidak boleh terlebih dan tidak boleh terkurang kerana hal tersebut boleh merosakkan kain dan merosakkan warna di atas kain. Semua perkara ini perlu dilakukan secara mahir dalam proses pembentukan untuk menghasilkan sebuah karya.

Naptol, Ramesol dan Indigoso, adakah ini semua dalam bentuk serbuk atau cecair?

Sebenarnya semua warna itu dalam bentuk serbuk dan boleh dicampur dengan air. Bila dicampur dengan air, warnanya menjadi cair warna *naptol*, warna *indigoso* dan warna *ramesol*. Warna *indigoso* ini sebenarnya daripada *indigo*. *Indigo* itu sebuah tumbuhan atau pohon yang berwarna biru yang dipanggil *indigo*. Warna biru itu boleh dijadikan serbuk. Daripada serbuk kita campurkan dengan air dan dia melalui proses pengeringan untuk menimbulkan warna berbeza. Kalau warna *indigo*, kita memerlukan cahaya matahari untuk menimbulkan warnanya. *Indigo* tidak berwarna tapi bila terkena cahaya matahari, barulah warnanya timbul. *Indigo* berbeza dengan *ramesol*. *Ramesol* boleh dilihat warnanya dan kita langsung boleh membuat warna. Kalau *naptol*, ada dua jenis. Satu

dipanggil warna dan sesudah itu kita celupkannya di dalam garam. Barulah warnanya menjadi atau timbul dan ini juga memerlukan sukatan yang tertentu. Warna yang saya katakan tadi warna hijau akan menjadi warna merah. Proses ini akan menghasilkan bermacam-macam warna yang tidak pernah kita lihat. Kalau secara saintifiknya, semua sukatan dan berat warna bila dicampurkan perlu disukat untuk menghasilkan warna-warna tertentu. Ah, itulah *ramesol... naptol*.

Siapakah Pak Aznam ataupun Aznam Affendy dari Yayasan Nasional Akademi Senipura?

Dia sebenarnya seorang pelukis. Pada waktu itu dia mengajar lukisan di Yayasan Akademi Senipura Nasional, Indonesia. Saya ikut Pak Aznam Effendy



Sarkasi Said sedang melukis batik di rumah (2019)

“Pada pandangan saya, jika sesuatu itu kita lakukan datangnya daripada hati, bererti hal tersebut tidak ada kesalahannya. Saya sendiri menganggap bahawa dalam kehidupan sebenarnya tidak ada kesalahan. Kalaupun ada saya tidak anggap itu sebagai satu kesalahan. Saya anggap itu sebagai satu pengalaman baharu yang tidak sesuai. Oleh sebab itu, kita perlu buat penyesuaian dan melalui penyesuaian yang dilakukan, pengetahuan kita akan bertambah.”

sebenarnya juga tidak begitu lama. Pada mulanya saya menggunakan pastel. Saya menghasilkan lukisan dan lukisan itu telah diterima oleh Pak Aznam pada waktu itu. Lukisan saya telah digantung di dalam kelas di sekolah itu. Oleh sebab keadaan saya yang harus pulang semula ke Singapura dan tidak berpeluang untuk ke sana lagi, jadi hilanglah perhubungan antara saya dengan Pak Aznam Effendy.

Adakah Pak Sarkasi belajar daripada beliau tentang seni batik?

Saya tidak belajar seni batik daripada Pak Aznam Affendy. Saya belajar daripada beliau tentang falsafah lukisan, tentang *character* dan *philosophy*. Itulah antara perkara yang diajar oleh dia dalam beberapa waktu yang singkat semasa saya berada di sana.

Pak Aznam sebenarnya lulusan kemungkinan dari Barat tetapi dia tidak mengutamakan unsur dari Barat. Dia memberi keutamaan lebih kepada seni-seni tempatan.

Apakah pengalaman yang paling Pak Sarkasi tidak dapat lupakan?

Pengalaman yang saya tidak dapat lupakan ialah kesediaan dan juga bantuan yang saya dapat daripada isteri saya yang tercinta. Bantuan dan sokongan yang diberikan oleh isteri saya telah membuatkan saya bertenaga sekali dalam meneruskan perjuangan saya. Dia dapat menerima saya dalam keadaan apa juga saya alami. Dorongan dan kerja kuat serta kepercayaan isteri saya itu merupakan satu pengalaman yang memang saya tidak dapat lupakan.

“Dorongan dan kerja kuat serta kepercayaan isteri saya itu merupakan satu pengalaman yang memang saya tidak dapat lupakan.”

Apakah cabaran yang Pak Sarkasi hadapi?

Saya tidak panggil itu sebagai satu cabaran. Buat saya, kecekalan hati sangat penting untuk meneruskan apa jua yang dihadapi. Jadi saya akan teruskan. Saya tidak menganggap itu sebagai satu cabaran. Biarpun dalam keadaan yang menurun atau merendah sekali... saya tidak menganggap itu satu cabaran. Jadi saya akan teruskan asalkan apa yang saya buat itu adalah dari hati. Sama ada itu akan diterima atau tidak, saya akan teruskan.

Apakah peristiwa-peristiwa yang mengecewakan Pak Sarkasi sepanjang pelibatan dalam seni batik?

Sebenarnya tidak ada. Sekarang saya tidak anggap apa jua kejadian sebagai kekecewaan. Jadi tidak ada kekecewaan selama saya terlibat dalam seni melukis.

Antara lukisan-lukisan abstrak dan juga yang real, mana satukah yang menjadi pilihan Pak Sarkasi?

Daripada naturalisme hingga kepada abstrak merupakan satu perkembangan. Umpamanya kalau dulu semasa saya mula melukis, apabila saya melihat bunga, saya akan melukiskan bunga itu. Tetapi lama kelamaan, berlaku semacam perkembangan dalam perjalanan saya. Umpamanya tentang warna. Apabila kita teliti tentang warna, bagaimana warna berkembang dan terjadi, hal itu meninggalkan kesan pada perasaan ketika melahirkan karya abstrak.

Jadi abstrak ini maknanya kesinambungan daripada naturalisme dan karya abstrak yang sekarang saya lakukan adalah lebih kepada *philosophy* tentang abstrak seni itu sendiri. Jadi dia berperingkat dan berkembang secara natural. Itulah yang saya lakukan dan karya abstrak membuatkan saya terlalu dekat dan saya hampir-hampir lupa akan naturalisme. Agar saya lebih mengenal, sewaktu-waktu saya akan membuat lukisan-lukisan naturalisme kerana dari situlah bermulanya abstrak. Tanpa adanya naturalisme, saya tidak akan dapat mengeluarkan perasaan saya dengan menghasilkan karya-karya yang bersifat abstrak.

Pemahaman tentang antara naturalisme dengan realiti kehidupan, bagaimanakah Pak Sarkasi menggambarkan realiti kehidupan ini dalam lukisan-lukisan abstrak Pak Sarkasi?

Kesinambungan daripada naturalisme itu memerlukan kefahaman dalam membentuk karya-karya yang akan datang. Jadi dalam satu kehidupan itu, dari pengalaman-pengalaman ini kita dapat membentuk kepada kehidupan kita masa depan dan *abstraction* itu sebenarnya sesudah melalui proses-proses ini. Kita faham tentang *abstraction*. Itu yang membuat saya cenderung kepada abstrak sampai sekarang ini. Dari segi warna, daripada kesinambungan karya itu sendiri hingga membentuk satu karya yang mudah-mudahan boleh difahami oleh masyarakat.

“**Saya tidak menganggap itu sebagai satu cabaran...
Biarpun dalam keadaan yang menurun atau merendah
sekali ... saya tidak menganggap itu satu cabaran.
Jadi saya akan teruskan asalkan apa yang saya buat
itu adalah dari hati.**”

Berkaitan dengan interpretasi hasil karya sesebuah lukisan, adakah Pak Sarkasi melepaskan hal tersebut kepada masyarakat untuk menilainya?

Saya inginkan masyarakat mempunyai satu pandangan yang tersendiri dan pandangan itu seharusnya merupakan pandangan yang jujur dan ikhlas. Untuk menilai sesebuah hasil karya adalah bersaing pengalaman dengan pengetahuan serta pengajian. Umpamanya tidak banyak masyarakat yang mengenal akan hasil karya Picasso kerana mereka tidak berpengalaman dan berpengetahuan sehingga mampu untuk menilai karya Picasso. Jadi mereka harus mempunyai pengetahuan, pengalaman dan pengajian sebelum mereka dapat menilai sesebuah hasil karya seni. Berkaitan dengan hal penilaian itu saya berharap satu waktu Insya-Allah mereka akan dapat mengenal dan menilai dengan lebih dekat lagi.

PENUBUHAN TZEE CREATIONS

Pak Sarkasi, ceritakan kepada kami tentang Tzee Creations.

Syarikat *Tzee Creations* ditubuhkan pada awal tahun 80an. Sebenarnya saya terlupa untuk memberitahu tadi. Saya pernah juga bekerja sebagai

freelancer di sebuah syarikat, bukan Tzee Creations. Jadi saya bekerja di situ sebagai *designer*, di Syarikat Sunny & Grace. Sudah beberapa bulan saya di situ, majikan syarikat itu telah mengambil seorang murid atau pekerja baharu. Murid tersebut lulusan daripada *LA School of Design*.

“**Jadi abstrak ini
maknanya
kesinambungan
daripada *naturalisme*...
Jadi dia berperingkat
dan berkembang
secara natural... Agar
saya lebih mengenal,
sewaktu-waktu saya
akan membuat lukisan-
lukisan *naturalisme*
kerana dari situlah
bermulanya abstrak.**”

Dari Los Angeles?

Ya, dia datang dari Los Angeles. Nama dia ialah “ZEE”. Dan kebetulan tuan punya Sunny & Grace juga namanya

“Zi”. Mereka sebenarnya tidak berkaitan atau ada hubungan apa-apa. Jadi tuan punya syarikat itu bertanya, “Apakah harus kita namakan kumpulan kita ini?” “*You, Tzee, she’s Zee and I’m Zi. Why not we called ourselves Tzee Creations?*” Jadi kita namakan syarikat tersebut *Tzee Creations*.

Ejaan “Z”nya itu bagaimana dieja?

“Tzee”. Jadi diambil nama saya, ada “Z” dan ada “Zee”. Jadi mungkin sebulan atau dua sesudah itu, kita dikirim ke China untuk menganjurkan sebuah *workshop* bagi mengajar pelukis-pelukis Cina menggunakan teknik batik. Jadi yang “Z” seorang *designer*, yang “Z” tuan punya syarikat dan seorang lagi “Z” yang menjadi tukang menggunting baju-baju. Kesemuanya ada empat “Z”. Kami berada di sana selama dua atau tiga bulan. Kami di sana setiap hari berada di *factory* membuat lukisan batik.

Adakah tempat itu di Beijing?

Tidak. Kami berada di Guangzhou. Kami telah menghasilkan karya tapi bukan karya lukisan. Kami menghasilkan lukisan di baju yang menggunakan teknik batik dan *design* atau rekaannya dihasilkan oleh “Tzee”. Karya baju tersebut telah dikirim ke Beijing dan kami telah mendapat hadiah tempat yang kedua dalam peraduan *Designer of the year*. Sesudah menjalankan perkara ini untuk beberapa minggu ke bulan, kami pun pulang ke Singapura. Setelah pulang ke Singapura, saya masih tetap bersama dengan *Tzee Creations* sebagai *designer*. Kemudian

saya dikirim ke Hawaii, Amerika. Jadi saya berada di Hawaii dan karya baju yang kami hasilkan dipasarkan di Hawaii. Namun akhirnya saya tidak mahu bekerjasama dengan yang lain. Saya tarik diri dan pulang ke Singapura.

Mengapakah Pak Sarkasi tarik diri?

Saya tarik diri kerana saya berasa agak susah. Saya dapati hubungan antara saya dengan tuan punya syarikat agak sukar. Dia merupakan tuan punya syarikat dan saya pula sebagai pekerja. Terdapat banyak percanggahan yang kami lalui yang tidak dapat saya terima sebagai seorang pelukis. Saya inginkan kebebasan dalam menghasilkan karya sedangkan dia mahukan apa yang dia mahu kerana dia melihat dari segi pasaran. Dalam hal ini tidak ada kesepakatan antara kami. Jadi saya pun pulang ke Singapura dan saya mula berkecimpung dengan pekerjaan baharu. Sebenarnya saya tidak berapa suka kalau apa yang saya lakukan itu dipanggil gaji. Saya tidak mengambil atau diberi gaji selama saya berada di China. Sampai di Singapura, isteri saya tanya, “Bang, bagaimana?” Waktu itu pula isteri saya mempunyai cita-cita untuk membeli sebuah rumah. Di Singapura saya tidak bekerja tetapi saya berkunjung ke Shahab sebagai kunjungan silaturrahim. Di sana saya berjumpa seorang *Canadian designer*. Orang dari Kanada. Dia bertugas sebagai *designer* untuk sebuah syarikat di Toronto. Dan syarikatnya dipanggil Megans. Megans ini dipunyai oleh seorang yang berbangsa Cina juga.

Jadi saya bekerja untuk menghasilkan bahan-bahan kain. Dia yang membuat *design* atau corak untuk menyiapkan baju. Baju-baju tersebut kemudiannya dikirimkan ke Caribbean. Semua hasil kain yang dihasilkan dikirim ke Caribbean, Pagu-pagu melalui Toronto. Di waktu itu, saya pula ada kesempatan untuk ke Toronto. Walaupun memakan masa berjam-jam dalam penerbangan, saya pergi ke Toronto hingga sampai ke Miami. Saya harus ke Miami kerana kiriman barang atau hasil kain tadi juga harus melalui Miami. Perjalanannya tidak boleh langsung terus dari Singapura ke Miami. Barang-barang ini harus dikirim dari Singapura ke Toronto dan setelah itu barulah dibawa atau dikirim ke Miami. Jadi daripada hasil pekerjaan itulah saya dapat membeli rumah. Alhamdulillah dari situ nampaknya kehidupan saya berjalan terus.

Berapa lamakah Pak Sarkasi bertugas dengan Sunny & Grace dalam syarikat Tzee Creations?

Dalam syarikat *Tzee Creations*, saya bekerja selama dua tahun. Tetapi saya sebenarnya tidak terikat sebagai pekerja. Saya tetap sebagai *freelancer*. Itu adalah perjanjian saya dengan tuan punya syarikat. Saya sedar dan tahu bila mana juragan-juragan berjaya mengikat satu *contract* pekerjaan, saya tidak boleh pergi ke mana-mana lagi. Jadi, walaupun saya buat kerja untuk dia, saya tetap bebas. Jadi saya boleh melukis, saya boleh menghasilkan karya lukisan yang lain untuk dijual di

tempat-tempat yang lain. Dalam hal ini saya tidak terikat.

Berapa lamakah Pak Sarkasi bertugas di Caribbean? Adakah itu merupakan sebuah projek yang besar?

Saya bertugas di Caribbean hampir juga dekat dua tahun. Itu merupakan sebuah projek yang besar. Saya menghasilkan karya kain. Satu hari kadang sampai-sampai 20 helai kain saya hasilkan. Jadi kerjanya seperti sebagai seorang banduan yang bekerja terus. Begitulah keadaannya kerana waktu itu saya perlu membeli rumah dan perlu membayar wang pendahuluan untuk membeli rumah. Maklumlah saya orangnya tidak ada simpanan. Apa yang saya ada, saya berikan kepada orang lain dan bukan untuk kegunaan diri sendiri. Bila saya di Caribbean, saya mendapat wang beberapa ribu bagi setiap projek. Wang itulah yang saya jadikan sebagai wang pendahuluan untuk membeli rumah.

PERKAMPUNGAN MELAYU GEYLANG SERAI

Saya masih ingat pernah melihat Pak Sarkasi mempunyai sebuah galeri di Perkampungan Melayu Geylang Serai. Adakah itu berlaku selepas balik dari Caribbean?

Hal itu berlaku pada waktu yang sama. Di situ saya bersama dengan “Zee”, *designer* yang berasal dari *LA School of Design*. Kami *combine* atau bergabung untuk membuka sebuah kedai di Geylang Serai.

Berapa lamakah Pak Sarkasi berada di galeri Perkampungan Melayu Geylang Serai?

Saya berada di situ antara empat dengan lima tahun mungkin. Sebenarnya galeri itu banyak menghasilkan dari segi pendapatan kerana di situ saya menghasilkan lukisan-lukisan dan juga membuat bahan-bahan kain. Banyak hasil kreatif yang saya jual di situ menjadikan pendapatan yang diperoleh agak lumayan. Namun semasa berada di situ ada satu kelemahan. Setiap tahun pihak pengurusan menaikkan harga sewa. Harga sewanya dari dua ribu naik sampai akhir-akhir tujuh ribu. Saya rasakan keadaan pada waktu itu tidak menguntungkan malah merugikan. Jadi saya fikir-fikir, tinggalkanlah lebih bagus. Saya pun meninggalkan tempat itu dan saya buatlah di tempat mana yang saya boleh mampu buat, saya buat.

Pada waktu itu Pak Sarkasi dengan “Zee”. Dua orang sahaja yang melukis atau mungkin ada pelukis-pelukis lain?

Tidak ada pelukis lain. Hanya kami berdua dan “Zee” itu, akhirnya dia bukan melukis. Akhirnya dia sebagai penjual dan mengenalkan hasil karya saya ini kepada pelanggan. Umpamanya apabila ada orang-orang besar Singapura mahu membeli hasil karya saya, selepas saya menelefon nanti dia ke sana membawa karya lukisan saya untuk dijual atau diperkenalkan kepada mereka.

TAMAN WARISAN MELAYU

Selepas itu, Pak Sarkasi aktif di mana pula?

Selepas di Perkampungan Melayu, saya ke Taman Warisan. Saya berada di situ agak lama juga. Saya berada di sana untuk beberapa tahun kerana saya diberikan tempat untuk melukis. Semasa saya di sana, saya bersama Iskandar Jalil. Tetapi lama-kelamaan Taman Warisan bertukar konsep dan kehadiran kami tidak lagi sesuai. Saya dan Iskandar Jalil diminta untuk keluar daripada Taman Warisan Melayu.

Pak Sarkasi perlu bayar sewa?

Tidak. Saya tidak perlu bayar sewa di situ.

Adakah promosi dilakukan agar hasil kerja Pak Sarkasi dilawati oleh orang ramai?

Semasa di sana, saya dilawati oleh anak-anak sekolah dan pelancong atau *tourist* yang datang. Jadi, semua ini merupakan satu bentuk perkhidmatan secara *volunteering* atau sukarela. Mereka datang, mereka tak bayar wang apa-apa. Di situ juga saya membuat pameran-pameran lukisan yang sebenarnya menguntungkan kepada Taman Warisan Melayu tetapi saya buat semua itu secara sukarela.

Adakah Pak Sarkasi perlu memberikan kepada mereka sejumlah peratusan daripada hasil penjualan lukisan-lukisan batik Pak Sarkasi?

Sebenarnya, kalau dari segi lisan itu



Sarkasi Said di Perkampungan Melayu Geylang Serai

pernah dikatakan sejumlah peratusan hasil jualan tetapi akhir-akhirnya kita tidak bincangkan tentang peratusan. Jadi kalau ada penjualan, penjualan itu jadi milik saya begitu.


Jadi pada waktu itu juga, adakah jualan agak baik?

Semasa di Taman Warisan, hasil penjualan sebenarnya tidak begitu baik. Namun kerana saya mengadakan kelas-kelas mengajar batik, jadi hasil pendapatan daripada kelas-kelas batik yang saya jalankan memberikan saya pendapatan tambahan.

Adakah itu pengalaman yang mengecewakan Pak Sarkasi semasa berada di Taman Warisan Melayu?

Saya tidak merasa kecewa. Sebenarnya saya merasa bangga dan bahagia kerana saya telah memberikan wadah untuk Taman Warisan berkembang ke tahap seterusnya. Jadi sama ada mereka akan meneruskannya atau tidak, tidak lagi menjadi tanggungjawab saya. Saya merasa bangga kerana orang sudah mula kenal. Oh, di sini ada batik dan di sini ada Sarkasi atau di sini ada *ceramic* dan di sini ada Iskandar. Dengan sendirinya hal itu telah membangkitkan satu rasa atau semangat kepada masyarakat untuk ke Tawan Warisan. Jika tidak, masyarakat kita jarang ke sana. Sebagaimana yang kita tahu, semasa saya berada di sana pada hari-hari biasa atau hujung minggu, tidak banyak keluarga Melayu

“Setiap tahun pihak pengurusan menaikkan harga sewa. Harga sewanya dari dua ribu naik sampai akhir-akhir tujuh ribu... Jadi saya fikir-fikir, tinggalkanlah lebih bagus.”



yang datang berkunjung melainkan kalau ada aktiviti. Kalau tidak ada aktiviti atau program, orang tidak ke sana untuk melihat itu dan ini. Dengan kehadiran saya dan Iskandar, ada juga orang atau anggota masyarakat yang datang untuk melawat kami. Perkara ini membuat saya merasa bangga. Setidak-tidaknya, ada juga jasa saya sedikit di sana.

MASYARAKAT DAN BATIK

Adakah Pak Sarkasi mempunyai pandangan yang positif terhadap sokongan dan juga sambutan masyarakat Melayu terhadap hasil seni batik Pak Sarkasi?

Saya berharap sangat. Saya tidak merasa kecewa tetapi saya berharap sangat. Harapan ini tidak dapat saya lakukan sendiri. Contohnya di sini, Encik Noh merancang dan menghasilkan wawancara video ini. Inilah merupakan salah satu cara untuk mendekatkan masyarakat dan menghargai hasil karya seni.

Masyarakat tidak akan dapat mencintai melainkan mereka dapat belajar pengetahuan terlebih dahulu. Jadi perkataannya 'tak kenal maka tak cinta'. Bagaimana kita mahukan masyarakat supaya cinta kepada kebudayaan kita? Jadi dengan adanya buku yang bakal dihasilkan, hal itu sebenarnya merupakan satu wadah atau jambatan untuk mendekatkan masyarakat kepada seni dan juga pelajaran. Kalau tidak begitu, mereka tidak akan dapat menilai

kerana tidak ada perasaan cinta dalam diri mereka terhadap seni.

Berbeza dengan keadaan zaman dulu. Walaupun tidak ada apa-apa, masyarakat dulu membudayakan kebudayaan. Mereka memakai kain yang tertentu. Memakai batik pada waktu yang tepat. Jadi mereka membudayakan dan membudayakan kebudayaan itu tidak hanya dari segi pakaian. Contohnya selendang. Selendang digunakan untuk angkut barang dan boleh digunakan untuk menggendong bayi. Anggota masyarakat menggunakannya. Oleh sebab itu membudayakan kebudayaan itu perlu. Kalau dia tidak kenal akan batik, tidak cinta akan batik, bagaimana dia nak membudayakan batik?

“Saya tidak merasa kecewa. Sebenarnya saya merasa bangga dan bahagia kerana saya telah memberikan wadah untuk mereka berkembang ke tahap yang seterusnya.”

Saya pernah juga *volunteer* mengajar di rumah tahanan, di *prison* atau di penjara. Waktu itu yang dimahukan oleh pihak berkuasa adalah untuk mengajar teknik menghasilkan karya lukisan kepada para pesalah. Jadi lukisan bunga-

bunga itu yang dimahukan. Apabila sampai di penghujung tahun, terlalu banyak lukisan bunga yang dihasilkan. Ke manakah perginya nanti lukisan itu?

Akhirnya terpaksa lukisan itu diketepikan atau ditaruh di bawah tangga, hilang begitu saja.

“Jadi dengan adanya buku yang bakal dihasilkan, hal itu sebenarnya merupakan satu wadah atau jambatan untuk mendekatkan masyarakat kepada seni dan juga pelajaran.”

Sepatutnya kita membudayakan batik secara menyeluruh. Batik bukan sahaja untuk digantung di dinding tetapi juga sebagai baju atau sebagai kotak pensel. Itu juga boleh. Boleh dibudayakan. Ini yang saya mahukan supaya mereka kenal dan tahu tentang batik dan menghargainya. Apabila mereka melihat batik, mereka juga melihat perkara yang lebih luas di mana batik menjadi kain alas meja dan semua boleh. Jadi bila kita melihat batik, minda kita ini akan bergerak. Oh, batik ini kita jadikan kain alas meja atau alas telefon jadi lebih cantik dan ini akan menjadikan mereka lebih dekat kepada batik. Jadi mereka

dapat menilai dan menghargai batik. Itulah yang saya harapkan.

DORONGAN BADAN BERWEWENANG

Ini yang berlaku di Malaysia setiap hari Khamis pekerja awam itu memakai baju batik. Kemudian itu di Indonesia, ada anak punya pakaian seragam sekolah dan sebagainya.

Semuanya seperti itu. Semasa saya berada di Hawaii, pada hari kelepasan, drebar bas juga memakai baju Hawaii. Perkara ini sama saja konsepnya dengan pemakaian baju batik. Kenapa tidak? Kalau di sini umpamanya, jika ada bahagian-bahagian tertentu yang menggunakan batik untuk hari-hari tertentu pastilah penggunaan batik akan menjadi lebih anggun.

Adakah Pak Sarkasi gembira dengan sokongan dan sambutan masyarakat kita terhadap batik?

Saya gembira. Biasanya apabila ada wadah mereka datang untuk melihat. Tetapi apabila tidak ada wadah, tidak ramai yang datang. Mereka akan datang sama ada untuk melihat atau mencuba. Mereka datang dan jika kita perhatikan sebenarnya itulah kehidupan. Persoalannya ialah bagaimana kita hendak teruskan kehidupan itu supaya menjadi satu pengalaman harian untuk mereka. Jadi saya amat bahagia dan kebanyakan hal ini berlaku termasuk juga di *mall* atau pusat beli-belah. Jika diadakan pameran atau demonstrasi batik, ramai yang datang berkunjung.

Dan sekarang ini adakah Pak Sarkasi mempromosikan lukisan-lukisan Pak Sarkasi di galeri-galeri tertentu?

Tidak ada.

Sekarang, bagaimanakah Pak Sarkasi mendapatkan orang-orang yang mahu membeli lukisan Pak Sarkasi?

Biasanya pihak-pihak tertentu akan cuba menghubungi orang-orang yang mengenali saya dan juga dari pihak kementerian-kementerian. Ada di antaranya secara *commission* telah meminta saya supaya menghasilkan lukisan untuk mereka. Umpamanya saya telah diminta untuk menghasilkan karya batik untuk dipamerkan di Istana Gallery oleh Presiden. Saya menghasilkan beberapa lukisan untuk mereka. Ada juga yang datang bagi pihak *Ministry of Foreign Affairs*. Buat saya, itu semua sudah cukup kerana tidak melampaui kemampuan dan tenaga saya. Lagipun sekarang saya lebih perlahan dalam menghasilkan karya berbanding sebelumnya. Jadi saya tidak dapat mengatakan “ya” kepada semua permintaan yang ditawarkan kepada saya.

Sekarang ini pun lukisan Pak Sarkasi digunakan oleh ahli-ahli politik semasa sambutan Hari Kebangsaan.

Itu merupakan pengkhususan. Sebenarnya baju-baju yang mengandungi motif batik dibuat khas untuk menyambut Hari Kebangsaan. Saya telah *dicommission* untuk membuat baju itu. Saya dibayar untuk menghasilkan motif batik tersebut. Bayarannya agak lumayan. Bagi pihak

Perdana Menteri, saya juga telah *dicommission* untuk menghasilkan motif batik. Saya menjangkakan ada banyak lagi tawaran untuk menghasilkan motif batik untuk sambutan Hari Kebangsaan pada masa akan datang. Perkara ini membuatkan saya berasa takut. Takut kalau saya tidak mampu menghasilkan karya batik seperti yang diminta. Saya memberitahu mereka untuk tunggu dahulu. Saya akan lihat keadaan dan kesihatan saya terlebih dahulu. Saya tidak boleh terus berjanji kemudian tidak dapat menepati janji tersebut. Hal ini membuat saya berasa takut.

Bagaimanakah dengan sokongan dan sambutan masyarakat dahulu dan sekarang terhadap hasil seni batik Pak Sarkasi?

Sambutan terhadap hasil karya batik saya itu hampir sama namun sekarang ada kelebihan-kelebihannya sedikit. Sambutan masyarakat terhadap batik tidak hanya untuk saya tetapi perlu dirancarkan untuk mengembalikan nostalgia keanggunan batik pada zaman kegemilangannya dahulu. Kalau zaman dahulu, kita boleh mengagungkan batik sebagai satu hasil karya seni yang indah dan agung. Tetapi sekarang saya mahukan supaya hal itu akan kembali semula. Jadi anak-anak muda semua akan tahu tentang keanggunan batik. Apabila mereka memakai atau menggunakan batik, mereka berasa bangga dan bahagia. Umpamanya, saya telah berikan satu contoh di Hawaii. Jika pada hari-hari tertentu, mereka memakai batik dengan

perasaan bangga tentulah harga batik juga akan menjadi tinggi. Jadi di situlah pentingnya kita mengembalikan keanggunan batik.

Jika batik mahu terus mendapat sambutan yang baik, mestinya ada pelukis-pelukis yang berpotensi yang berkarya seperti Pak Sarkasi. Siapakah agaknya golongan pelapis itu?

Saya rasa kita memerlukan penggembelengan tenaga para karyawan seni ini supaya menjadi satu kerana masing-masing mempunyai keahlian yang tersendiri. Walaupun hanyasekadarteknik, kalau digabungkan semua menjadi satu pasti akan lebih berjaya, Insya-Allah. Contohnya, jika ada yang ingin menganjurkan seminar tentang kerajinan batik dan dapat disatukan, kemungkinan hal ini akan menjadi satu masa depan yang agak cerah untuk batik di Singapura. Dalam seminar tersebut, kita boleh bincangkan tentang ke manakah arah tuju batik dan siapakah pembatik yang boleh membawa kita kepada arah tuju batik pada masa mendatang. Apabila kita menggembeleng tenaga menjadi satu, kita akan dapat mengembangkan masa depan batik secara realistik dan itu yang saya harapkan.

Mengapa tidak Pak Sarkasi?

Kita merupakan satu masyarakat yang kecil, *minority*. Pelukis yang melukis menggunakan teknik lain juga kecil. Jumlah pelukis batik kita boleh dikira dengan jari dan masing-masing

masih mementingkan diri sendiri dan mereka jarang berjumpa. Kalau saya ini, di mana-mana boleh berjumpa tetapi kalau yang lain memang jarang dan susah untuk berjumpa. Apabila mereka menganjurkan pameran, seharusnya seiring dan sejalan dengan perkembangan seni batik itu sendiri. Namun apabila mereka hanya mengemukakan hasil karya sendiri dan langsung tidak memberikan penjelasan mengapa dalam lukisan ini garisnya miring atau lurus, itulah yang menjadi masalah kerana kita tidak dapat bersatu. Pada pendapat saya, perkara ini semua boleh kongsi. Kalau dia boleh buat garis lurus, saya bilang saya juga boleh membuat garis lurus dengan menggunakan penggaris, jadi lurus juga. Namun ada pelukis batik yang berpendapat bahawa hanya dia seorang yang tahu dan boleh membuat garis lurus sementara yang lain tidak boleh. Inilah yang berlaku. Insya-Allah semoga saya dapat menganjurkan seminar dan dapat menyatukan semua pelukis batik supaya kita dapat meluaskan lagi pengetahuan dan penerimaan masyarakat terhadap batik.

PAMERAN SOLO

Siapakah yang berkongsi menganjurkan pameran-pameran solo Pak Sarkasi?

Ada kalanya saya sendiri dan ada juga *sponsor* yang menjayakan pameran kerana pameran-pameran ini memerlukan *investment* yang agak besar. Umpamanya untuk membuat satu *leaflet* sudah berapa harganya



dan untuk menyediakan *frame* atau bingkai juga beberapa harganya. Harga sewa galerinya pula berapa dan saya mengatasi hal itu dengan mendapatkan *sponsor* untuk membiayai harga *frame* apabila lukisan itu dibeli. Umpamanya, saya sudah siapkan beberapa lukisan. Saya akan membawa lukisan ini untuk berjumpa dengan mereka yang ingin membeli lukisan tersebut. Saya katakan kepada mereka untuk membuat *frame* sendiri jika mereka ingin membeli lukisan tersebut. Jadi mereka akan membuat *frame* dan membayar harga *frame* yang saya pameran. Jadi di setiap pameran, ada kalanya lukisan itu sudah terjual sebelum lukisan itu dipamerkan. Tentang buku pula, kadang-kadang ada orang yang mahu membeli buku

tersebut. Saya beritahu bahawa saya memerlukan wang itu untuk *printing cost*. Jadi itulah ceritanya.

Siapakah para penaja pameran-pameran ini?

Penaja-penaja selain daripada *National Arts Council*, ialah MENDAKI. MENDAKI juga pernah menaja pameran saya. Ada juga beberapa individu yang menaja. Selain itu saya sendiri sahaja.

“Lukisan yang bagus tidak semestinya dibeli dari galeri.”









Dalam satu pameran itu, berapakah jumlah kosnya?

Kosnya lebih kurang antara 20 ribu dolar itu termasuk kos bagi *printing* segala macam dan ada kalanya galeri memberikan saya *sponsor*. Adakalanya saya tidak perlu membayar harga sewa galeri. Kalau sekarang, harga sewa galeri agak mahal.

Ada yang berpendapat, jika mahu adakan pameran semestinya adakan dalam sebuah galeri. Bagi saya, lukisan yang bagus tidak semestinya dibeli dari galeri. Saya berpengalaman dalam soal ini bila saya berada di Hawaii. Semasa saya berada di Hawaii, saya mempamerkan lukisan saya di Zufence Gallery. Di situ ada beberapa pelukis juga dari *mainland*. Kita mengadakan pameran setiap hujung minggu. Kami hanya perlu bayar sewa kepada pengelolanya sahaja. Dia harus membersihkan tempat yang kami gunakan dan itu pun tidak sampai 10 peratus. Jadi apabila kita mengadakan pameran pada hujung minggu dan *Alhamdulillah*, hasilnya lumayan kerana ramai orang datang ke Hawaii termasuklah dari Jepun, Eropah, China dan Kanada datang ke sana. Di situ saya bertemu ramai para bintang atau *celebrities* dari Hollywood, termasuk penyanyi-penyanyi terkenal yang saya temui berkunjung ke sana.

Jadi itulah pengalaman saya mengadakan pameran di Hawaii. Saya fikir perkara yang sama boleh dilakukan di sini. Umpamanya kalau saya mahu mengadakan satu pameran dalam waktu

terdekat dan mungkin saya sudah siapkan 30 atau 40 lukisan. Saya boleh *approach* umpamanya *Botanical Gardens* dan saya boleh membuat pameran dengan menggantung gambar-gambar lukisan saya di *Botanical Gardens*. Jadi di situlah saya rasa kita boleh mendapatkan *sponsor* atau penaja untuk tempat yang boleh dijadikan sebagai galeri dan di Singapura sebenarnya ada banyak tempat yang boleh dijadikan sebagai galeri terbuka.

Kalau saya cenderung untuk membuat karya-karya berkonsepkan *sports* atau sukan umpamanya. Perkara itu boleh dibuat di *Singapore Sports School*. Jadi orang-orang yang minat kepada sukan akan ke sana sebab mereka minat kepada hasil-hasil karya yang berkenaan dengan sukan. Jadi minda kita ini selalu terbuka dengan idea-idea atau cara baharu.

Pak Sarkasi ada matlamat penjualan kalau misalnya diadakan pameran solo ataupun berkumpul?

Tidak. Saya tidak mengehendkan matlamat. Saya tidak mengehendkan matlamat berapa lukisan harus saya jual. Saya melihat itu sebagai jodoh. Saya tidak dapat menentukan tetapi kebanyakannya lebih daripada yang saya harapkan. Pemberian-Nya itu lebih daripada yang saya harapkan. Ada kalanya saya rasa mungkin satu atau dua lukisan tidak terjual tetapi ada kalanya hampir keseluruhan koleksi lukisan itu terjual. Jadi itulah jodoh yang telah diberikan, yang ditentukan oleh yang Maha Esa.

HARGA BATIK

Pak Sarkasi, bagaimanakah sesebuah hasil karya itu ditetapkan harganya?

Sesebuah karya seni itu mengambil masa untuk dihasilkan. Ia juga memakan masa untuk difikirkan termasuk mencari idea-idea dan menggunakan teknik-teknik tertentu. Daripada semua usaha yang dilakukan untuk menghasilkan karya seni itu, saya akan cuba menetapkan harga yang tertentu yang sesuai dengan usaha yang dilakukan untuk menghasilkan karya tersebut termasuk mengikut *audience* juga.

Harga sebuah karya lukisan juga boleh berubah. Umpamanya harga lukisan yang dibayar oleh Encik Noh. Lukisan seperti itu tahun lalu dibeli oleh Encik Amrin Amin dengan harga lima ribu. Jadi perubahan waktu dan zaman itu juga melibatkan bagaimana saya meletakkan harga penjualan dan penilaian harga sesebuah karya yang saya hasilkan.

Tapi selalunya karya Pak Sarkasi mendapat respons yang baik bukan?

*That's why*lah. Itu respons dari kita sendiri *you know*. Jujur, ikhlas dan kerjanya harus kerja kuat. Perkara ini sama sahaja halnya dengan pekerjaan yang dilakukan oleh orang lain. Jika kita diberikan kerja tetapi kita berhenti dahulu, kemudian pergi ke tempat lain dan kita gunakan waktu kerja untuk perkara lain, adakah gaji yang diterima itu halal atau tak halal?

Kepakaran itu penting. Untuk menjadi pakar itu juga memakan waktu, bukan satu bulan sahaja sudah boleh jadi pakar. Ada kalanya orang tidak mengambil kira mengenai hal kepakaran. Untuk membentuk kepakaran itu mungkin mengambil hampir setengah hidup kita atau lebih daripada itu masa digunakan untuk mendapatkan kepakaran.

Harga lukisan yang paling tinggi yang Pak Sarkasi pernah raih, berapakah harganya?

Sebenarnya malu nak saya katakan. Sekarang yang tertinggi ialah lima puluh ribu. Lukisan itu dibeli oleh orang Singapura dan ada yang membeli harga lukisan saya sebanyak tiga puluh, empat puluh ribu dolar dari Singapura tetapi dari Kementerian. Umpamanya di Jerman sewaktu di Berlin dahulu lukisan saya dibeli dengan harga tiga puluh lima ribu dolar.

Pameran solo yang paling berprestij yang Pak Sarkasi masih ingat, yang mana satu?

Pameran solo yang berprestij itu ada dua. Dari segi, komersial *valu*nya dan satu lagi itu di Singapura di Della Butcher Gallery. Della Butcher Gallery tidak mengambil sebarang *commission* daripada hasil pameran yang diadakan di sana. Saya dibenarkan mengadakan pameran di sana dan mendapat sokongan termasuk dari segi penyediaan brosur pameran. Saya hanya perlu siapkan lukisan sahaja.

Di pameran itu ada seorang doktor

berbangsa Cina datang berjumpa saya semasa saya menggantungkan gambar sebelum majlis pembukaan di sebelah paginya. “Saya suka lukisan awak. Saya mahu beli semua lukisan”. Saya bilang tak boleh beli semua lukisan. Orang ramai sudah tahu saya akan adakan pameran di sini. Jadi kalau mereka datang, mungkin mereka kecewa kerana tidak dapat melihat lukisan saya.

“Saya bilang tak boleh beli semua lukisan. Orang ramai sudah tahu saya akan adakan pameran di sini. Jadi kalau mereka datang, mungkin mereka kecewa kerana tidak dapat melihat lukisan saya.”

“Kalau begitu macam mana kalau saya beli lapan puluh peratus lukisan-lukisannya”. Tidak boleh. Apa yang boleh saya lakukan adalah menyuruh dia untuk datang awal semasa majlis pembukaan. Waktu pembukaan itu saya akan menyiapakan orang untuk memberi tanda pada orang itu. Jadi dia datang awal dan saya rasa dia membeli dua puluh buah lukisan. Orang ini mempunyai pemikiran yang berbeza daripada orang-orang kita. Mungkin dia berfikir lebih jauh. Percaya atau

tidak, saya berjumpa dia sewaktu pameran di *World Arts Expo*. Wawasan dia sudah jauh ke depan. Kalau saya hanya memikirkan besok. Dia sudah melangkah jauh ke *World Arts Expo*. Di *World Arts Expo* ini sebenarnya dia hanya mencari jalan bagaimana mengembangkan perniagaannya. Kalau dia jual satu lukisan pada waktu itu walaupun itu bukan urusan saya tapi dia jadikan hal itu semacam satu *business* untuk dia lakukan. Itu merupakan satu bentuk pelaburan untuk dia. Cuma kita tidak dapat memastikan dia datang sebagai seorang doktor atau sebagai peminat koleksi lukisan.

Menurut rekod kami, paling akhir Pak Sarkasi mengadakan pameran adalah pada tahun 2003. Kemudian dua tahun lepas Pak Sarkasi mengadakan pameran di NUS. Adakah Pak Sarkasi mengadakan pameran-pameran lain sebelum ini?

Sebelum itu tidak ada. Jadi sesudah tahun 2003 baru di NUS. Antara tahun 2003 hingga dua tahun lepas, jaraknya agak jauh. Semasa itu saya banyak keluar negaralah ke sana dan ke sini. Jadi saya tidak dapat melukis dan satu lagi konsentrasi saya sudah mula kabur. Saya ingin nak buat baju, jadi saya tidak fokus untuk menghasilkan satu-satu karya lukisan.

Pak Sarkasi selalunya tidak memerlukan tempat yang besar untuk melukis?

Tidak. Saya di rumah juga melukis. Di depan rumah itu.

PAMERAN BERKUMPULAN

Berkaitan dengan pameran berkumpul, siapakah yang selalunya menganjurkan pameran berkumpul?

Pameran berkumpul biasanya dijalankan oleh APAD. Ada juga undangan daripada luar negara untuk mengadakan pameran bersama. Saya mendapat undangan daripada negara-negara lain untuk mengadakan pameran kumpulan ini.

Adakah Pak Sarkasi juga terpaksa bayar atau semua disponsor?

Biaya atau kos untuk menghantar lukisan ke tempat pameran di luar negara agak tinggi. Biasanya semua itu disponsor oleh pihak penaja. Pameran di Malaysia pun sama juga. Tapi saya tidak begitu banyak mengadakan pameran bersama di Malaysia. Ada beberapa umpamanya bersama Iskandar dan pelukis lain di Malaysia. Itu juga disponsor.

Pameran bersama di Indonesia juga disponsor misalnya oleh pihak hotel atau dari pihak kementerian kita ada yang sponsor saya ke sana. Kalau dari pihak hotel, misalnya hotel Arya Duta di Jakarta, dia sponsor saya untuk keseluruhan tempat tinggal, makan juga tambang termasuk *frame* atau bingkai-bingkai lukisan. Satu lagi contoh adalah di Phillipines. Itu juga saya mendapat sponsor daripada sana.

Saya pernah diundang untuk menghasilkan lukisan bagi sebuah hotel di Indonesia. Sebenarnya di Jogjakarta

dipanggil *Eastpak* yang dipunyai oleh orang Singapura bernama Khalid Abdad. Beliau membangun hotel enam lantai. Jadi setiap lantai itu mempunyai seratus bilik. Jadi saya ditempah untuk membuat lukisan-lukisan batik bagi satu lantai Singapura dan setiap kamar mengandungi empat lukisan. Dan selain daripada empat lukisan di setiap kamar, saya perlu menyiapkan lukisan di bahagian *ballroom* atau *restaurant* hotel tersebut. Bayaran yang diterima daripada tugas tersebut, Alhamdulillah.

Pernahkah Pak Sarkasi bekerjasama dengan rakan-rakan untuk mengadakan pameran?

Sebenarnya, saya lakukan pameran secara individu iaitu secara sendiri. Semasa diundang untuk menjalankan pameran, mereka cuma katakan, buat seberapa banyak lukisan yang siap dan bawa ke sana. Itu saja. Jadi saya buat semuanya secara bersendirian. Namun begitu, biar pun sendiri, pada waktu itu saya boleh buat antara sepuluh lukisan dalam masa seminggu. Jadi kerjanya itu kerja kuatlah. Saya terus melukis dan siapkan lukisan untuk dibawa ke luar negara. Dua minggu saya ke Indonesia, seminggu saya ke Indonesia bawa lukisan saya dan dia akan siapkan bingkai-bingkai bagi semua lukisan.






















Berkaitan dengan koleksi peribadi dan juga awam, berapa banyakkah lukisan yang telah pun dihasilkan dan dijual bagi koleksi peribadi dan awam ini, Pak Sarkasi?

Sebenarnya banyak koleksi peribadi dan awam. Cuma saya tidak mencatat lukisan-lukisan yang telah dijual kepada mereka. Ada beberapa yang saya ingat dan kenal termasuk Presiden di Istana. Termasuk Encik Hawazi, Encik Masagos, Encik Amrin dan ramai lagi. Perdana Menteri ada membeli lukisan saya tetapi dia tidak membeli lukisan saya secara *personal*. Presiden-presiden dari luar negara ada juga yang membeli lukisan saya. Saya rasa besar hati dan berterima kasih yang amat kerana hingga setakat ini biar pun saya sudah agak uzur tapi saya masih melukis, menghasilkan karya dan lukisan sebanyak mana yang saya boleh dan setakat mana yang saya mampu bergantung kepada kemampuan pemikiran saya ini untuk menghasilkan karya seni.

Berkaitan dengan sambutan terhadap seni batik khususnya hasil lukisan Pak Sarkasi, mana satu yang lebih gah, sambutan orang setempat ataupun orang-orang luar negara?

Saya rasa dari segiambutannya sama gah dari segi bilangan. Setiap kali ada pameran, bila ada ramai yang datang, agak susah untuk menentukan. Saya akan pastikan ramai yang akan datang ke pameran saya. Tetapi kalau di tempat atau negara lain, pelawat merasa bangga sekali kerana ada pameran

batik di tempat mereka. Dan kalau di Eropah itu apabila mereka mendengar perkataan sutera, *the silk* ... sesuatu yang berkaitan dengan *Silk Road* itu akan menerima penghargaan yang luar biasa. Saya ingat sewaktu saya di luar negara, begitu ramai pelawat yang datang ingin mengikuti *workshop* atau bengkel apabila mendengar ada batik yang di lukis di atas sutera. Jadi sambutannya luar biasa. Ramai yang datang termasuklah duta Singapura di Belgium. Sambutan di Belgium begitu luar biasa kali. Hal itu membuatkan saya berharap agar sambutan yang serupa itu saya terima di tempat sendiri. Setidak-tidaknya sambutan yang meriah daripada keluarga kita sendiri dan daripada orang-orang Melayu sendiri. Jika bukan kita sendiri yang menghargai hasil karya seni kita, siapa lagi? Kita sendiri tidak dapat mengagumi hasil karya seni orang lain kerana kita tidak kenal. Umpamanya lukisan Cina, kenapa dipanggil lukisan Cina? Ada ciri-ciri yang tertentu yang membuat lukisan itu dinamakan lukisan Cina. Tetapi apakah ciri-ciri lukisan orang Melayu pula?

Kenapa tidak kita buatkan satu macam ikon? Batik ini ialah lukisan Melayu. Kalau di pameran-pameran lukisan, tidak ada pameran yang dinamakan pameran *Malay painting*. Kalau *Chinese painting* dan *Western painting* memang ada. Dengan ada cinta kepada seni batik, pasti satu masa nanti akan lahir keadaan yang saya harapkan. Cuma masa yang akan menentukan sama ada saya dapat melihat hal itu berlaku atau

kesinambungan itu berlaku selepas saya tidak ada lagi.

“Apa yang saya akan tinggalkan adalah harapan ataupun perjalanan. Nadi seni itu yang mahu saya tinggalkan.”

LEGASI

Jadi apa legasi yang Pak Sarkasi mahu tinggalkan?

Apa yang saya akan tinggalkan ialah harapan ataupun perjalanan. Nadi seni itulah yang mahu saya tinggalkan. Kemungkinan, sekarang ini orang ramai atau masyarakat menganggap lukisan saya itu yang terbaik tetapi pada masa depan saya tidak tahu kalau ada pelukis lain yang lebih baik lagi dan pendekatannya terhadap kehidupan akan menjadi lebih bagus. Saya mengharapkan akan ada jambatan supaya mereka dapat meneruskan perjuangan ini dan itulah harapan saya.

Saya berharap agar batik terus dikenali pada masa hadapan.

Untuk dikenali, adakah dengan menghasil banyak karya atau pun menghasilkan sedikit karya yang lebih bermutu? Mana satu yang menjadi pilihan Pak Sarkasi?

Saya rasa perkara itu adalah semula jadi apabila seseorang itu baharu sahaja berkecimpung dalam dunia seni dan masih muda, mereka mempunyai banyak tenaga untuk menghasilkan lebih banyak karya. Kemungkinan mereka juga lebih cepat dari segi pemikiran berbanding dengan pelukis yang sudah berumur. Kemungkinan besar juga ada perbezaan dari segi falsafah dan pendekatan. Kemungkinan golongan muda mampu menghasilkan karya yang banyak tetapi bukan dari segi mutunya. Ini tidak bermakna bahawa orang yang menghasilkan banyak karya itu bererti hasil karyanya tidak bagus. Hal ini terpulang kepada kita untuk membuat pertimbangan dan penelitian. Ada pelukis yang hasil karyanya tidak banyak. Bila umur mereka menjangkau empat puluh atau lima puluh tahun,

“Kalau di Singapura, umpamanya ramai pelukis yang terkenal seperti Seah Kim Joo yang juga melukis batik pada waktu dulu. Sekarang dia tidak lagi melukis batik. Jadi sama ada itu dapat menjamin mutu seni atau nilai seni itu kita perlu fikirkan juga. Jadi apabila seseorang itu tidak melukis lagi, tidak ada penambahan atau tidak ada *development* yang berlaku pada karya seninya.”



mereka sudah tukar pekerjaan dan tidak melukis lagi. Kalau di Singapura, umpamanya ramai pelukis yang terkenal seperti Seah Kim Joo yang juga melukis batik pada waktu dulu. Sekarang dia tidak lagi melukis batik. Jadi sama ada itu dapat menjamin mutu seni atau nilai seni itu kita perlu fikirkan juga. Jadi apabila seseorang itu tidak melukis lagi, tidak ada penambahan atau tidak ada *development* yang berlaku pada karya seninya. Umpamanya kalau saya tidak terus lagi melukis, apakah lukisan saya akan dinilai hanya setakat itu sahaja?

Nilai sesebuah lukisan itu tidak akan terhenti. Saya pernah menjumpai sebuah lukisan hasil karya seorang pelukis yang agak terkenal juga berbangsa Cina. Saya beli lukisan itu dengan harga dua ringgit padahal kalau di Singapura, lukisan itu harganya beribu dolar. Tapi oleh sebab orang di sana tidak mengenali pelukis tersebut, mereka menjual lukisan tersebut dengan harga yang murah. Saya beli lukisan itu di Jalan Sumatra di Jakarta. Banyak barang bekas dijual di sana yang dipanggil sebagai *antique shops*. Saya jumpa lukisan itu dan saya tahu lukisan itu adalah lukisan yang berharga. Saya tawar menawar. “Kalau hendak ambillah.” Lukisan itu dijual dengan harga sekitar dua puluh ribu rupiah. Saya terus ambil yang lukisan itu. Jadi, nilai lukisan itu sudah tidak ada. Begitu juga halnya dengan Seah Kim Joo sekarang. Lukisannya entah dijual atau pun tidak, sebab dia sudah berhenti melukis. Melainkan kalau dia

terus melukis hingga akhir hayatnya, mungkin keadaan itu akan berbeza.

“Umpamanya batik yang dihasilkan di kawasan persisiran dan kebanyakan orang Melayu pada waktu itu tinggal di persisiran pantai atau sungai. Jadi dia menggunakan lambang-lambang seperti ikan dan sari-sari laut. Itu kaitannya dengan Melayu dan orang Melayu yang hidup sebagai nelayan sangat dekat dengan sari-sari laut dan itu antara sebab ianya lebih kepada Melayu.”

Boleh Pak Sarkasi berikan penjelasan apa itu batik?

Batik adalah teknik. Jadi karya-karya yang menggunakan teknik pemisah, menggunakan pewarna... ia dipanggil batik. Batik itu sendiri mempunyai perbezaan yang bertahap-tahap. Penggunaan teknik-teknik yang tertentu akan membezakan lukisan yang dihasilkan kerana batik bukan

“Batik adalah Teknik. Jadi karya-karya yang menggunakan teknik pemisah, menggunakan pewarna ... ianya dipanggil batik. Batik itu sendiri mempunyai perbezaan yang bertahap-tahap. Penggunaan teknik-teknik yang tertentu akan membezakan lukisan yang dihasilkan kerana batik bukan hanya karya. Batik lebih daripada karya atau pun tanggapan umum yang berpendapat batik hanyalah kain. Batik ialah satu hasil karya yang unik. Itulah makna batik buat saya.”

hanya karya. Batik lebih daripada karya atau pun tanggapan umum yang berpendapat batik hanyalah kain. Batik ialah satu hasil karya yang unik. Itulah makna batik buat saya. Perkataan batik itu sendiri sebenarnya berasal daripada perkataan titik dalam bahasa Jawa. Dan perkataan titik ini juga kita harus kenali bagaimana perkara itu boleh dipanggil titik. Perahan kanji ataupun bahan pemisah itu bila diperah pada kain dan dititiskan di atas kain dan satu lagi dia memberikan satu macam bunyian “tik tik tik”. Ia kemudiannya menjadi perkataan titik. Titik itu sebenarnya dari perkataan menitis. Dari “titik” menjadi “titisan” dan kemudiannya menjadi “menitik”. Orang Jawa kebiasaannya mereka suka memendekkan perkataan... mungkin juga kerana lidah mereka suka memendekkan perkataan... akhirnya perkataan “membatik” menjadi “batik” ... dari “mmm” batik menjadi “batik” di situ.

Jadi kalau batik itu sebenarnya merupakan sebuah hasil karya seni

halus yang begitu tinggi mutunya yang berunsurkan sosiobudaya masyarakat yang bercerita dengan ikon-ikon awan larat yang dijadikan pola-pola di dalam lukisan batik yang dihasilkan.

Bagaimanakah batik ini dapat menjadi representasi atau lambang budaya Melayu?

Batik dilahirkan secara ikhlas dan jujur. Bagaimanakah duhulunya batik mula dihasilkan di Indonesia, di daerah Jawa? Seseorang yang menghasilkan batik itu dia duduk tekun daripada pagi jam enam sampai mungkin jam empat begitu baru dia berhenti membuat batik hingga lama kelamaan apabila dia berjalan, badannya menjadi bongkok. Orang dahulu membuat batik itu bongkok kerana dia duduk dari pagi hingga petang terus membatik. Sebab inilah yang membuatkan batik itu unik, sebuah hasil karya seni yang saya banggakan.











Batik bermula kemungkinannya dari Zaman Hindu dan hingga ke Zaman Melayu. Jadi ada unsur budaya Hindu yang telah diambil atau diserap ke dalam budaya Melayu. Jadi di situ apabila batik ini dihasilkan dia khusus untuk orang-orang Melayu jadi di situlah ia menjadi satu kebudayaan Melayu. Dalam kebudayaan Melayu banyak yang menggunakan tadinya istilah-istilah simbolik. Jadi simbol itu berkaitan dengan orang Melayu. Masyarakat Melayu tidak pernah mengatakan secara berdepan kalau orang itu jahat atau orang itu baik. Dia menyampaikan ideanya secara simbolik. Hiasan-hiasan yang tertentu melambangkan dekatnya budaya Melayu dengan hiasan batik dan satu lagi batik berunsurkan daripada keadaan sekeliling semasa dan keadaan sekeliling yang dimaksudkan menggambarkan batik ialah keadaan dalam suasana alam Melayu. Umpamanya batik yang dihasilkan di kawasan persisiran dan kebanyakan orang Melayu pada waktu itu tinggal di persisiran pantai atau sungai. Jadi dia menggunakan lambang-lambang seperti ikan dan sari-sari laut. Itu kaitannya dengan Melayu dan orang Melayu yang hidup sebagai nelayan sangat dekat dengan sari-sari laut dan itu antara sebab ianya lebih kepada Melayu.

PERBEZAAN MOTIF-MOTIF BATIK

Apakah jenis-jenis motif batik yang ada secara umum? Bagaimanakah motif ini berbeza dari satu daerah ke satu daerah yang lain?

Kalau dari segi daerah yang membuat

batik, kita lihat ada batik di persisiran, langsung ke taman, langsung pergi ke bukit-bukit, langsung pergi ke gunung dan langsung berpindah ke *abstraction* daripada agama Islam, *Buddhist* atau pun *Christian*. Jadi, umpamanya, batik di persisiran yang saya katakan tadi banyak menggunakan motif sari-sari laut, ikan dan udang. Apabila kita naik ke taman, kita lihat penggunaan motif bunga, dan bila kepada buah-buahan, tumbuh-tumbuhan seperti manggislah dan seterusnya beralih ke bukit-bukit ada hasil batik yang bermotifkan bukit-bukit. Bukit-bukit itu ada motif *floral* yang miring, yang tumbuh di bukitnya. Jadi di situlah dinamakan batik bukitan hingga kepada batik istana. Batik istana banyak menggunakan lambang-lambang kebesaran, *abstraction* daripada motif-motif Islam. Oleh kerana kaitan antara raja dengan Islam itu dekat jadi simbol-simbol Islam diterapkan dalam hasil karya batik.

“Memang benar kalau dulunya itu batik hanya digunakan di istana. Satu kemampuan yang dimiliki oleh Sultan. Sultan mampu membayar pelukis atau pembatik untuk menghasilkan batik. Harganya juga jauh lebih mahal. Rakyat biasa tidak mampu membelinya.”

“Jadi ada batik yang berunsurkan motif India, ada batik yang berunsurkan dari Jepun. Kalau dari Belanda sudah mula ada integrasi antara satu sama lain dan itu membuatkan batik begitu terkenal di antara mereka yang membawa batik ke sini dan membawa pulang batik.”

Benarkah pada waktu dulu bahawa batik ini digunakan oleh golongan istana kemudian baru menyeranta ke semua lapisan masyarakat?

Memang benar kalau dulunya itu batik hanya digunakan di istana. Satu kemampuan yang dimiliki oleh Sultan. Sultan mampu membayar pelukis atau pembatik untuk menghasilkan batik. Harganya juga jauh lebih mahal. Rakyat biasa tidak mampu membelinya. Batik yang digunakan oleh pihak istana mempunyai lambang-lambang tersendiri iaitu lambang kebesaran sultan. Dia mempunyai lambang-lambang tersendiri. Bila waktu beredar, orang-orang yang membuat batik di istana ini semuanya tinggal di dalam istana. Dia tinggal di tempat masing-masing. Umpamanya, kalau di Solo

itu ada satu tempat di Laweyan. Jadi orang-orang ini apabila berada di rumah juga membikin batik. Dia membikin batik menggunakan *design* tersendiri kerana mereka begitu menghormati sultan mereka. Mereka tidak membuat corak batik yang sama dengan corak batik sultan mereka. Tapi itu hanya berlaku untuk beberapa abad. Apabila abad bertukar, sudah ada yang mula membuat *design* atau corak dari istana.

Orang yang tinggal di persisiran mempunyai *design* mereka sendiri. Orang yang tinggal ke dalam sedikit mempunyai *design* mereka sendiri juga. Hingga kepada buah-buahan hingga kepada kuih-kuih hingga kepada abstrak seperti *Hinduism*, Islam, *Christianity* dan *Buddhism* juga termasuk. Orang-orang itu sebenarnya golongan elit. Dahulu, orang dari luar datang ke daerah kita untuk mencari rempah ratus. Bila mereka mencari rempah ratus, mereka mengaup kekayaan kita untuk dibawa balik ke tempat dia. Mereka membawa balik ke tempat mereka dan menjualnya dengan harga yang mahal. Hanya orang-orang elit sahaja yang mampu membelinya. Orang-orang elit di sana, apabila melihat kain batik, dia ingin memberikannya kepada sultan-sultan di sini sebagai hadiah. Mereka saling memberikan hadiah. Ada yang memberikan hadiah corak batik dari daerah sini dan sebaliknya. Jadi berlakulah pertukaran hadiah. Ini juga menandakan adanya pertukaran unsur-unsur budaya dari tempat mereka. Jadi ada batik yang berunsurkan motif India,

ada batik yang berunsurkan dari Jepun. Kalau dari Belanda sudah mula ada integrasi antara satu sama lain, dan itu membuatkan batik begitu terkenal di antara mereka yang membawa batik dari sini pulang ke negara mereka.

MOTIF-MOTIF BATIK TIDAK BERTEMBUNG

Adakah pertembungan di antara tradisi batik dengan masalah kesinambungannya pada masa sekarang Pak Sarkasi?

Pertembungan tidak ada. Kalau masing-masing itu meneruskan dengan daya ciptaannya untuk mengembangkan ciptaan tidak akan ada pertembungan. Pertembungan berlaku kerana ada salah faham tentang batik. Itu yang menimbulkan pertembungan kerana kita tidak faham apakah yang dimaksudkan dengan *classic design* hingga dia menjadi satu pertembungan. Contohnya apabila melukis kelopak bunga. Jika saya melukis bunga dengan lima kelopak, itu merupakan kesalahan saya kerana tidak membuat kajian tentang kelopak bunga dalam sesuatu design. Kerana saya tidak kenal lalu saya buat lima atau enam kelopak bunga. Sebenarnya corak kelopak itu dipakai oleh banyak etnik. Orang Cina juga menggunakannya dan orang Inggeris juga menggunakan *the four petals, clover*. Ertinya ada kaitan antara satu sama lain. Cuma tempatnya berbeza yang membawa erti *luck* atau nasib baik bila membuat empat *clover*. Jadi kalau saya tidak faham, saya melihat orang

melukis empat kelopak, saya melukis lima kelopak. Jadi itulah yang menjadi pertembungan. Pertembungan juga boleh timbul kerana kita tidak faham atau tahu tentang sesuatu perkara.

Ada motif batik yang tidak berubah dan tetap asli. Umpamanya batik Hokkaido waktu zaman *Edo period*. Batiknya ada yang bermotifkan bunga tapi bunganya berbeza daripada bunga yang ada di Indonesia. Kerana pada waktu *Edo period*, *design* yang dihasilkan menggunakan warna bunga yang lebih cerah dan lebih terang tetapi orang yang membuatnya ialah orang di Indonesia. Corak itu dihantar balik ke Jepun untuk dinamakan *Edo* atau batik Hokkaido sedangkan yang aslinya masih tetapnya dibuat di Indonesia.

“Sebenarnya kita tidak perasan kalau Singapura ialah tempat kacukan bunga anggerik yang terbesar di dunia. Jadi kalau kita gunakan itu sebagai satu motif, kita boleh menjadikan ia satu lambang yang lain negara tidak ada.”

MOTIF ANGGERIK LAMBANG NEGARA SINGAPURA

Perlu atau tidak untuk Singapura melahirkan motif-motif sebegini kalau berbanding dengan motif Jawa, motif Malaysia, motif Jepun?

Saya rasa kita boleh mulakan dengan mengadakan satu macam istilah baharu. Sebenarnya kita tidak perasan kalau Singapura ialah tempat kacukan bunga anggerik yang terbesar di dunia. Jadi kalau kita gunakan itu sebagai satu motif, kita boleh menjadikan ia satu lambang yang lain negara tidak ada. Sama ada di Malaysia ada membuat cara begitu saya tidak tahu. Kebanyakannya yang berlaku ialah usaha yang bertembung. Kalau di utara Semenanjung umpamanya di Kelantan membuat bunga, nanti di Penang akan buat bunga. Nanti di selatan Johor Bahru pun akan buat bunga. Jadi hal ini bergantung dan mengikut kehendak pembinanya. Mereka tidak menghasilkan satu karya tulen daripada *local designer* atau pereka setempat.

Saya pernah menimbulkan perkara ini kepada seorang Menteri Malaysia sewaktu di Eropah. Saya katakan kepada beliau mengapa hantar orang tengah, mengapa tidak hantar pelukisnya supaya dikenali. "Oh itu tidak perlu, nanti kita *explain*". Warna, kecil atau besar *design* itu sendiri dan kalau kita gunakan warna merah, kuning, hijau di London, mereka akan ingat ini Zoo, macam di India ke apa? Sayangnya pelukis tidak pernah *experience* atau mendapat

pengalaman yang membolehkan mereka untuk membuat *design* yang sesuai. Contohnya kalau saya ingin lukisan dijual di Alaska, warna dan *design*nya harus sesuai. Kalau saya buat lukisan kampung Melayu di Alaska siapa yang tahu, siapa yang mahu beli?



Perlu ada kesinambungan antara pengusaha yang dipanggil *towkay*, di Malaysia dengan pelukisnya. Harus saling memahami dan saling menyokong antara satu sama lain.

Saya benar-benar berharap kalau boleh kita dapat mengadakan satu lambang yang boleh dipanggil batik Singapura. Sebenarnya usaha ini sudah bermula apabila kita menghasilkan baju seragam *Singapore Airlines*. Sayangnya ia berhenti setakat itu. Usaha itu tidak dikembangkan. Kalau waktu itu kita kembangkan, kemungkinan sekarang ini ia sudah mempunyai satu lambang, logo yang boleh kita panggil batik Singapura.

Pak Sarkasi telah memperkenalkan bunga anggerik misalnya Vanda Miss Joaquim dan sekarang motif bunga

untuk pakaian Perdana Menteri bagi sambutan Hari Kebangsaan.

Pengiktirafan itu berlaku bila ada pihak berautoriti mengiktirafkannya. Dulu pernah Presiden Ong Teng Cheong melakukan satu usaha menamakan batik yang dipanggil batik Singapura. Tapi usaha itu juga hanya setakat separuh jalan ataupun suku jalan kerana kita hendakkan semua corak menggunakan corak anggerik. Pakaian kita pula berbeza-beza. Kalau anggerik hanya sebagai *design* itu boleh kita lakukan. Kalau kita buat *design* batik yang orang pakai di atas sari dia tidak sesuai, atau atas cheongsam memang tidak sesuai. Jadi di situlah terhentinya usaha tadi.

“**Saya benar-benar kalau boleh kita dapat mengadakan satu lambang yang boleh dipanggil batik Singapura.**”

LAMBANG-LAMBANG DALAM MOTIF BATIK

Ada juga dikaitkan di antara motif dan kedudukan seseorang, wanita misalnya menggunakan motif-motif yang berlainan yang menunjukkan sama ada wanita itu sudah berumah tangga ataupun belum. Boleh Pak Sarkasi jelaskan dengan kedudukan sosial dalam masyarakat?

Seperti yang dikatakan tadi, kita dapat

mengenali sama ada wanita itu memang belum berumah tangga. Pertama, dia tidak akan memakai batik pada hari-hari biasa.

Kedua, bila dia memakai batik di upacara-upacara tertentu, dia akan memakai corak atau *design* tertentu yang melambangkan pemakainya seseorang wanita yang cantik, yang manis, masih bujang, dan masih dara dan belum berpunya. Umpamanya corak kelengkeng berkait. Corak kelengkeng berkait ini kecil tetapi dia berkait antara satu sama lain. Jadi bila kelengkeng berkait ini bererti orang itu sudah ada orang yang punya. Biarpun masih dara, belum berumah tangga tetapi sudah ada orang yang punya kerana dia berkait satu sama yang lain. Corak bunga cempaka belah lapan, corak bunga yang sedang kembang dan mekar begitu, itu mengandaikan pemakainya masih bujang dan dia ingin mendapatkan teman hidup.



Banyak lagi corak lain umpamanya, corak bunga kenanga. Kenanga pula ada lenggang lenggoknya. Kenanga itu menunjukkan kelembutan seseorang wanita.

Kalau untuk laki-laki umpamanya dia dipanggil corak parang-parang tetapi bukan corak parang diraja. Corak parang-parang melambangkan keperkasaan. Jadi corak itu sesuai untuk digunakan oleh orang laki-laki. Besar atau kecil corak parang-parang yang digunakan menentukan sama ada pemakainya memang benar-benar berwatak seperti lambang atau corak batik yang dipakainya.

Kalau untuk kaum perempuannya, ada juga yang menggunakan corak bunga-bunga yang halus-halus, kecil-kecil yang lembut. Itu menunjukkan yang pemakainya dari Solo. Kalau untuk perempuan di Jogja, corak bunganya besar. Kerana orang-orang perempuan dan anak dara dari Solo terkenal dengan lemah-lembutnya. Itu yang membezakan. Dari corak besar dan kecilnya batik yang digunakan, kita dapat mengenal kalau pemakainya itu laki-laki atau perempuan atau dari keluarga diraja ataupun bukan.

PERANAN WARNA DALAM BATIK

Bagaimana dengan warna, adakah warna menyampaikan maksud yang tersembunyi juga?

Warna alami ialah warna istana atau warna diraja. Warna alami dikatakan warna diraja sebab untuk mendapatkan

warna ini ia memerlukan masa satu tahun untuk menyiapkan satu kain. Warna ini tidak meresap pada kain yang kita inginkan. Warnanya tidak terang. Kita harus merendamnya sampai kadang berminggu-minggu dan kadang-kadang berbulan-bulan kerana ingin mendapatkan warna tersebut. Jadi untuk menghasilkan warna itu bagi satu kain yang panjang itu kadang-kadang memakan masa satu atau dua tahun. Jadi warna itu menjadi warna 'soga'. Warna 'soga' ini merupakan warna kuning, coklat, biru tua, biru dan hitam. Ini yang dipanggil warna 'soga'. Warna 'soga' ialah warna istana. Warna keraton yang dibuat aslinya daripada alam seperti daun-daun dan akar. Tidak terjangkau bagi rakyat biasa yang ingin membelinya kerana proses pembuatan yang sudah begitu lama dan harganya pula mahal.

“Kalau untuk kaum perempuannya, ada juga yang menggunakan corak bunga-bunga yang halus-halus, kecil-kecil yang lembut.”

Pak Sarkasi amat minat menggunakan warna-warna yang cerah, terang dan bertenaga. Kenapa Pak Sarkasi?

Itu pendirian saya. Kita seharusnya bahagia dan gembira. Kegembiraan itu saya kaitkan dengan warna yang



Lakaran bunga-bunga anggerik Sarkasi Said



“Pendirian saya, kita seharusnya bahagia, gembira dan kegembiraan itu saya kaitkan dengan warna yang saya gunakan. Jadi warna-warna cerah memberikan cerahan hidup, cerahan dalam segala benda. Apa yang kita buat, biarpun kita di dalam kesedihan, kesusahan, kita harus sentiasa dan berpuas hati dengan apa yang kita ada. Jadi warna melambangkan satu keceriaan apabila saya menghasilkan.”

saya gunakan. Jadi warna-warna cerah memberikan kecerahan hidup, kecerahan dalam segala benda. Apa yang kita buat, biarpun kita di dalam kesedihan atau kesusahan, kita harus sentiasa dan berpuas hati dengan apa yang kita ada. Jadi warna melambangkan satu keceriaan apabila saya menghasilkan sesebuah karya.

WARNA DAN FALSAFAH HIDUP

Adakah ini falsafah dan nilai yang Pak Sarkasi mahu tonjolkan di dalam karya-karya Pak Sarkasi?

Ya, itu ialah falsafah-falsafah kehidupan yang tadi saya katakan kenapa kita ini merundung duka sedangkan sebelah sana sebegitu cerah. Carilah jalan untuk yang lebih cerah yang lebih ceria.

Bagaimana Pak Sarkasi menyerapkan falsafah dan nilai-nilai keislaman dalam karya Pak Sarkasi?

Perkara yang paling utama buat saya ialah mengenali untuk menyerapkan nilai-nilai ini. Contohnya nilai seperti menghormati, dan mencintai ciptaan

Tuhan. Dengan menghormati alam ciptaan Tuhan dengan sendirinya kita telah mendekatkan diri kita kepada keagamaan dan bila ada pendekatan seperti itu, kita mula merasa ada sesuatu yang kita inginkan, ingin turunkan ke atas karya kita. Jadi apakah keagungan itu yang akan kita terapkan dalam karya kita? Nilai hormat-menghormati dan saling menghargai itu adalah satu di antaranya. Bagaimana kita ingin menghormati ciptaan Tuhan?

Pertama sekali, kita harus berterima kasih dan ucapkan Alhamdulillah. Kedua, kita ucapkan terima kasih bukan dengan lafaz tapi dengan hati. Pendekatan kita untuk melahirkan rasa cinta kepada Tuhan dan juga kepada yang orang tua kita, dia tidak semestinya harus dilafazkan. Jadi dari situ, saya cuma keluarkan perasaan saya dari mulut, ataupun dari pandangan dan perasaan, juga dari telinga. Jadi saya terapkan, nilai-nilai itu umpamanya. Apakah kita perlu melukis mulut untuk mengatakan aku cinta Engkau ya Allah. Kata-kata itu cukup kalau kita

jujur dalam hati kita tetapi apabila tiba waktu untuk menjalankan apa yang sepatutnya kita jalankan, kita buat sebaik yang mungkin. Jadi di situlah saya lambangkan dalam lukisan-lukisan saya dengan melahirkan seperti kata-kata yang tersimpan dalam hati. Jadi itu lambang-lambang keislaman.



Adakah Pak Sarkasi melukis nama-nama Allah, Nabi Muhammad, atau ayat-ayat Al-Quran?

Saya ada melukis ayat-ayat suci Al-Quran. Pada mulanya saya melukis berdasarkan daripada ayat-ayat yang saya lihat tapi bila zaman berubah, keadaan berubah dan seharusnya berubah seperti ayat-ayat yang diabstrakkan. Ayat *Bismillahirrahmanirrahim* tidak semestinya

dilukis sebagai *bismillahirrahmanirrahim* tetapi boleh diabstrakkan dan masih boleh dibaca. Banyak ayat-ayat Al-Quran yang lain umpamanya *wallazi huassamawati walarda* itu adalah rumah kita, syurga kita. Itu juga boleh dijadikan lambang Islam. Jadi bila menjadikan lambang Islam seperti penulisan kaligrafi. Kaligrafi tidak semestinya daripada ayat-ayat itu terus dilestarikan dalam lukisan tapi boleh diubah suai tetapi tidak keluar daripada garisan-garisan yang tertentu.

Antara seni untuk seni dan seni untuk masyarakat, Pak Sarkasi lebih cenderung pada yang mana satu?

Bagi saya, kedua-duanya. Saya ada seni untuk masyarakat dan ada seni untuk seni. Apa yang saya lakukan pada akhir-akhir ini kebanyakannya lebih kepada seni untuk seni. Saya tidak memikirkan sama ada masyarakat itu akan senang dengan lukisan saya atau tidak. Saya hanya memikirkan satu karya yang benar-benar dari hati saya, yang benar-benar yang saya suka hasilkan. Jadi dari segi itu saya lebih seni kepada seni. Ini juga terbentuk dengan adanya tadi ekonomi. Bila ekonomi sudah mula terjamin, kita tidak akan memikirkan sama ada dia boleh dijual atau tidak tapi apabila ekonomi belum terjamin

“Yang utama buat saya kenal akan, untuk menyerapkan nilai-nilai ini. Menghormati, mencintai ciptaan Tuhan. Dengan menghormati tahta ciptaan itu dengan sendirinya kita telah mendekatkan diri kita kepada keagamaan.”

sebagai pelukis sepenuh masa, mahu tidak mahu kita juga akan fikirkan sama ada dapur kita berasap atau tidak. Bagi saya, itu harus difahami sama ada itu seni untuk masyarakat dan seni untuk seni. Bila keadaan hidup sudah stabil atau senang, kita boleh mula melukis hanya untuk seni.

“Bagi saya, keduanya. Saya ada seni untuk masyarakat dan ada seni untuk seni.”

TEKNIK SARKASI SAID

Kalau kita lihat hasil karya Pak Sarkasi, teknik apakah yang boleh dinamakan sebagai teknik Pak Sarkasi?

Saya mungkin tidak dapat menentukan teknik apa yang saya gunakan. Tetapi karya saya itu dapat dikenal pasti oleh peminat-peminat saya. “Ini lukisan Sarkasi,” kata mereka. Mereka mengenali karya saya yang secara keseluruhan atau mengenali warna ataupun pola-pola ataupun simbol-simbol yang saya lahirkan dalam lukisan saya. Mereka tahu ini adalah karya Sarkasi. Jadi hasil karya yang dihasilkan tidak hanya tertumpu kepada satu tapi kepada keseluruhan. Dan saya telah memperbanyakkan lagi teknik-teknik yang belum dibuat oleh pelukis-pelukis lain tidak hanya pelukis di sini tetapi juga oleh pelukis-pelukis di luar negara. Tidak ada pelukis-

pelukis lain yang menggunakan teknik-teknik yang saya gunakan. Sama ada mereka tahu, sedar atau tidak tak tahu. Saya tidak dapat memberi jawabannya. Umpamanya bila kain itu lembab kita coletkan dengan lilin. Lilin pula tidak dapat meresap secara keseluruhannya di kain yang lembab. Jadi di situ saya warnakan. Dia ada kesan retak-retak yang membezakan. Saya belum nampak ada pelukis lain yang melakukan teknik seperti itu. Kesannya seperti bila kain itu kering, bila kain itu basah, bila kita simbah warna dengan kuat atau kita menyapukan warna dengan perlahan. Ini ada perbezaanya. Jadi di situ kemungkinan mereka dapat melihat ini perbezaan saya dengan pelukis-pelukis yang lain.

Seni membatik secara tradisional perlukah dipertahankan?

Teknik tradisional perlu dipertahankan. Jika tidak ada yang awalnya, pasti tidak ada pertengahan atau penghujungnya. Jadi mengetahui tentang yang asal akan membawa kita kepada kefahaman yang lebih baik untuk meneruskan perjalanan batik itu. Kalau tidak pelukis hanya akan ambil yang sekarang, tetapi apabila ditanya, di mana atau bagaimana caranya teknik itu bermula, mereka tak tahu. Jadi dia tidak tahu dan tidak fokus tentang perkembangan batik itu.

Pak Sarkasi pernah melukis menggunakan teknik atau motif tradisional?

Pernah. Saya mula melukis secara

tradisional. Kalau dulu pada permulaannya saya menggunakan motif tradisional dan saya tidak mengembangkan lagi motif itu. Tetapi apabila sudah membuat batik agak beberapa lama, begitu saya mengolah dengan sendirinya timbul motif-motif tradisional. Lukisan saya masih ada mirip-mirip tradisional walaupun saya sebenarnya sudah mula mengusahakan karya lukisan dengan motif-motif saya sendiri. Apabila melihat karya yang saya hasilkan, saya seperti melihat motif tradisional dalam lukisan tersebut.

Kalau mengikut pengalaman dan juga pemerhatian Pak Sarkasi, bolehkah teknik, lukisan batik ini diperkenalkan di dalam kurikulum di sekolah?

Paling baik, mula pada sekolah-sekolah. Sama ada sekolah rendah ataupun *even* di *kindergarten* kalau kita mulakan itu baik sekali. Bukan kita mahu mereka menjadi seorang pelukis batik tapi supaya mereka kenal dan kalau ada yang ingin melukis batik dia akan lebih kenal batik apabila dia teruskan. Jadi sebagai pengetahuan, pengalaman serta akhirnya tentang ciri-ciri satu kehidupan itu dapat dinilai dari pengetahuan seseorang itu apabila mereka kenal batik.

Bolehkah lukisan batik menjadi lebih cantik pada jangka masa yang akan datang?

Ya, *Insyallah* boleh kerana batik sememangnya cantik. Yang buruk itukan *utensils* atau barang yang digunakan untuk melukis batik. Jadi kalau kita menggunakan barang lain

tetapi menggunakan pemikiran kita yang luas dan mengembangkan barang-barang yang kita gunakan untuk menghasilkan karya batik, pasti hasilnya akan lebih baik. Contohnya, apabila kita menggunakan lilin, kita sapu dia rata tapi kalau kita gunakan berus, kita boleh gunting berus hingga begini dan kemudian kita celup pada lilin yang cair, dan kita menghasilkan corak dan warna yang kreatif. Jadi sebenarnya ada banyak kreativiti yang boleh dilakukan. Umpamanya menggunakan cetak-cetak kuih kerana perkara itu kita boleh lakukan. Ini yang dikatakan proses berkreaitif itu sesuatu kehidupan yang akan terus hidup.

“Teknik tradisional perlu dipertahankan. Jika tidak ada yang awalnya, pasti tidak ada pertengahan atau penghujungnya. Jadi mengetahui tentang yang asal akan membawa kita kepada kefahaman yang lebih baik untuk meneruskan perjalanan batik itu.”









“Saya pernah melukis sebuah lukisan. Selesai melukis, saya tidak begitu suka dengan lukisan itu. Jadi saya buang lukisan itu di tong sampah. Tapi pada keesokan harinya, semasa saya membuang sampah, lukisan itu masih ada. Saya lihat lukisan itu masih ada di tepi tong sampah. Saya ambil semula lukisan itu. Bila saya ambil semula lukisan itu, saya potong sedikit dan saya buat bingkai. Apabila siap bingkai lukisan, waktu itu saya ingat *curator* dari *Singapore Museum*, iaitu Constance Sheares inginkan lukisan itu dan membelinya untuk muzium.”

Pak Sarkasi masih ingat atau masih menyimpan hasil karya seni batik yang pertama Pak Sarkasi pernah hasilkan?

Tak ada. Sayang sekali saya tidak mengumpulkan karya-karya saya yang awal.

“Saya rasa paling mahal yang dihasilkan bukan harganya tapi pengalaman membuat lukisan tersebut.”

Pak Sarkasi ada catatan berapa jumlah hasil batik yang Pak Sarkasi hasilkan?

Itu juga tidak ada catatan. Tentang batik yang saya jual, saya masih ingat. Ingat-ingat lupa. Kalau dimulakan dari sekarang untuk mencatat kemungkinan

lukisan-lukisan yang dijual dua puluh atau tiga puluh tahun yang lalu, mungkin saya masih boleh ingat.

Hasil seni paling mahal yang pernah dihasilkan?

Saya rasa paling mahal yang dihasilkan bukan harganya tapi pengalaman membuat lukisan tersebut. Saya pernah melukis sebuah lukisan. Selesai melukis, saya tidak begitu suka dengan lukisan itu. Jadi saya buang lukisan itu di tong sampah. Tapi pada keesokan harinya, semasa saya membuang sampah, lukisan itu masih ada. Saya lihat lukisan itu masih ada di tepi tong sampah. Saya ambil semula lukisan itu. Bila saya ambil semula lukisan itu, saya potong sedikit dan saya buat bingkai. Apabila siap bingkai lukisan, waktu itu saya ingat *curator* dari *Singapore Museum*, iaitu Constance Sheares inginkan lukisan itu dan membelinya untuk muzium. Jadi itulah satu pengalaman

yang berharga dan merupakan harga lukisan yang tidak dapat saya lupakan. Sebabnya adalah kalau mahu dijual, saya rasa tidak ada orang yang hendak membelinya. Sebaliknya, jika ada orang mahu membelinya, tidak ada tara harganya.



Pak Sarkasi merasa puas dengan karya-karya yang dihasilkan?

Bagi saya, tidak ada karya yang dapat memuaskan hati saya. Secara keseluruhan saya tidak merasa puas kerana apabila sesebuah karya lukisan itu sudah siap, perasaan saya mengatakan bahawa lukisan itu mengandungi kekurangan.

Jadi setiap kali saya menyelesaikan sesebuah lukisan, setiap kali ada kekurangan. Jadi dengan adanya kekurangan itu membuatkan saya begitu gigih untuk menghasilkan karya yang lain dan cuba mengatasi kekurangan. Kekurangan yang saya rasakan itu berbeza-beza, bermacam-macam seperti dari segi coletan warna, lilin dan apabila lukisan baharu yang dihasilkan ada kekurangan, tidak ada satu kepuasan

yang mengatakan *this is a masterpiece*. Buat saya, masih belum ada kepuasan. Tidak tahu kalau-kalau pada masa depan akan timbul kepuasan selepas berkarya.

LUKISAN BATIK TERPANJANG – GUINNESS WORLD RECORDS (2003)

Ceritakan pengalaman Pak Sarkasi melukis batik terpanjang seratus tiga meter dan kemudian itu dimasukkan ke dalam Guinness World Records. Apakah yang mendorong Pak Sarkasi untuk melukis sepanjang seratus tiga meter itu?

Saya ingin batik itu dikenali di mana juga. Di pelosok mana sekalipun saya inginkan batik itu dikenali. Waktu itu satu cara saya mengenalkan batik adalah dengan membuat batik yang istimewa. Apakah jenis batik yang boleh dijadikan satu batik yang istimewa? Waktu itu saya masih bertenaga dan berpendapat kalau saya menghasilkan satu hasil karya batik yang besar ataupun panjang itu kemungkinan akan mendapat sambutan daripada masyarakat. Saya ambil keputusan untuk membuat lukisan itu di Singapore Expo. Dan kebetulan ada *sponsor* dan waktu itu Encik Syah Ibrahim, dia *sponsor* untuk siapkan kain, bingkai lukisan dan segala perkakasnya. Saya adakan pameran di ruang dan membuat lukisan yang terpanjang. Saya inginkan agar mereka kenal akan batik. Saya tidak tidur sepanjang lima hari lima malam.

“Apabila saya mahu menghasilkan sesebuah lukisan, saya akan ke Kebun Bunga ataupun *Botanic Garden* atau pergi ke hutan-hutan. Saya juga lebih senang melihat keadaan alam jadi saya lebih senang umpamanya duduk di tepi laut melihat gelombang memukul-mukul pantai. Biasanya saya juga pergi ke pergunungan dan di atas gunung saya bersendirian.”



Ada kamera, ada doktor dan ada segala macam orang yang semuanya menemani saya setiap hari, setiap malam untuk saya melukis. Saya ingat malam pertama itulah yang saya tidur selama lapan jam dan sesudah itu terus-menerus tidak tidur. Jadi kadang-kadang bila malam saya tertidur, tangan saya begini, orang rumah saya bilang dulu semasa membuat

lukisan yang terpanjang tidak tidur, sekarang tidur pun buat lukisan. Itulah, tapi sambutannya waktu itu sungguh luar biasa. Daripada laporan-laporan akhbar, semua itu nampak Alhamdulillah. Sampai sekarang saya tidak tahu di mana lukisan itu. Saya ada bawa lukisan itu kerana mahu mempamerkannya di Sumatra. Saya ada bawa lukisan itu ke Jepun tapi akhirnya entah di mana lukisan itu kini berada. Tapi kalau bagi saya, lukisan itu tidak hilang. Lukisan itu ada cuma saya tidak tahu di mana.

Bagaimana Pak Sarkasi mendapat ilham untuk setiap lukisan yang dihasilkan? Apakah tempat-tempat tertentu yang memberikan inspirasi atau ilham kepada Pak Sarkasi untuk berkarya?

Bagi saya biasanya masa dan tempat apabila saya mahu menghasilkan sesebuah lukisan, saya akan ke Kebun Bunga ataupun *Botanic Gardens* atau pergi ke hutan-hutan. Saya juga lebih senang melihat keadaan alam jadi saya lebih senang umpamanya duduk di tepi



CERTIFICATE

**The world's largest batik painting
measured 57.14 sq m
(103.9 m x 55 cm)
and was created by
Sarkasi Said (Singapore)
on 20 May 2003 at the
Singapore Expo Hall 6A, Singapore.**

Keeper of the Records
GUINNESS WORLD RECORDS LTD

© GUINNESS WORLD RECORDS LTD 2003. THIS CERTIFICATE DOES NOT REQUIRE ANY ENTRY FEE AND IS NOT FOR SALE. IT IS THE PROPERTY OF GUINNESS WORLD RECORDS LTD AND MUST NOT BE REPRODUCED WITHOUT PRIOR WRITTEN PERMISSION OF GUINNESS WORLD RECORDS LTD.
www.guinnessworldrecords.com

laut melihat ombak memukul-mukul pantai. Biasanya saya juga pergi ke pergunungan dan di atas gunung saya bersendirian. Pada waktu malam saya berada di atas gunung. Ada orang bilang saya pergi bertapa. Saya tidak bertapa cuma merasakan udaranya, keadaannya, rasa dingin dan sejuknya berada di atas gunung. Jadi perkara begitu memberikan semacam satu tenaga di dalam badan saya. Waktu itu ada kalanya saya akan terus balik. Kalau baik ke rumah saya akan buat di rumah. Kalau di tempat studio-studio tertentu saya akan ke studio tertentu untuk menghasilkan karya lukisan

secara spontan. Semasa membuat lukisan secara spontan ini, saya akan renjis-renjiskan warnanya di atas kain, secara spontan. Setelah itu baru saya cuba menerapkan tadi sari-sari dalam *design* itu, dalam lukisan itu.

Adakah Pak Sarkasi membawa buku kecil untuk mencatat idea atau melakar semasa mengembara?

Saya tidak membawa buku kecil untuk tujuan itu. Kalau pun ada hanya sementara mungkin satu bulan begitu tetapi akhirnya buku itu entah pergi ke mana saya pun tidak tahu.





Bahagian 3





Budaya

“Batik itu satu budaya yang boleh
disematkan dan disemai dari
awal-awal lagi.”

MASA HADAPAN BATIK

Pak Sarkasi bersekolah setengah jalan dan kemudian menjalankan kerja seni sepenuh masa pada usia yang muda. Kalau mengenang kembali keputusan yang telah Pak Sarkasi lakukan, adakah Pak Sarkasi akan mencari jalan lain agaknya sekarang ini?

Kalau dari segi kerjaya memang tidak ada jalan lain. Tapi kalau dalam penghasilan itu saya akan terus mencari seperti sebuah jambatan agar ada kesinambungan dan meneruskan perjalanan saya sebagai seorang seniman, seorang pelukis. Ada banyak cabang yang boleh diketengahkan dan dikembangkan. Selain daripada bahan, juga teknik. Dengan adanya kemudahan IT sekarang, pasti ada teknik-teknik baharu yang boleh diusahakan.

Kalau dulunya kita hanya membuat batik di atas kain. Kini, kita boleh membuat batik di atas batu, logam dan banyak lagi. Itu semua cuma bahan. Namun teknik untuk menghasilkannya itu harus dikembangkan oleh si pelukis itu sendiri. Lukisan itu tidak hanya sekadar teknik tetapi lebih daripada

itu termasuk dari segi *philosophy* dan infrastrukturnya. Itulah antara ciri-ciri yang dapat kita kembangkan dalam seni batik.

Sebagai seorang pelukis dan penggiat seni yang membina keupayaan secara pengamatan dan penelitian tentang alam untuk menjadi pelukis batik yang mahir, adakah Pak Sarkasi rasa seorang pelukis itu harus mengikuti latihan di institut seni lukis?

Seorang pelukis perlu mengikuti latihan di institut seni lukis. Sejak kebelakangan ini, saya perhatikan ramai pelukis batik hanya mengutamakan dari segi teknik. Umpamanya pelukis itu hanya mengajar cara membuat batik tetapi dia tidak mengajar bagaimana hendak mengenal batik. Kerana batik itu adalah satu keunikan kebudayaan orang-orang kita sejak dari mula pembuatan hingga kepada terciptanya hasil karya batik. Tapi kebanyakan pelukis sekarang, mereka mengajar cara membuat batik. Namun mereka tidak mengajar contohnya fungsi batik yang bermacam-macam.

Seperti yang saya jelaskan, batik itu merupakan suatu kebudayaan dan

“Seorang pelukis perlu mengikuti latihan di institut seni lukis. Sejak kebelakangan ini, saya perhatikan ramai pelukis batik hanya mengutamakan dari segi teknik. Umpamanya pelukis itu hanya mengajar cara membuat batik tetapi dia tidak mengajar bagaimana hendak mengenal batik.”

“Ada lukisan batik yang dihasilkan dan ditemui di makam-makam orang yang dahulu. Teknik membatik yang menggunakan lilin sebagai pemisah sudah ditemui di makam yang berumur ribuan tahun yang lalu. Ini bererti, seni batik telah bermula sejak ribuan tahun hingga sekarang.”

kebudayaan ini sudah wujud beratus tahun. Menurut sebuah buku yang saya baca, batik telah wujud sejak ribuan tahun yang lalu.

Ada lukisan batik yang dihasilkan dan ditemui di makam-makam orang yang dahulu. Teknik membatik yang menggunakan lilin sebagai pemisah sudah ditemui di makam yang berumur ribuan tahun yang lalu. Ini bererti, seni batik telah bermula sejak ribuan tahun hingga sekarang. Namun malangnya batik tidak berkembang sebagaimana yang seharusnya. Tidak ada usaha untuk memperkembangkan seni batik. Seni batik umpamanya menyepi hingga ke tahun-tahun 50-an barulah timbul atau muncul pembuatan batik. Perkara ini sebenarnya amat merugikan kita dari segi perkembangan batik. Oleh sebab itulah kalau boleh kita kembalikan nostalgia dan cuba mengembalikan keanggunan dan kegemilangan batik seperti suatu masa dahulu.

Secara peribadi, adakah Pak Sarkasi telah mencapai apa yang dicita-citakan sejak mula melukis batik?

Saya telah dapat melakukan apa yang saya inginkan sejak kecil lagi. Jika dari

segi segi pencapaian, saya tidak tahu lagi kerana saya belum berasa puas dengan hasil kerja dan karya yang saya hasilkan.

Saya bersyukur sebab telah melalui ranjau-ranjau kehidupan termasuk pelbagai pengalaman sebagai seorang pelukis. Saya rasa perjalanan ini jauh. Kalau hendak dikatakan bahawa saya telah mencapai sesuatu, saya rasa saya tidak pernah mencapai apa-apa. Namun setiap perkara yang dihasilkan menguatkan saya untuk terus berkerja sampai setakat mana yang saya mampu hingga ke hari ini.

Pak Sarkasi puas hati dengan apa yang telah dilalui dan dicapai sejauh ini?

Saya merasa puas hati dan amat berterima kasih atas kesejahteraan dan keupayaan melakukan apa yang telah saya inginkan. Saya merasa puas hati tentang itu, ya.

Apakah sumbangan Pak Sarkasi dalam membina dan melestarikan kesenian batik di Singapura?

Usaha yang saya lakukan tidak pernah putus dan itulah yang saya rasakan

sebagai satu sumbangan yang saya berikan kepada kesenian batik di Singapura. Saya terus berusaha untuk memberikan yang terbaik kepada para peminat batik. Sebagai pelukis batik, saya juga memberikan perangsang kepada mereka. Sebenarnya ada banyak perkara yang telah dicapai. Contohnya di Amerika, ada seorang murid saya yang telah menjadi seorang pelukis profesional setelah mengikuti *workshop* yang saya jalankan. Perkara seperti itulah yang saya inginkan supaya saya terus bertenaga hingga sampai bila-bila untuk meneruskan perjuangan supaya batik akan terus diminat dan dikenal oleh masyarakat umum.

“**Saya bersyukur sebab telah melalui ranjau-
ranjau kehidupan
termasuk pelbagai
pengalaman sebagai
seorang pelukis. Saya
rasa perjalanan ini
jauh.**”

Belanda menjajah Indonesia lebih dari tiga ratus tahun tetapi kita tidak lihat pengaruh batik dan juga pelibatan pelukis-pelukis dari Belanda secara aktif dalam batik. Boleh kongsi pandangan Pak Sarkasi tentang hal ini?

Hal ini berlaku mungkin sebab teknik membatik tidak ditonjolkan sebagai satu teknik yang boleh menghasilkan

karya seni halus. Sekarang memang sudah ada pelukis-pelukis dari German dan dari Belanda yang menggunakan teknik batik malahan mungkin lebih tahu tentang perkembangan batik itu sendiri. Cuma mungkin jumlahnya tidak begitu ramai. Tapi Alhamdulillah, biarpun begitu, di sekolah-sekolah di Belanda sudah mula diadakan kelas-kelas batik seperti di German. Perkembangan ini berlaku tidak hanya di Belanda, tetapi telah berkembang ke daerah-daerah lain untuk menghasilkan batik. Jadi di institusi di luar negara sudah ada usaha untuk mula mengembangkan dan mengajar orang-orang dari Belanda dan German untuk melukis batik di institusi-institusi dan juga di universiti. Hal yang serupa juga berlaku di Asia umpamanya di Taiwan sudah ada kelas-kelas batik. Di Taiwan sudah ada beberapa beberapa universiti yang telah mengadakan kelas-kelas batik.

Pak Sarkasi pernah diundang oleh institusi-institusi dari luar negara untuk mengajar para pelajar mereka?

Saya pernah diundang termasuklah dari negara Australia, di Curtin University. Saya diundang selaku *resident artist* dan juga untuk mengadakan *workshop* atau bengkel untuk mengajar pelukis-pelukis mengenai teknik batik ini. Selain daripada itu saya pernah mengadakan kelas di Belgium dan diundang untuk mengadakan *workshop* atau bengkel.

Adakah Pak Sarkasi masih berhubungan dengan institusi-institusi ini?

Saya tidak pula berhubungan dengan

institusi-institusi itu lagi. Namun begitu ada kalanya mereka ada menghubungi saya tetapi biasanya saya tidak menjawab atau memberikan maklum balas terhadap usaha mereka itu. Mungkin sekarang ini dengan adanya Internet, mereka dapat melihat perkembangan tentang diri saya sama ada saya masih melukis lagi atau pun tidak.

“Institusi di luar negara sudah ada usaha untuk mula mengembangkan dan mengajar orang-orang dari Belanda dan German untuk melukis batik di institusi-institusi dan juga di universiti.”

ANUGERAH

Kerana ketekunan, iltizam dan minat Pak Sarkasi yang mendalam terhadap seni batik, hasil karya dan sumbangan Pak Sarkasi diiktiraf. Pak Sarkasi mendapat banyak anugerah. Anugerah manakah yang paling terkesan pada jiwa Pak Sarkasi?

Anugerah yang terkesan kepada saya ialah anugerah yang diberikan oleh Berita Harian. Ia memberikan kesan kepada saya kerana Berita Harian telah memberikan anugerah tersebut atas dasar setiap pelibatan saya dalam seni batik yang membawa kepada pelibatan saya kepada masyarakat. Perkara itulah

yang membuatkan saya amat terkesan dengan anugerah tersebut.

Pak Sarkasi belum lagi menerima *Cultural Medallion Award* walaupun telah memberikan sumbangan yang besar dan meluas kepada masyarakat baik di dalam atau pun di luar negara. Apa perasaan Pak Sarkasi mengenai hal ini?

Saya rasa mungkin disebabkan juga oleh pencapaian saya. Saya sendiri pernah duduk di dalam *board of members* dan menilai karya-karya yang boleh diketengahkan atau dicalonkan untuk anugerah *Cultural Medallion Award*. Buat saya, itu bukanlah satu matlamat saya. Matlamat saya adalah untuk saya meneruskan usaha supaya batik ini akan kembali kepada zaman kegemilangannya.

“Buat saya, itu bukanlah satu matlamat saya. Matlamat saya adalah untuk saya meneruskan usaha supaya batik ini akan kembali kepada zaman kegemilangannya.”

Sebagai seorang pelukis yang dikenali sebagai *Baron of Batik* atau ringkasnya bangsawan batik, apa rancangan Pak Sarkasi untuk jangka masa yang terdekat ini?

Saya ingin menghasilkan karya



menggunakan batik di atas kayu. Ini masih di dalam benak saya dan saya sedang mencari tahu akan pendekatan yang akan saya lakukan. Perkara ini masih belum saya fikirkan sedalam-dalamnya. Saya rasa itu ialah satu di antara usaha untuk mengembalikan seni batik kepada kehidupan supaya seni batik mendapat tempat dalam kehidupan masyarakat kini. Jadi kalau kita melihat tentang kayu, ia bukan sekadar satu bahan bakar tetapi boleh juga dijadikan sebagai bahan kitar semula atau *recycle*. Diharapkan agar usaha sebegini akan dapat membuka minda pelukis lain supaya mampu menghasilkan karya yang lain daripada biasa.

Pak Sarkasi aktif memberikan sumbangan kepada pertubuhan-pertubuhan dan melakukan kerja sukarela. Namun Pak Sarkasi tidak bertindak sebagai ketua pertubuhan misalnya APAD. Mengapakah Pak Sarkasi mengehendkan diri untuk tidak bergerak cergas atau aktif dalam pertubuhan itu.

Sebagai seorang pelukis sepenuh masa saya tidak dapat memberikan waktu saya pada persatuan yang memerlukan lebih daripada apa yang saya mampu lakukan. Walaupun saya membantu dalam banyak bidang seperti membantu mengadakan pameran di *Modern Arts Society*, saya sendiri tidak mahukan pelibatan saya dalam persatuan mengambil waktu saya untuk menghasilkan karya. Jadi itulah sebabnya mengapa saya tidak melibatkan diri secara aktif dalam

persatuan. Biarlah orang lain yang menerajui persatuan. Mereka berkerja tetap dan ada *pay package* di hujung bulan. Saya tidak ada *pay package* jadi waktu saya terhad untuk membantu secara aktif dalam persatuan.

“Saya ingin menghasilkan karya menggunakan batik di atas kayu. Ini masih di dalam benak saya dan saya sedang mencari tahu akan pendekatan yang akan saya lakukan. Perkara ini masih belum saya fikirkan sedalam-dalamnya.”

Boleh ceritakan kepada kami, apakah kerja-kerja sukarela yang Pak Sarkasi lakukan?

Kerja sukarela yang saya lakukan begitu banyak dan saya lakukan sejak dulu sekali. Kalau dulu ada kerja-kerja sukarela yang saya lakukan di *Community Centre*. Saya telah melakukan banyak kerja sukarela di *Community Centre* dengan membantu mereka mengadakan aktiviti-aktiviti dan juga di sekolah-sekolah. Saya telah banyak juga memberikan khidmat saya kepada sekolah-sekolah di Singapura.

Apakah pandangan Pak Sarkasi terhadap masyarakat Melayu Islam

di Singapura khususnya tentang pelibatan mereka di dalam bidang kesenian, khususnya batik?

Masyarakat Melayu peka tentang wujudnya satu kebudayaan yang anggun dalam masyarakat kita termasuklah dari segi tatasusila dan tatatertib yang kita lakukan. Dalam masyarakat kita, merendah diri dan menghormati orang tua ialah satu kebudayaan yang begitu unik. Buat saya membudayakan perkara ini adalah suatu perkara yang seharusnya kita pupuk, pelajari dan ajarkan supaya nilai-nilai budaya ini akan terus dihayati dan diamalkan agar masyarakat Melayu mempunyai nilai kebudayaan yang tinggi. Terutamanya rasa hormat pada orang tua. Apabila kita menghormati orang tua, itu tidak bererti kita orang yang lemah. Kita menghormati kerana perkara itu budaya kita. Kalau dulu kita tidak berjalan di hadapan orang tua. Kita selalunya menghindari daripada berjalan di hadapan orang tua kita. Itu ialah satu ciri kebudayaan. Jadi, kita harus terus mengekalkan nilai kebudayaan kita. Apabila kita mampu menilai ketinggian dan keanggunan nilai budaya kita sendiri, barulah kita dapat menempatkan batik di tempat yang sesuai dalam kalangan khalayak ramai.

BATIK DAN JATI DIRI MELAYU

Jadi apakah yang kita harus lakukan untuk memastikan batik ini akan terus menjadi sebahagian dari kehidupan kita sebagai orang Melayu Singapura?

Mudah-mudahan, *Insyallah* ada penganjur-penganjur yang ingin menganjurkan berbagai-bagai aktiviti untuk mendekatkan batik kepada masyarakat. Ini merupakan perkara yang utama kerana dengan adanya aktiviti-aktiviti sedemikian rupa kita dapat menanamkan nilai-nilai yang kita harapkan kepada masyarakat. Penganjuran berbagai-bagai aktiviti kebudayaan termasuk pameran seni batik akan menunjukkan penghargaan kita kepada nilai-nilai budaya-budaya Melayu yang anggun dan indah yang wujud dalam alam Melayu.

“Masyarakat Melayu peka tentang wujudnya satu kebudayaan yang anggun dalam masyarakat kita termasuklah dari segi tatasusila dan tatatertib yang kita lakukan. Dalam masyarakat kita, merendah diri dan menghormati orang tua ialah satu kebudayaan yang begitu unik.”













Apakah harapan Pak Sarkasi sebagai seorang pelukis batik tersohor di Singapura mengenai batik?

Harapan saya adalah supaya kita mampu membangun rumah batik atau galeri batik ataupun muzium batik. Biarpun kita di Singapura bukanlah terdiri daripada masyarakat yang membuat batik, tetapi kita telah memainkan peranan yang begitu penting dalam mengembangkan batik. Sebagai sebuah negara yang menjadi tumpuan para pedagang sejak zaman-zaman dulu sehingga sekarang, Singapura sebenarnya turut memainkan peranan untuk mengenalkan batik kepada dunia. Contohnya, biarpun batik asalnya dibuat dari seberang, batik itu kemudiannya akan dibawa ke Singapura sebelum ia dibawa pula ke negara-negara lain. Bagaimana batik boleh berkembang di Jepun? Bagaimana batik boleh berkembang di Eropah? Bagaimana batik boleh berkembang di Amerika? Sebenarnya perkara ini berlaku disebabkan antaranya oleh usaha Singapura. *But we are not*, namun kita bukanlah batik *oriented*.

Jadi dengan sendirinya, kalau kita ada galeri ataupun muzium batik yang menonjolkan bukan hanya pelukis batik tapi keterkaitan kita dengan perkembangan batik itu sendiri, itu sangat penting. Sekiranya Singapura tidak mengenal apa itu batik bagaimana mungkin Singapura berupaya untuk memperkenalkan dan membawa batik ke persada dunia? Ini bererti kita harus tahu

dan kenal akan keindahan dan keunikan batik barulah kita boleh menjual hasil karya batik itu. Saya rasa dari segi keupayaan kita untuk mengenal batik dan nilainya semakin menurun. Harga batik sama nilainya dengan harga emas. Pada tahun tujuh puluhan atau awal lapan puluhan, kain batik masih boleh digunakan sebagai barang yang boleh dipajak dan digadai.

Jika kain batik boleh dipajak gadai ini bererti nilainya sama dengan emas. Sebaliknya kita juga tahu bahawa di kedai-kedai pajak gadai, tidak ada pekerja Melayu melainkan pekerja berbangsa Cina semuanya. Ini bermakna orang Cina ialah pedagang yang unggul dan ulung kerana dia tahu tentang masa depan, tentang nilai dan harga batik.

“Dari sinilah kita menyedari bahawa sekiranya kita tidak kenal, tidak mahu tahu dan tidak mampu menilai batik dan harganya, kesempatan dan peluang kita akan merosot.”

Jadi batik-batik yang pernah dipajak oleh keluarga kita, oleh makcik kita atau nenek kita dahulu itu mungkin kini harganya sudah mencapai puluhan ribu dolar dan kini kita tidak boleh

lagi mendapatkan kembali batik-batik tersebut. Batik-batik itu yang sekarang banyak dipamerkan di muzium-muzium batik di seluruh dunia termasuk muzium batik di Jepun dan muzium batik di Belanda, mereka mempunyai koleksi-koleksi batik tersebut. Sayangnya, kita sendiri tidak mempunyai koleksi batik-batik lama yang unik dan mahal harganya. Umpamanya koleksi batik yang kita pernah dengar iaitu koleksi Batik Pagi Sore. Jika sekarang kita hendak beli Batik Pagi Sore amat susah. Hanya orang-orang yang tahu dan melihat ke masa depan sahaja yang mahu berdagang batik kerana mereka tahu bahawa perdagangan batik amat cerah pada masa hadapan. Kalau di Singapura kita lihat adanya penjualan batik di tempat yang dipanggil *House of Dean*. Harga batik yang dijual di situ boleh mencecah sampai lapan ribu atau sembilan ribu dolar. Sedangkan harga asal batik-batik itu tidak sampai satu

ratus dolar. Dari sinilah kita menyedari bahawa sekiranya kita tidak kenal, tidak mahu tahu dan tidak mampu menilai batik dan harganya, kesempatan dan peluang kita akan merosot.

Saya berharap sangat kalau perkara ini dapat dipertingkatkan dengan adanya pembinaan rumah-rumah batik. Sekiranya tidak dipanggil muzium batik atau rumah batik pun tidak mengapa. Asal sahaja kita mampu mengadakan satu pameran yang khusus supaya kita ada koleksi batik walaupun tidak memiliki semuanya, mulakanlah dengan satu koleksi batik dahulu dan akhirnya ia akan berkembang. Mungkin masih ramai orang kita yang ada menyimpan batik-batik lama tetapi mereka hanya menyimpannya sahaja. Saya yakin ada di antara mereka yang sanggup untuk mendermakan batik-batik itu supaya dapat kita jadikan sebagai satu koleksi batik. Dari situ, kita boleh meningkatkan



usaha ke peringkat yang lebih tinggi untuk mengenal dan menghargai batik.

Nasihat Pak Sarkasi untuk generasi muda kita?

Dekat-dekatkanlah diri dengan batik. Batik ialah kebudayaan kita yang murni dan tinggi nilainya. Jangan lupa bahawa budaya kita bukan hanya untuk budaya orang yang sudah lanjut usia. Batik itu satu budaya yang boleh disematkan dan disemai dari awal-awal lagi.

Umpamanya, kita boleh mulakan dengan memakai atau menggunakan baju batik. Perkara ini tidak perlu dipaksakan. Galakkan masyarakat untuk memakai batik. Jadi apabila ada orang yang nampak atau melihat si “A” memakai batik pada hari tertentu, orang akan mula kenal akan batik. Mungkin ada orang akan meniru untuk memakai batik dan usaha ini akan mendekatkan masyarakat kepada batik. Dengan sendirinya nanti kita akan mula mengenal pola-polanya, *design*nya, coraknya dan yang lain-lain. Kesedaran

tentang batik akan meningkat. Jadi itulah saya harapkan.

“Batik itu satu budaya yang boleh disematkan dan disemai dari awal-awal lagi.”

Siapakah yang boleh menggantikan tempat Pak Sarkasi Said sebagai pelukis tersohor batik Singapura?

Saya mengharapkan Tumadi biarpun anak-anak saya juga meminati batik. Tumadi sudah lebih lama terlibat dengan seni batik. Tumadi selalu ingin tahu dan dia telah ke Indonesia untuk mencari dan mendapatkan idea-idea baharu. Pada pendapat saya, dia menunjukkan satu kemahuan dan minat yang mendalam tentang batik. Saya pasti dengan adanya kemahuan dan minat yang mendalam, dia akan berkembang. Saya benar-benar berharap Tumadi akan meneruskan apa yang dia lakukan mengenai pelibatangnya dengan batik.

“Saya berharap sangat kalau perkara ini dapat dipertingkatkan dengan pembinaan rumah-rumah batik. Sekiranya tidak dipanggil muzium batik atau rumah batik pun tidak mengapa. Asal sahaja kita mampu mengadakan satu pameran yang khusus supaya kita ada koleksi batik walaupun tidak memiliki semuanya, mulakanlah dengan satu koleksi batik dahulu dan akhirnya ia akan berkembang.”

Pusat Bahasa Melayu Singapura mengucapkan terima kasih kepada Pak Sarkasi Said kerana sudi diwawancara.



Anugerah IBM Art Award 1990 (Merit)

Bersama
Pemimpin
Negara

















Dear Pak Sarkasi

Thank you for the beautiful batik
PM and Mrs Lee likes it. PM wore it for the launch of the Singapore Bicentennial.

Here is a photo from the event with PM in your batik

With warm regards,
Li Lin PMO

With Compliments from
Prime Minister Lee Hsien Loong

Surat daripada Pejabat Perdana Menteri Singapura, mengucapkan terima kasih atas sumbangan Sarkasi Said, Februari 2019

Bicara Budiman *Sesi Wawancara*













Jejak Seni Sarkasi Said

Nama: Sarkasi Bin Said (TZEE)

Tarikh lahir: 27 Mac 1940

Kerjaya: Pelukis sepenuh masa

Nama Pena

- Tzee
- Yang Tzee Kiang

Anggota Keluarga

Datuk: Haji Mukayat

Nenek: Puan Suriati

Bapa: Said bin Haji Abdul Razak and

Ibu: Hajjah Suminah Sarpan

Isteri: Hajjah Salamah Ahmad

Anak-anak: Ika Zahri, Ilya Zahri, Indra Zahri, dan Imelda Zahri

Pendidikan

1946-1951

1. Sekolah Rendah Melayu Tanglin Tinggi
2. Madrasah Aljunied Al-Islamiah
3. Sekolah Rendah Duchess

1952-1956

Sekolah Menengah Beatty

Kerjaya sebagai Pelukis

1956

Mula menjual lukisan di kawasan Barley dan Gilstead, Singapura

1970

Menubuhkan syarikat Tzee Creation

Menyertai peraduan melukis anggerik dalam peraduan *National Trades Union Singapore Dress Design*

1973

Pameran pertama

1993

Mula menganjurkan bengkel di pusat pemulihan dadah di Khalsa Rehabilitation Centre. Seorang daripada bekas pelajar beliau mengadakan pameran pertamanya pada bulan November, 2018

Anugerah

1. 1974: Gold Medal APAD (Association of Artists of Various Resources)
2. 1981: Best Foreign Entry Sarasota Art Society USA, 1981
3. 1982: IBM Singapore Art Award
4. 1989: 1st Prize Abstract Category 8th UOB Painting of Year Exhibition
5. 1990: Highly Commended (Award of Merit) 9th UOB Painting of the Year
6. 1990: Highly Commended IBM Art Award
7. 2003: World Guinness Book of Record for the world's longest batik painting, measuring almost 104 metre
8. 2005: Special Recognition Award (MICA)
9. 2015: Pioneer Generation Achiever Awards, Tokoh Budaya dan Seni Melayu/ Islam Generasi Perintis, Berita Harian, Singapore

Perlantikan

1. Board of Singapore Art Museum, 1992-1998
2. Socio-Culture Committee, MENDAKI, 1992-1998
3. Art Resource Panel, National Art Council, 1992-1998
4. Malay Museum Committee, Kg Ubi CC, 1992-1995
5. Singapore Modern Art Society, 1995-1998

Pameran solo

1. 1973: Miniature Baik Exhibition, Singapore
2. 1974: Instant Singapore Exhibition, Singapore
3. 1975: Landscape Exhibition, Singapore
4. 1976: Big and Bold, National Museum, Singapore
5. 1978: Contemporary Batik, New Zealand
6. 1979: Batik, National Museum, Singapore
7. 1982: Batik, Sarasota Art Centre, USA
8. 1989: Art, Singapore Batik, National Museum, Brunei Darussalam
9. 1990: Introspection, National Museum, Singapore
10. 1992: Batik, Arya Duta, Indonesia
11. 1993: Lyrics In Wax, Sarawak, Malaysia Batik, Hawaii, USA

- 
12. 1996: Flowers and Fantasy, Hawaii,
 13. 1996: USA Batik Alegria Gallery,
 14. 1996: Philippines Vision 2000, Manila Hotel, Philippines
 15. 2002: Black and White Sketches, Singapore
 16. 2003: Longest Batik Painting, Singapore

Pameran Berkumpulan

1. 1972: Exhibition with two German Artists, Singapore
2. 1973: Exhibition of Modern Sketches, Singapore
3. 1974: International Festival of Art, Singapore
4. 1974: National Library, Singapore
5. 1974: National Day Art Exhibition, Singapore
6. 1975: The Chinese Chambers of Commerce, Singapore
7. 1976: Indonesia/Singapore Batik Exhibition, Singapore
8. 1976: The Malay Art Gallery, Singapore
9. 1976: National Day Art Exhibition, Singapore
10. 1976: Modern Art Exhibition, Thailand
11. 1977: Large Painting, National Museum, Singapore
12. 1977: Festival of Art, Singapore
13. 1977: National Day Art Exhibition, Singapore
14. 1977: Ming Court Hotel, Singapore
15. 1978: Whakatane Art Society Exhibition, New Zealand
16. 1978: Anniversary Art Exhibition Singapore
17. 1978: The Fine Art Gallery, Singapore
18. 1979: The Indonesian Batik Centre, Singapore
19. 1980: The British Council, Malaysia
20. 1980: Anniversary Art Exhibition, Singapore
21. 1980: Batik Painting Exhibition, Singapore
22. 1981: Sarasota Art Society Annual Exhibition, USA
23. 1981: The Conference Hall, Singapore
24. 1982: The Whatakatane Art Centre, New Zealand
25. 1987: National Museum Centenary Exhibition, Singapore
26. 1988: Japan Art Exhibition, Yokohama, Kobe, Sapporo, Japan
27. 1988: IBM Art Award Exhibition, Singapore
28. 1988: Second Decade Masterpieces from private collection, Singapore
29. 1988: French Bicentennial Art Exhibition, France
30. 1989: New York Art Expo, Jacob, Javits Convention Centre, USA
31. 1989: UOB Art Exhibition, Singapore
32. 1989: Art on Textile, International Convention Centre, Brunei Darussalam
33. 1989: UNESCO Building Auditorium, Paris, France

34. 1989: National Museum, Brunei Darussalam
35. 1990: Leader in Art Exhibition, Singapore
36. 1990: IBM Art Award, Singapore
37. 1990: UOB Art Award Exhibition, Singapore
38. 1990: Bru-Sin Art Exhibition, Brunei Darussalam
39. 1991: First Mendaki Charity Art Exhibition, Singapore
40. 1991: Second Asean Travelling Exhibition of Painting, Photograph and Children Art, Asean Countries
41. 1991: New York Art Expo, USA
42. 1991: Defence Art Exhibition, Singapore
43. 1991: 33 Art Exhibition, Kuala Lumpur, Malaysia
44. 1991: Artist Directory Art Exhibition, Singapore
45. 1991: Artist Speaks Art Exhibition, Singapore
46. 1991: 6th Asean International Art Exhibition, Singapore
47. 1991: Intropection one man Exhition, Malaysia
48. 1991: Exhibition of Sketches, Malaysia
49. 1992: New York Art Expo, USA
50. 1992: World Expo, Saville, Spain
51. 1992: Pearl of Orient Art Exhibition, Hong Kong
52. 1992: National Kidney Foundation, Singapore
53. 1992: Art Exhibition, Indonesia
54. 1992: Art in Asia Exhibition, Singapore
55. 1992: 7th Asean International, Indonesia
56. 1992: CitiPlaza, Hong Kong
57. 1993: Art in Asia Exhibition, Singapore
58. 1994: 9th Asia International Art Exhibition, Taiwan
59. 1994: Philippines Invitation Art Exhibition, Malaysia
60. 1994: Mega Guhit At Kulay Art Exhibition, Singapore
61. 1994: Festival of Arts, Hong Kong
62. 1994: Modern Art Society Annual Exhibition, Singapore
63. 1995: Singapore Art 95, Singapore
64. 1995: 10th Asian International Art Exhibition, Singapore
65. 1995: Asean Art Workshop Symposium on Aesthetics Exhibition, Singapore
66. 1996: Calligraphy Art Exhibition, Singapore
67. 1996: Modern Art Society Annual Exhibition, Singapore
68. 1997: Association of Muslim Professionals Charity Art Exhibition, Singapore

Demonstrasi dan Syarahan

1. Singapore, Baharuddin Vocational Institution
2. Singapore, Institute of Education

- 
3. Singapore, National Museum
 4. Singapore, National University of Singapore
 5. Singapore, Drug Rehabilitation Centre
 6. Australia, Curtin University, Perth
 7. Brunei Darussalam, Art Centre
 8. Hong Kong, Festival of Arts
 9. New Zealand, Finishing Touch Gallery, Auckland
 10. Spain, World Expo, Saville
 11. USA, Mauna Lani Art Centre, Hawaii
 12. Indonesia Batik Centre
 13. National Library Singapore
 14. Far Eastern Academy Singapore

Koleksi Umum dan Peribadi

1. His Majesty Sultan Bolkiah of Brunei Darussalam
2. His Majesty King Carl Gustav XVI and Queen of Sweden
3. His Majesty King Harld and Queen Sonja of Norway
4. Her Royal Highness Sultanah of Johore, Malaysia
5. Her Royal Highness Raja Isteri, Brunei Darussalam
6. Her Royal Highness, Pengiran Isteri Hajjah Mariam Binti Haji Abdul Azia of Brunei Darussalam
7. Her Royal Highness Queen of Jordan
8. HE Late President Ong Teng Cheong of Singapore
9. HE Former President Wee Kim Wee of Singapore
10. HE Former Fidel Ramos of the Philippines
11. HE President Martti Ahtsaari and First Lady of Finland
12. HE Prime Minister Dr Mahathir Mohammad of Malaysia
13. HE Former Premier Lien Chan of Taiwan
14. HE Mr Erwin Teufel Premier of Baden-Wurttemberg, Germany
15. HE Former Governor Tommy Thomson of Westconsin, USA
16. HE Governor Mayor Eberhard Diepgen of Berlin, Germany
17. HE Mr Edward Lee, Ambassador of Singapore to Indonesia
18. HE Mr S R Nathan, President of Singapore
19. Honourable Mr Abdullah Tarmugi, Speaker of Parliament Singapore
20. Honourable Mr Wong Kan Seng, Minister for Home Affairs, Singapore
21. Ybh Tan Sri Abdul Rahim Thamby, former Chief Minister of Malacca
22. Honourable Mr Yatiman Yusof, Senior Parliamentary Secretary, Ministry of Information and the Arts
23. Honourable Mr Hawazi Daipi, MP of Sembawang, Parliamentary Secretary, Ministry of Education, Singapore

24. Honourable Mr Ahmad Magad, MP of Pasir Ris GRC
25. National Museum, Singapore
26. National Museum, Brunei Darussalam
27. National Arts Gallery, Malaysia
28. United Overseas Bank, Singapore
29. Trans Link, Singapore
30. Institute of Education, Singapore
31. Chung Khiaw Bank, Malaysia
32. Yayasan Mendaki, Singapore
33. SCORE, Singapore
34. CISCO, Singapore
35. Singapore General Hospital
36. National University Hospital, Singapore
37. KK Women's and Children's Hospital, Singapore

Tajaan Singapore Airlines

America	Los Angeles Airport San Francisco Airport
Australia	Perth Airport, Melbourne Airport Sydney Airport
Germany	Frankfurt Airport
Holland	Amsterdam Airport
Hong Kong	Hong Kong Airport, Hong Kong Music Office
Japan	Tokyo, Narita Airport and Osaka
New Zealand	Auckland Airport
Singapore	Singapore International Airport Terminal 1
Thailand	Bangkok Don Muang Airport
United Kingdom	London Heathrow Airport

Buku

1. Sarkasi Tzee, diterbitkan oleh National Arts Council
2. Mother and Child. Preview Exhibition of Sarkasi Said's Mother and Child South East Asia Tour. Diterbitkan bersama oleh National Arts Council, Lee Foundation, IMG Promotion, HARA, Pusaka Karuhun Cultural Heritage Association
3. Lyrics in Wax art of Sarkasi Said Tzee, diterbitkan oleh National Arts Council,

Lee Foundation, Tzee Creation Pte Ltd dan MENDAKI (1997)

4. TZEE-TROPECTION a decade of Sarkasi Said, 30 March – 18 April 2005. Diterbitkan oleh The Arts House, Crocodile International dan Official Free Card Media (2005)
5. Memory Back and White Sketches of Sarkasi Said Tzee, diterbitkan oleh National Arts Council, Lee Foundation, Modern Art Society, Majlis Pusat dan Baoyou (S) Pte Ltd
6. "... ALWAYS MOVING" The Batik Art of Sarkasi Said, diterbitkan oleh NUS Museum (2017)

Sumbangan lain kepada masyarakat

1. Sarkasi Said giat melakukan kerja-kerja kemasyarakatan termasuklah melakukan demonstrasi dan mengajar batik di sekolah-sekolah di Singapura dan pusat-pusat pengajian tinggi.
2. Sarkasi Said juga giat menyumbang di peringkat akar umbi dengan melakukan kerja-kerja kemasyarakatan di kelab-kelab masyarakat di Singapura dan badan-badan kemasyarakatan seperti di Jamiyah Singapura.
3. Selain itu, Sarkasi Said giat melukis batik bermotifkan Singapura sempena Perayaan Hari Kebangsaan Singapura dan rekaan beliau digunakan oleh para pemimpin negara termasuklah Perdana Menteri Singapura dan pemimpin Singapura yang lain.

Junjungan Budi

Teristimewa kepada ...

Encik Sarkasi Said dan ahli keluarga yang telah memberikan keizinan bagi penerbitan video dan buku ini; dan

Para individu serta organisasi yang terlibat secara langsung atau pun tidak dalam menjayakan projek Bicara Budiman: Sarkasi Said.

Catatan:

Tujuan penerbitan buku ini adalah untuk tujuan pendidikan. Bahan-bahan yang disertakan dalam buku ini merupakan hasil karya Sarkasi Said. Pengumpulan bahan mengenai Sarkasi Said diambil daripada pelbagai sumber termasuklah gambar-gambar peribadi Sarkasi Said dan keluarga, artifak-artifak milik Sarkasi Said seperti lukisan batik, lakaran-lakaran lukisan, buku-buku pameran dan risalah-risalah berkaitan batik yang pernah Encik Sarkasi usahakan, laporan di Internet, laporan-laporan berita daripada pelbagai sumber termasuklah Berita Harian dan surat khabar lain dalam bentuk bercetak ataupun dalam bentuk digital, serta sumber-sumber lain yang tidak punya sumber rujukan.

Rujukan

1. Sarkasi Said (1997). Lyrics in Wax art of Sarkasi Said Tzee. Diterbitkan oleh Tzee Creation Pte Ltd
2. Sarkasi Said (2002). Memory Back and White Sketches of Sarkasi Said Tzee. Diterbitkan oleh Baoyou (S) Pte. Ltd.
3. Sarkasi Said (2005). TZEE-TROPECTION a decade of Sarkasi Said, 30 March – 18 April 2005. Diterbitkan oleh The Arts House, Crocodile International dan Official Free Card Media
4. Sarkasi Said (2007). Spectrum of the Soul. Taman Gallery, 71 Sultan Gate, Singapore 198496
5. Sarkasi Said (2017). "... ALWAYS MOVING" The Batik Art of Sarkasi Said. Diterbitkan oleh NUS Museum
6. Sarkasi Said. Mother and Child: A Preview Exhibition of Sarkasi Said's Mother & Child South East Asia Tour. Diterbitkan oleh Gan Offset Services
7. Sarkasi Said. Land of Pride
8. Sarkasi Said. Sarkasi Tzee. Diterbitkan oleh National Arts Council
9. Sarkasi Said. Mother and Child. Preview Exhibition of Sarkasi Said's Mother and Child South East Asia Tour. Diterbitkan bersama oleh National Arts Council, Lee Foundation, IMG Promotion, HARA, Pusaka Karuhun Cultural Heritage Association

Sumber Internet

1. <http://art.singtel.com/artists/sarkasi-said>
2. <https://artsrepublic.sg/events/2017/9/?start=16>
3. <https://gramho.com/explore-hashtag/sarkasisaid>
4. <https://www.roots.sg/learn/collections/listing/1032549>
5. <https://www.beritaharian.sg/setempat/nilai-batik-sarkasi>
6. <https://www.facebook.com/pg/Sarkasi.Said.Tzee/posts/>
7. <https://libris.nie.edu.sg/featured-artists-the-nie-art-collection>
8. http://nus.edu.sg/museum/pdf/2017/AlwaysMoving_SarkasiSaid.pdf
9. <https://artsrepublic.sg/index.php/events/Category/visual-arts?start=720>
10. <https://www.imsph.sg/beritaharianhonoursinspiringachieversandpioneers/>
11. <https://www.artweek.sg/events/always-moving-the-batik-art-of-sarkasi-said>
12. <https://www.straitstimes.com/singapore/inspiring-achievers-pioneers-honoured>

13. <https://blog.cycmadetomeasure.com/from-street-painter-to-award-winning-artist/>
14. <https://www.beritaharian.sg/setempat/pm-lee-tempah-baju-corak-batik-dari-sarkasi-said>
15. <https://www.straitstimes.com/lifestyle/arts/batik-artist-sarkasi-said-is-inspired-by-nature>
16. <https://www.thestar.com.my/lifestyle/culture/2017/10/02/batik-artist-holds-solo-exhibition>
17. <https://artsandculture.google.com/asset/meadow-sarkasi-said-tzee/LQF3X1o3UI0a1w>
18. <https://thepeakmagazine.com.sg/lifestyle/batik-artist-sarkasi-said-connects-past-present-latest-exhibition/>
19. <https://berita.mediacorp.sg/mobilem/singapura/baju-batik-sarkasi-said-jadi-ootd-lebih-10-ap-menteri-semasa-ndp/4097834.html>
20. <https://berita.mediacorp.sg/mobilem/singapura/sarkasi-said-muncul-dengan-pameran-always-moving-selepas-5-tahun/3830902.html>
21. <https://www.facebook.com/mayagallerysg/posts/sarkasi-said-who-goes-by-the-artist-name-tzee-is-one-of-singapores-iconic-and-pr/2292999400769854/>
22. <https://www.facebook.com/mayagallerysg/posts/thank-you-haryani-ismail-berita-harian-singapura-for-the-insightful-writing-of-o/2282464761823318/>

